



HariRabu
9 Disember 1992



LAPORAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELAPAN

EIGHTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION.

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

Hari Rabu
9 Disember 1992

LAPORAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELAPAN

EIGHTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

Bil.	Kandungan	Muka Surat
------	-----------	------------

5.	Perbahasan	
----	------------	--

	Rang Undang-undang Perbekalan (1993) 1992 (sambungan)	3
--	--	---

Laporan Persidangan

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KELAPAN,**

**MESYUARAT YANG KETIGA
PENGKAL YANG KEDUA**

Hari Rabu, 9 Disember, 1992

*(Tempat: Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)*

HADIR

Yang Berhormat Tuan Speaker (Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji
Abbas, DMPN, DJN) - Ahli Kawasan Bertam

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Koh Tsu Koon) - Ahli
Kawasan Tanjong Bungah

Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Dr. Ibrahim bin Saad) - Ahli
Kawasan Seberang Jaya

Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Ahmad Zaki
bin Haji Husin, SMP)

" " Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Goh Cheng Teik)

" " Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin
Bakar)

" " Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen,
PJK)

" " Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin
Abdul Hamid, PKT, JP)

" " Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Kang Chin Seng)

" " Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ibrahim bin
Yaakob, PJK)

" " Ahli Kawasan Telok Bahang (Dr. Hilmi bin Haji
Yahaya)

" " Ahli Kawasan Telok Kumbar (Dato' Haji Mohd. Zain
bin Haji Omar, DSPN, PJK, PJM)

" " Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin
Haji Ramli, PJK)

" " Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai,
JP)

" " Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohammed
Yussof bin Abdul Latib @ Abdul Latiff, PKT, JP)

" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Lim Chien Aun, PJK,
JP)

"	"	Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad, AMN, PJM)
"	"	Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan, PJK)
"	"	Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan, PJK, PJM)
"	"	Ahli Kawasan Penaga (Encik Azhar bin Ibrahim)
"	"	Ahli Kawasan Prai (Encik V. Muthusamy, AMN, PKT)
"	"	Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang)
"	"	Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat)
"	"	Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Peter Paul Dason)
"	"	Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Chian Heng Kai)
"	"	Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
"	"	Ahli Kawasan Mak Mandin (Encik Lim Hock Seng)
"	"	Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
"	"	Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow)
"	"	Ahli Kawasan Berapit (Encik Wong Hang Yoke)
"	"	Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram)
"	"	Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Ong Hock Aun)
"	"	Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Cheah Teik Hoe)
"	"	Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Phee Boon Poh)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Cik Tan Lee Lee)

Dewan bersidang semula jam 9.35 pagi

Setiausaha:

Doa.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula dengan perbahasan. Ahli-ahli yang berminat dijemput. Kalau tidak ada, saya hendak minta menggulung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Hajjah Rokiah Bee bt. Hassan):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Belanjawan 1993 pada pagi yang mulia ini.

Dato' Speaker, saya mengucapkan syabas kepada Y.A.B Ketua Menteri yang telah membentangkan usul perbekalan yang berfaedah dan meningkatkan ekonomi rakyat serta keselesaan Jabatan-jabatan Kerajaan yang boleh mengendalikan pentadbiran dengan cekap dan berkesan lagi. Y.A.B Ketua Menteri peka terhadap beberapa peruntukan yang patut dilebihkan sepertimana pada program pelancongan, pendidikan, Perbadanan Perpustakaan Negeri, infrastruktur dan lain-lain lagi.

Dato' Speaker, Yang Berhormat pembangkang sentiasa mencari jalan menghentam Kerajaan Negeri sahaja. Sikap negatif pembangkang akan menyebabkan perselisihan faham antara rakyat dan Kerajaan. Budaya hentam-menghentam tidak ada lagi, tuduh-menuduh dan dengki mendengki tidak diterima oleh rakyat. Sekarang saya mintalah kita amalkan budaya membina.

Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dapat menyediakan bantuan pelajar-pelajar miskin Negeri Pulau Pinang yang dibawah Program PPRT di mana kita sudah kenal pasti keluarga-keluarga yang di bawah Program PPRT supaya anak-anak dalam keluarga ini diberi bantuan yuran persekolahan pengajian setahun sekali memandangkan mereka tidak mampu. Oleh itu saya harap program ini dapat diadakan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan juga supaya Kerajaan Negeri dapat memperuntukkan program kecemerlangan pelajar-pelajar kepada ADUN-ADUN supaya kita dapat meningkatkan lagi pelajar-pelajar yang tinggal di luar bandar dan kita dapat memberi galakan terhadap pelajar-pelajar ini.

Peruntukan Perpustakaan Negeri yang mana dibentangkan, Perbadanan Perpustakaan Pulau Pinang mendapat \$550,000. Ini lebih

daripada tahun sudah tetapi apalah kalau boleh kita minta ditambahkan sedikit lagi memandangkan banyak daerah atau kawasan-kawasan yang memerlukan Perpustakaan Desa. Ini adalah untuk menambahkan dari segi keilmuan terhadap pelajar-pelajar mahupun terhadap pemimpin-pemimpin masyarakat.

Dato' Speaker, saya pergi pula kepada program pelancongan. Di sini pelancongan yang kita dapat lihat sekarang adalah di Pulau Pinang sahaja - di pulau sahaja, manakala di Seberang Perai kita tidak mewujudkan suatu tempat pelancongan langsung. Jadi apa kata kalau kawasan yang membangun sekarang seperti di kawasan Butterworth ke Kuala Muda, kita adakan satu pusat rekreasi air, balai budaya, yang mana di balai budaya itu kita dapat adakan kraftangan, tembikar dan pertunjukan kebudayaan ataupun permainan tradisional. Ini kita boleh menarik pelancong-pelancong datang ke tempat itu supaya keadaan alam sekitar yang semulajadi di kawasan-kawasan pertanian kita dapat tunjukkan kepada pelancong-pelancong yang berkenaan yang mana yang telah dikenalpasti oleh pihak PDC.

Dato' Speaker, dalam pembentangan perbekalan ini kita adakan program-program melatih belia dari segi kemahiran di bidang teknologi moden. Jadi saya ingin memperjuangkan hak wanita. Apa salahnya kalau dibangunkan pusat atau institusi kepada wanita-wanita untuk melatih wanita-wanita dalam bidang kraftangan, elektronik dan masakan. Wanita-wanita ini patut dilantik sebagai *chef*. Sekarang ini di hotel-hotel kita nampak lelaki sahaja sebagai *chef*.

Tuan Speaker:

Chef di rumah saja, sudahlah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Hajjah Rokiah Bee bte Hassan):

Ini adalah lebih professional lagi supaya kita dapat meningkatkan ekonomi mereka dan dapat membantu suami-suami mereka yang kurang berkemampuan, lebih-lebih lagi mereka kurang mampu untuk melanjutkan pelajaran.

Dato' Speaker, saya ingin menyentuh tentang moral pekerja-pekerja kilang di Negeri Pulau Pinang. Pulau Pinang pesat membangun dari segi perindustrian. Kilang-kilang banyak dibangunkan. Dari segi ekonomi sudah tentu ianya akan bertambah dengan wujudnya kilang-kilang yang begitu banyak sudah tentulah akan bertambah pekerja-pekerjanya. Pekerja-pekerja ini datang daripada luar-luar negeri di merata-rata di Semenanjung, terutama sekali dari Utara Semenanjung. Kita sering mendengar berbagai-bagai masalah berhubung dengan pekerja-pekerja ini. Jadi saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengambil inisiatif yang lebih

kemas lagi dalam membendungkan sosial pekerja-pekerja ini. Kita ingin memastikan tempat dan mengadakan kawalan dan kita minta kalau boleh majikan menjadi ibu-bapa mereka memandangkan mereka datang dari jauh, jauh dari keluarga dan ibu-bapa, jadi tidak terkawal. Jadi masalah-masalah yang timbul ini akan berlaku, dan surat khabar hari ini ada menyebut beberapa belas pasangan ditangkap berkhawat. Jadi saya rasa dan bila diteliti mereka ini semuanya datang daripada luar Negeri Pulau Pinang. Jadi kita mintalah majikan-majikan dapat bertanggungjawab untuk mengenalpastikan tempat mereka dan kita kalau ada asrama, kita asingkan antara lelaki dengan wanita dan kita mengenalpasti tempat manakah yang mereka tinggal supaya kawalan-kawalan lebih teratur lagi supaya pergaulan yang bebas ini kita bolih bendung.

Dato' Speaker, pihak majikan hanya memikirkan kepentingan dan keuntungan kilang masing-masing sahaja. Mereka tidak bertanggungjawab terhadap pekerja-pekerja yang mereka membayar gaji itu.

Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan juga, kalau boleh, MPSP atau MPPP atau Kerajaan Tempatan dapat membina gerai-gerai di kawasan industri memandangkan kita lihat sekarang kawasan-kawasan industri kilang-kilang yang tidak ada kantin masing-masing. Ada penjaja-penjaja yang berleluasa menjual barang makanan yang tidak teratur tempatnya. Kalau boleh untuk meningkatkan ekonomi negeri kita adakan gerai-gerai dengan kemas.

Dato' Speaker, kita sekarang ini bercakap tentang teknologi moden yang mana kemahiran-kemahiran diberi peluang kepada belia-belia di kawasan Negeri Pulau Pinang ini yang mana kita dengar apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) yang di bawah PDC yang mana kita dapat melatihkan belia-belia ini. Jadi saya berharap supaya belia-belia ini dapat membantu belia-belia di kawasan luarbandar di dalam sektor pertanian kerana kita banyak lihat di sektor-sektor pertanian, anak-anak muda tidak mahu langsung melibatkan diri dalam sektor pertanian. Jadi saya harap apa salahnya kemahiran-kemahiran ini dilatih kepada belia-belia untuk kecenderongan terhadap sektor pertanian.

Akhir kata saya mengucapkan syabas sekali lagi kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang mana telah membentangkan Belanjawan ini, yang cukup berkesan dan cekap lagi dan apa yang dilihat kelmarin yang diutarakan oleh Ahli Kawasan Berapit kata pembentangan ini tidak berkesan. Jadi saya minta Ahli Kawasan di sebelah sana mengkaji balik dan carilah jalan suapaya kita dapat sama-sama membangunkan Negeri Pulau Pinang. Sekian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohammed Yussof bin Abdul Latib):

Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih.

Dato' Speaker, saya bangun untuk turut serta mengambil bahagian membahaskan Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 7 Disember, 1992 mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1993.

Dato' Speaker, saya dapati Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang Perbekalan yang lengkap dan sempurna. Walaupun ianya nampak sederhana tetapi ianya sesuai dengan keadaan semasa dan menunjukkan kebijaksanaan dan kecekapan pihak Kerajaan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka yang boleh dibanggakan oleh rakyat jelata.

Dato' Speaker, saya ingin menyentuh mengenai peruntukan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam tahun 1993 berjumlah \$3,022,230 sebagai anggaran perbelanjaan mengurus tahun 1993. Saya menyokong penuh peruntukan tersebut kerana ianya wajar bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama yang diamanahkan untuk melaksanakan undang-undang dan pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang termasuklah soal nikah-kahwin, cerai dan melaksanakan tugas kehakiman di Mahkamah-mahkamah Syariah yang diadakan di setiap Pejabat Kadi Daerah di lima daerah yang ada sekarang ini dan juga membantu 125 buah Sekolah Ugama Rakyat. Begitu juga bagi mengatasi masalah keruntuhan moral dan akhlak muda-mudi di mana diwujudkan bahagian penguatkuasaan bagi mencegah maksiat seperti khalwat sepertimana yang disebutkan oleh Ahli dari Telok Ayer Tawar. Begitu juga mereka bertugas mencegah perlakuan zina yang akhir-akhir ini, Dato' Speaker, keadaan-keadaan yang buruk dan kelakuan kurang sopan ini telah berlaku dengan berleluasa. Keadaan maksiat seperti khalwat dan keruntuhan moral atau akhlak ini nampaknya, di Pulau Pinang semakin hari semakin ketara maka saya dapati pegawai pencegah maksiat atau pegawai penguatkuasa yang diberi tanggungjawab mengawasi khalwat dan zina ini hanya ada 17 orang sahaja dan mereka bertanggungjawab untuk mengawasi seluruh Negeri Pulau Pinang. Hasil yang telah diperolehi daripada denda-denda yang dikenakan semuanya menjadi hasil Kerajaan Negeri.

Dato' Speaker, dengan pertambahan bilangan kilang sepertimana yang dilaporkan dalam jawapan Soalan Lisan hari pertama kelmarin dulu, kita diberitahu bahawa kilang telah melebihi 1,000 buah dan pekerja-pekerjanya pula melebihi 130,000 orang maka didapati perlakuan khalwat muda-mudi dan yang sedihnya ada yang duduk serumah tanpa kahwin maka berlakulah perlakuan zina dan

sebagainya yang sangat memalukan. Menurut laporan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, jumlah tangkapan yang dibawa ke Mahkamah pada tahun 1991 bagi kes khalwat melebihi 800 kes, manakala zina berjumlah lebih daripada 300 kes, maka semua denda yang diperolehi menjadi hasil Kerajaan. Oleh itu saya rasa perlu ditambah pegawai-pegawai penguatkuasa ini yang hanya ada 17 orang sahaja.

Dato' Speaker, menyentuh hal kebajikan pekerja-pekerja kilang di Pulau Pinang, kita diberitahu oleh Ahli EXCO Sungai Pinang bahawa pihak kilang telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pekerja-pekerja seperti perumahan di mana telah disewa rumah-rumah pangsa oleh syarikat-syarikat tertentu, diberikan bas, van percuma, perubatan dan rawatan percuma, sukan dan rekreasi, koperasi, insuran kemalangan, cuti ihsan dan menyediakan bilik sembahyang dan sebagainya. Tetapi saya ingin tahu Dato' Speaker, adakah pihak kilang-kilang mengambil berat mengenai kesedaran sivik dan pengawalan akhlak atau moral pekerja-pekerja. Adakah dijalankan kursus-kursus secara wajib bagi menanamkan kesedaran mengenai tanggungjawab sosial disamping meningkatkan mutu kerja pekerja-pekerja itu.

Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh Para 17 daripada teks ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di mana beliau menyatakan peruntukan sejumlah \$100,000 disediakan untuk program mengenai penerangan awam dan penyelidikan sosial. Program ini diwujudkan sejak tahun 1992 supaya dapat memberi perkhidmatan penerangan kepada golongan-golongan sasaran seperti golongan belia, pelajar-pelajar dan pertubuhan-pertubuhan sosial di mana diharapkan mereka lebih memahami dasar-dasar Kerajaan dan dapat menyertai dan menikmati munafaat dari rancangan-rancangan pembangunan secara lebih aktif dan berkesan. Kerajaan juga terus memperuntukkan sebanyak \$100,000 lagi untuk Program Perpaduan dan Rukun Tetangga untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni, bersatupadu dan penyayang.

Saya ingin bertanya, sehingga kini berapa banyakkah program Rukun Tetangga itu masih berfungsi dengan sepenuh-penuhnya di seluruh Negeri Pulau Pinang dan apakah aktiviti-aktiviti perpaduan dan penerangan-penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan serta aktiviti kemasyarakatan yang benar-benar memberi kesan untuk melahirkan masyarakat yang harmoni, bersatupadu, apa lagi melahirkan masyarakat penyayang yang telah dapat dilaksanakan di negeri kita ini?

Saya agak bimbang dengan peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang yang sering memburuk-burukkan Kerajaan dan kadangkadang memainkan isu perkauman yang boleh menjejaskan dasar dan matlamat perpaduan dan keharmonian dan mungkin mematikan

semangat perpaduan dan penyayang antara satu sama lain sedangkan kita hidup dalam sebuah negara yang amat perlu bersatupadu dan menanamkan semangat kerjasama yang erat dan menimbulkan masyarakat penyayang antara satu sama lain barulah dapat melahirkan sebuah negara yang maju.

Dato' Speaker, menyahut seruan Y.A.B. Perdana Menteri 'Dato' Seri Dr. Mahathir yang telah menyarankan Wawasan 2020 dan meletakkan matlamat dan cita-cita supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju maka Wawasan 2020 menggerak dan mengembelingkan seluruh tenaga rakyat Malaysia khususnya orang Melayu dan Bumiputra untuk bersama-sama mencapai kemajuan yang seimbang dalam semua aspek kehidupan tanpa melibatkan mana-mana kaum tersisih daripada arus pembangunan negara.

Dato' Speaker, saya ingin tahu sehingga kini sejauh mana kerjasama-kerjasama di antara kaum terutama rakan-rakan kita kaum Cina yang telah memberikan kerjasama kepada orang-orang Melayu atau kaum Bumiputra, terutamanya dalam bidang kerjasama perniagaan khususnya, sebagai bukti semangat kerjasama dan perpaduan kaum dan memupuk semangat masyarakat penyayang antara satu sama lain. Kita semua tahu bahawa saudara-saudara kita, rakan-rakan kita, orang Cina, telah lama berpengalaman dalam bidang perniagaan sedangkan orang-orang Melayu baru hendak belajar berniaga maka sebagai bukti kerjasama dan perpaduan kaum dalam sebuah negara yang bercita-cita dan menuju Wawasan 2020 maka amatlah wajar dan sangatlah diharapkan supaya rakan-rakan kita orang Cina dapat memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada kaum Bumiputra. Maka dengan demikian hasrat Wawasan 2020 sepertimana yang diharap-harapkan itu akan dapat dicapai.

Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan kepada satu masalah yang dihadapi oleh penduduk pekan kecil Sungai Puyu iaitu dalam kawasan saya di Sungai Dua. Sudah dua tahun perkara ini saya kemukakan pertanyaan dalam Dewan ini iaitu mengenai masalah jalan sempit di Simpang Empat di tengah-tengah Pekan Sungai Puyu iaitu jalan menuju ke Bagan Lallang dan Mak Mandin di mana setiap hari berlaku pertempuran dan kesesakan di persimpangan tersebut. Pada akhir tahun 1991, Y.A.B. Ketua Menteri sendiri berkesempatan bersama saya sendiri telah sempat melawat ke tempat tersebut. Setelah berbincang dengan pihak JKR, Yang Amat Berhormat bersetuju supaya dirobohkan dua buah kedai di kedua-dua belah jalan tersebut dan diperluaskan permukaan simpang masuk yang saya sebutkan itu tetapi Dato' Speaker nampaknya sampai sekarang belum ada apa-apa tanda atau apa-apa langkah yang telah diambil dan saya tidak dapat apa-apa maklumat lagi.

Dato' Speaker, saya menyokong langkah-langkah Kerajaan memperuntukkan \$80,000 untuk tujuan mengadakan kempen

keselamatan jalanraya untuk memupuk kesedaran keselamatan jalanraya di kalangan pengguna-pengguna jalanraya khususnya pengguna muda seperti muda-mudi, para pelajar dan sebagainya. Dalam kempen keselamatan jalanraya ini saya rasa amat perlu diperhebatkan bukan sahaja melalui radio dan TV tetapi kalau dapat diletak papan-papan tanda atau peringatan-peringatan dan gambar-gambar yang boleh memberi kesedaran yang lebih berkesan terutama di tempat-tempat persimpangan dan sebagainya, apa lagi ditempat yang sering berlaku kemalangan, dan kalau perlu diletakkan kata-kata hikmat yang menarik dan berkesan kepada orangramai untuk mengelakkan kemalangan. Saya rasa perlu dicipta sesuatu yang sesuai dengan kehendak dan masa.

Dato' Speaker, sepanjang dua hari yang lalu, kita semua mendengar pihak pembangkang menyatakan bahawa Belanjawan ini indah dan cantik pada kulitnya sahaja tetapi isinya buruk dan kosong. Sebenarnya saya lihat kata-kata itu hanya kata-kata orang yang ingin melepaskan geram kepada Kerajaan sahaja kerana di dalam Dewan inilah tempat mereka melepaskan geram yang setiap hari dipendamkan. Kalau kita teliti ucapan Y.A.B. Ketua Menteri di Para 19, jelas menunjukkan bahawa bagaimana Negeri Pulau Pinang terus menjadi tumpuan para penganjur untuk mengadakan berbagai bengkel, seminar dan persidangan bertaraf antarabangsa.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk menggalakkan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan para syarikat, korporat dan berbagai pertubuhan professional, akademik dan sosial sivik dari negara-negara. Negara luar juga telah mengadakan perjumpaan dan persidangan di negeri ini. Usaha Kerajaan ini akan menyumbang untuk memajukan negeri ini sebagai satu pusat konvensyen serantau. Di sini jelas betapa Kerajaan telah berjaya menarik perhatian bukan sahaja Malaysia tetapi negara-negara luar juga, maka ini membuktikan bahawa pihak Kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin muda yang memimpin Kerajaan sekarang telah berjaya menjalankan tugas dengan baik dan sempurna. Oleh itu kita dapat berbangga dengan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri dan juga barisan EXCO yang ada hari ini. Kita berharap negeri ini akan maju dan terus berjaya.

Sekian Dato' Speaker, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Y.B. Dato' Speaker, saya bangun memohon izin untuk mengambil bahagian dalam bahasan Belanjawan Negeri Pulau Pinang tahun 1993 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini.

Saya sebagai ADUN Kawasan Permatang Pasir menyokong Usul yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kerana peruntukan atau belanjawan yang dibentangkan itu amat sesuai dalam jangka panjang dan jangka pendek untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang di masa ini. Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang mana telah bekerja begitu kuat, ikhlas dan jujur kepada Negeri Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang walaupun setengah pegawai-pegawai ini bukannya datang dari Negeri Pulau Pinang tetapi dengan tugas dan tanggungjawab mereka dan kesetiaan kepada negara dan Negeri Pulau Pinang tidak berbelah bagi. Saya selaku ADUN amat menghargai jasa-jasa mereka dan saya berharap mereka akan terus memberi sumbangan dan pandangan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang.

Dato' Speaker, kita faham bahawa perbahasan Belanjawan ini ialah untuk meneliti masalah kerja, perusahaan, upah, gaji dan perkhidmatan untuk menguruskan Negeri Pulau Pinang.

Saya dapati dua hari sejak perdebatan ini dijalankan, kawan-kawan kita di pihak sebelah sana sentiasa membangkitkan benda yang bukan di bidang Belanjawan tetapi dikaitkan berbagai-bagai. Jadi kalau boleh yang mereka minta adakan kursus-kursus itu, kita kursuskan mereka - pembangkang yang 12 orang itu, peruntukan kursus yang mana ada. Saya harap pegawai-pegawai boleh menjemput mereka hadir kursus kerana kursus ini boleh membawa ilmu kepada mereka, akhlak dan budaya bagaimana budaya duduk di dalam Dewan, akhlak di dalam Dewan, bagaimana hendak membahas Rang Undang-undang Peruntukan dan sebagainya. Kita boleh adakan kursus untuk mereka. Kita tidak mahu menjadi macam ibu ketam, bapa ketam kerana kita tengok ketua pembangkang, dia tidak serupa dengan pengikut-pengikutnya. Dia arahkan pengikut-pengikutnya buat sesuatu tetapi dia tidak. Dalam Dewan ini kita boleh tengok berapa ekor yang ada - kepala tidak ada. Tetapi ada juga pembangkang-pembangkang yang baik, ada pembangkang-pembangkang yang kita boleh terima pemikiran mereka. Ada pembangkang yang kita boleh ikut tetapi ada pembangkang yang baik tetapi yang baik itu sedikit, jahat itu banyaklah. Yang elok itu sedikit, yang tidak elok itu banyak. Serupa - kita ada yang hitam, ada yang putih. Yang hitam itu sedikit, yang putih itu banyak. Jadi Dato' Speaker, pada saya Belanjawan yang dibentang oleh Y.A.B. Ketua Menteri, kita faham dan dijangkakan ekonomi negara ini, ekonomi negeri ini akan lembab sedikit jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas iaitu tahun 1991 dan 1992. Mungkin prestasi dunia menurun, kita akan turut bersama. Walau bagaimanapun saya meminta kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri supaya mestilah mempunyai persiapan dan persediaan untuk menghadapi kelembapan ekonomi yang akan datang. Kita mesti hadapi, kita tidak dapat elak tetapi persediaan dan persiapan kita mesti hadapi. Kita mengaku sendiri bahawa negeri kita ini kecil, penduduknya ramai, sumber alam semulajadi tidak ada. Walaupun

kita tidak ada sumber alam semulajadi seperti balak, bijeh, minyak dan sebagainya tetapi kita mampu berdiri di atas kaki kita sendiri. Kita mampu dan kita akan sentiasa berkerjasama dengan Kerajaan Pusat dan kalau boleh kita minta Kerajaan Pusat kaji pemberian yang lebih banyak kepada kita untuk kepentingan pembangunan negeri ini di mana negeri kita pembangunannya begitu pesat dan banyak lagi yang kita perlu berdasarkan ramainya penduduk. Walaupun negeri kecil, penduduk ramai - kita berdasarkan kepada itu. Kalau berdasarkan kepada kepala, negeri kecil orang pun sedikit tetapi kepadatan dalam sesuatu negeri. Ada pembangkang kata kita selalu minta sedekah - berasa kecil hati dan kita kata berasa terhina, negeri kita kecil tidak ada alam semulajadi dan sebagainya.

Sebenarnya Dato' Speaker, kita bukanlah satu dasar yang riak dan sombong. Kita kuat, kita tidak mahu kata macam itu. Kita ada duit, kita tidak mahu riak dan sombong. Ini Allah Taala pun tidak serta dengan kita. Kalau kita hendakkan sesuatu, kita boleh terus *direct* dengan Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat sentiasa membantu kita.

Y.B. Dato' Speaker, masalah cukai - kita hanya bergantung kepada cukai tanah, pendapatan yang tetap dan lain-lain cukai yang kecil. Walau bagaimanapun, cukai-cukai yang kita pungut tidak seberapa. Kerajaan Negeri amat berani.

Kerajaan Negeri tidak mahu mengkaji semula cukai-cukai pada tahun ini, dan cukai-cukai tahun ini seimbang, sama dengan tahun yang lalu, tidak naik. Ini bermakna Kerajaan Negeri, kita ini berani dan ada lain-lain sumber yang boleh didapati. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri kita ini ada pandangan tersendiri dan pandangan jauh. Ada sumber-sumber dan *income* yang boleh datang untuk membantu dan menokok tambah cukai-cukai yang ada. Tetapi tidak akanlah Kerajaan Negeri hendak beritahu kepada pembangkang, duit mana *sources* hendak mari. Kita minta sokongan daripada pembangkang beri sokong. Kita hendak pembangkang yang ikhlas, jujur tetapi dalam ucapan-ucapan pembangkang yang saya dengar, seorang pun tidak sokong. Bangun berucap, terima kasih kepada Dato' Speaker, duduk senyap, keluar bawa beg. Inilah budaya pembangkang dalam Dewan.

Dato' Speaker, saya bersetuju juga dengan satu dua pembangkang seperti pembangkang Bukit Tengah yang tidak pernah memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri tetapi kelmarin beliau beri cadangan kepada Kerajaan Negeri. Pada mula saya pun hendak bercakap mengenai perkara itu tetapi bila dia bercakap saya rasa itu agak baik juga kerana meminta Kerajaan Negeri bertindak mengutip tunggakan-tunggakan cukai tanah terhadap badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan seperti KTM, Tenaga dan lain-lain. Sebenarnya apa yang saya bisik-bisik dengan pegawai-pegawai, tunggakan sudah tidak banyak, sudah kutip dan Kerajaan Negeri sudah buatlah.

Kerajaan Negeri sudah kutip, yang tinggal tidak banyak. Saya beralih tanya pegawai di belakang dan mereka berkata sudah kutip, tunggakan sudah tidak banyak, mereka sudah jalankan kerja. Maknanya pembangkang tertinggal ke belakang. Mereka tidak tahu apa yang Kerajaan Negeri sudah buat dan tidak tahu apa yang pegawai-pegawai sudah buat. Dia tahu kerja mereka 6 bulan sekali datang Dewan. Kita ini pegawai Kerajaan dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat pihak Kerajaan ini kerja di luar, *on the site*. Kalau hendak datang kerja dalam Dewan, apa pun boleh cakap. Bawa datang *facts*, sumber yang hendak dicakapkan dalam Dewan, tengok tidak betul, serupa Yang Berhormat Berapit semalam. Dia kata Perpustakaan kena duit. Bila Yang Berhormat dari Sungai Acheh tanya bila kena duit, tidak tahu jawab pula. Itu tidak betul. Jadi kita kena cari *facts and figures* yang betul baru bercakap dalam Dewan.

Saya juga mengharapkan kepada Kerajaan dapat memungut semula duit-duit peruntukan yang diberi pinjaman kepada penuntut-penuntut iaitu penuntut-penuntut yang telah bekerja. Penuntut yang mampu dan bekerja dan mendapat gaji lumayan, bayarlah balik kepada Kerajaan Negeri. Duit itu Kerajaan Negeri Negeri akan beri kepada adik-adik kita dan orang lain yang perlu. Barulah kita boleh membanyakkan tabung kita. Kita kutip dan orang bayar balik duit itu dan kita akan beri kepada orang lain. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada penuntut-penuntut yang mana telah dapat biasiswa, pinjaman daripada Kerajaan Negeri, bayar baliklah setakat yang mampu. Yang mana penuntut itu telah mendapat kerja, mendapat gaji yang lumayan, *sparekanlah* sedikit untuk membayar balik untuk kepentingan penuntut-penuntut lain pula.

Dato' Speaker, di Negeri Pulau Pinang ini terdapat tanah-tanah Kerajaan dan kuarters-kuarters lama, kuarters-kuarters penjajah dulu dan tanah-tanah Kerajaan di tempat yang strategik. Tanah-tanah ini saya rasa pada masa ini tidak ekonomik. Saya amat bersetuju dengan YAB Ketua Menteri yang berkata kuarters ini akan dinaikkan cukai, dinaikkan sewaan lebih, tetapi tidak ada perubahan. Kalau boleh kuarters-kuarters ini, tanah-tanah ini dipecah dan dibangunkan semula untuk menjadi lebih ekonomik untuk kemajuan dan pembangunan. Saya tengok banyak tanah-tanah dan kuarters-kuarters lama yang tidak ekonomik. Tanah-tanah itu boleh dirancang semula, di dirikan pembangunan yang lebih ekonomik untuk Negeri Pulau Pinang. Itu adalah satu sumber untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dato' Speaker, sektor pelancongan juga sebagai sumber masuk duit. Sektor pelancongan juga boleh mendapat sumber hasil negeri yang baik. Oleh itu, saya minta Kerajaan Negeri mengkaji tempat-tempat yang sesuai, kalau kita tidak mampu hendak mengkaji, kita mencari konsultan yang pakar, yang bijak dalam pelancongan supaya mereka boleh mengkaji bagaimana hendak menarik orang luar datang negeri ini. Saya buat cadangan ini minta Kerajaan Negeri adakan

tempat-tempat yang sesuai. Saya tidak buat cadangan seperti pembangkang daripada Air Itam. Hendak buat atas titi nanti terjun mati di situ. Atas titi, atas jambatan, hendak *park* kereta pun tidak boleh, macam mana hendak buat gerai. Kita kena ada pandangan yang sesuai, minta Kerajaan adakan tempat-tempat pelancongan yang istimewa. Kalau kita tidak mampu untuk berfikir, kita cari konsultan. MPSP boleh cari JICA dan sebagainya, kenapa kita tidak boleh cari. Cari konsultan yang baik supaya kita boleh menarik pelancong-pelancong. Saya juga mengharapkan kepada Kerajaan Negeri dapat *claim* daripada LLMkah, PLUSkah, yang mana telah merosakkan jalan-jalan kita di dalam Negeri Pulau Pinang ini. Adakah pihak JKR ataupun Kerajaan Negeri telah membuat tuntutan? Adakah cadangan-cadangan mereka untuk membuat tuntutan? Kalau sudah buat tuntutan, berapa yang sudah dituntut? Kerana jalan-jalan kita rosak. PLUS dan LLM ini adalah satu badan korporat perniagaan dan ditunjukkan oleh Kerajaan Pusat. Kita yang menanggung rugi, yang kena dihentam ialah Kerajaan Negeri, wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan. Bila Mesyuarat Tindakan Daerah, JKR kena. JKR hendak jawab bagaimana, tidak ada peruntukan. Yang merosakkan jalan, pihak lain. Yang mengaut untung pihak lain.

Oleh itu Kerajaan Negeri patut tuntutan daripada pihak LLM atau PLUS ini ganti rugi ataupun saguhati menggunakan jalan kita, merosakkan jalan kita untuk tujuan *repair* bukan untuk keuntungan. Jadi Belanjawan kita untuk buat jalan boleh digunakan untuk perkara yang lain. Terutama sekali jalan di kawasan saya daripada Kubang Semang, Permatang Nibong, Kampong Pertama. Beberapa orang pembangkang kata seperti naik perahu, naik sampan, memang betul. Bila orang kata hendak pergi dari Kampong Pertama ke Kubang Semang, pening? Kenapa pening, serupa naik sampan, naik turun, naik turun. Oleh itu saya minta perhatian daripada pihak yang berkenaan. Kalau boleh repair balikkah jalan itu dan jalan dari Permatang Pauh hingga ke Penanti juga teruk. Tepi-tepi jalan ini penuh dengan tumbuh-tumbuhan, *bush* orang katakan. Tetapi di Amerika Bush sudah dipotong, disini belum lagi. Saya mintalah tolong potong rumput-rumput di tepi jalan itu dan pokok-pokok yang mengganggu jalan-jalan.

Y.B. Dato' Speaker, saya juga di sini berterima kasih kepada pihak pegawai-pegawai Kerajaan yang mana telah menyediakan jawapan-jawapan secara bertulis dan lisan kepada Dewan ini. Tetapi malangnya setengah-setengah soalan, sebahagian besar soalan lisan tidak dapat dijawab di dalam Dewan ini. Ini kerja kuat pegawai, saya tidak nafikan, betul. Tetapi malangnya tidak dapat dibentangkan di dalam Dewan ini untuk pengetahuan ahli-ahli Dewan dan juga orang ramai. Rakyat juga hendak tahu soalan-soalan daripada rakyat. Kita tidak boleh mempersalahkan Kerajaan dan kita tidak boleh mempersalahkan pegawai-pegawai Kerajaan kerana pegawai-pegawai Kerajaan bekerja siang malam, selidik, kaji, buat soalan. Tetapi yang

salah ialah pembangkang. Pembangkang kacau soalan. Bangkit satu soalan dia tanya, tanya, tambah, tidak tambahpun dia jadi seperti bahas. Jadi kecewalah, membazir masa pegawai-pegawai Kerajaan yang siang malam buang masa, tidak dapat *overtime* pun. Bila hendak jawab dan beritahu kepada rakyat, yang tanya wakil rakyat..... Wakil rakyat, bila Ketua Menteri menjawab, bangga. Dia boleh tunjuk kepada rakyat yang JKKK Ketua Cawangan tanya kita bawa dalam Dewan tetapi tidak boleh. Sebab apa, pembangkang kacau. Mereka kacau tentang sempadan pilihanraya, takut bukit, takut pengundi dan sebagainya. Perkara-perkara yang lama bawa di dalam Dewan. Kita tanya semua perkara yang baru tetapi tidak terjawab. Salahkan pembangkang, pembangkang yang bersalah, bukan pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak sedia dan bukan Ahli-ahli Kerajaan yang tidak menjawab tetapi pembangkang yang salah. Buang masa. Boleh jawab setakat 32, 35 soalan, habis. Soalan 200 lebih. Lain kali, kita hendak minta ini minta untuk pengetahuan sahaja, bukan untuk berdebat. Soalan-soalan lisan, ini hendak berdebat, habis rosak satu Dewan. Pegawai-pegawai Kerajaan hendak buat perkara lain lagi, bukan hendak buat soalan. Buat soalan tidak terjawab, tidak boleh bawa ke Dewan, rugilah, buang masa. Lain kali saya hendak mengingatkan kepada pembangkang supaya menghargailah kerja-kerja orang dan menghargailah kehendak ahli-ahli lain yang sama dan kehendak-kehendak rakyat, bukan untuk kepentingan diri sendiri.

Saya juga mengharapkan peruntukan-peruntukan yang diberi kepada jabatan-jabatan dapat di gunakan dengan sebaik-baiknya kerana ini adalah wang rakyat. Wang rakyat untuk rakyat. Peruntukan-peruntukan yang diberikan ini seperti peruntukan rancangan pendidikan, latihan para belia dibidang kemahiran dan sebagainya, itu amat sesuai. Belia-belia ini, pelajar-pelajar ini akan menghadapi Wawasan 2020. Kita hendak generasi kita yang akan datang, generasi yang baik, bersopan, berakhlak, berwibawa tinggi, berkebolehan, berkemajuan. Wang yang diperuntukkan ini hendaklah digunakan dengan bersungguh-sungguh supaya belia-belia kita tidak menjadi belia peleser, belia yang pakai seluar koyak di lutut, duduk KOMTAR Tingkat 5. Kita hendak belia kita belia yang mampu, berkemajuan, yang berani menghadapi arus suasana zaman. Dan juga peruntukkan sedikit untuk kursus ahli pembangkang. Dan supaya belia-belia kita ini jangan jadi belia penagih, masuk ke kancah yang tidak baik. Bila akhlak belia kita tidak sihat, belia atau generasi kita yang akan datang pengotor, tidak sihat dan berpenyakit, ekonomi negeri juga akan merosot, akan terjunam, akan terjatuh. Siapa yang hendak datang melancong negeri kita kalau negeri kita kotor dan belia-belia kita penagih, belia kita penyakit, macam-macam penyakit? Tidak ada siapa yang hendak melancong. Tidak ada siapa yang hendak datang ke sini dan pelabur-pelabur asing tidak akan datang melabur di sini kerana belia-belia kita berpenyakit. Bagaimana hendak bekerja kuat? Itulah peruntukan-peruntukan untuk kursus, latihan dan sebagainya perlu diperbanyakkan. Di samping itu, duit itu juga boleh

mengkursuskan pembangkang-pembangkang. Seperti kata pepatah orang Melayu, hendak melentur buluh, lenturlah dari rebung. Inilah persiapan Kerajaan Negeri kita, hendak melatih belia-belia kita supaya belia kita ini menjadi belia yang baik.

Dan juga, Dato' Speaker, pendidikan agama, moral, disiplin para pelajar belia kita ini perlu ditekankan. Elakkanlah belia-belia kita ini menjadi belia yang khayal, belia-belia yang berangan-angan, yang berpelesenan dan sebagainya. Itu tanggungjawab kita. Belia kita pada masa ini dan Wawasan 2020, mereka akan bertanggungjawab. Kalau terjadi sesuatu, kita pula yang bertanggungjawab sebab masa kita untuk membina mereka. Wawasan 2020 bermula daripada kita yang jadi pemimpin. Wawasan 2020 yang dirancang oleh Y.A.B Perdana Menteri kita adalah di masa kita menjadi pemimpin, di masa kita berkuasa. Kalau kita abaikan perkara ini, di akhir nanti, belia-belia itu akan kutuk kita. Anak-anak muda itu akan jadi dewasa akan kutuk kita. Apa pemimpin-pemimpin semasa tahun 1992 dan 1993 yang mana *budget* yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat untuk kursus mereka, pembangkang tidak sokong? Satu orang pun, bila bangun tidak sokong. Duduk, cakap-cakap hentam Kerajaan, hentam Ketua Menteri. Pandangan yang elok, tidak ada. Sedangkan pegawai-pegawai pun dia hentam. Pegawai ini jentera kita, janganlah hentam mereka. Boleh bisik di belakang. Kita dengan pegawai tidak ada masalah. Ekonomi negeri akan jatuh jika belia-belia kita berpenyakit dan tidak sihat. Negara akan runcing, akan pincang jika generasi kita akan datang atau belia-belia di masa ini atau akan datang bermoral rendah.

Y.B Dato' Speaker, untuk memajukan negeri dan untuk membantu menambahkan kewangan Kerajaan Negeri, tanah-tanah wakaf Kerajaan, tanah-tanah wakaf di Negeri Pulau Pinang patut dimajukan dengan segera, yang ada 900 ekar/hektar/lot yang disebutkan oleh Timbalan Ketua Menteri patut dimajukan semula. Kalau boleh kita wujudkan satu peruntukan supaya tanah-tanah ini boleh diluluskan, boleh dimajukan dan kita ketepikan siapa-siapa yang hendak menghalang. Kita wujudkan satu peruntukan. Kerana manakala kita hendak mewujudkan tanah-tanah wakaf ini, ada-ada sahaja *court injunction*lah, masalah, hendak menghalang kemajuan Negeri Pulau Pinang. Kalau kita dapat majukan tanah-tanah wakaf ini, maka ini salah satu sumber untuk kemajuan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Pulau Pinang boleh mendapat kutipan hasil yang lebih. Begitu juga, kalau boleh, Kerajaan Negeri wujudkan satu Jabatan Wakaf Negeri Pulau Pinang ini untuk mengkaji hal-hal wakaf, Baitulmal di Negeri Pulau Pinang. Di Negeri Arab ada Menteri Wakaf dan sebagainya. Kita ada hak, kita boleh buat Jabatan Wakaf Negeri Pulau Pinang. Dan juga kutipan zakat. Kutipan zakat di Pulau Pinang ini patut dikemaskinikan, diaktifkan. Kalau boleh jadikan satu Jabatan Zakat. Jabatan Zakat ini boleh membangunkan, boleh membuat

kemajuan, pembangunan, *develop*, labur, sepertimana di negeri-negeri lain. Jabatan Zakat di sini saya rasa tidak begitu meluas. Kita kutip zakat, kita boleh labur dan sebagainya.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat bayar zakatkah?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Bayar.

Tuan Speaker:

Betul?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Betul. *Income tax* tidak bayar, zakat bayar. Duit tidak ada, hendak bayar *income tax* macam mana? Bala dari Datuk Keramat tidak bayar zakat. Zakat ada? *Income tax* pun tidak bayarkah?

Y.B Dato' Speaker, dengan cadangan-cadangan ini saya rasa dapat menambahkan *income* Negeri Pulau Pinang untuk kemajuan rakyat. Pentadbiran dan pengurusan hendaklah dikembangkan. Kalau kutip zakat, Dato' Speaker, biarlah buka, jangan tunggu sampai pukul 4.00 petang, tutup. Pukul 8.00 baru hendak buka. Saya tengok di Wilayah Persekutuan, dia buka siang malam untuk kutip zakat. Siang buka, malam buka untuk kutip zakat. Tetapi di sini, kita hendak .. bukan hendak katalah..kita hendak bayar zakat pun kena tunggu. Cari pegawai pun tidak jumpa hendak terima zakat. Oleh itulah saya minta kita kemaskinikan, tubuhkan satu jabatan. Jabatan itu pula berkuasa untuk melabur. Insyaallah Negeri Pulau Pinang dan orang-orang Islam di sini akan maju dan tidak meminta dari sesiapa. Tanah-tanah wakaf boleh dibangun dengan baik, dengan maju dan disitulah ekuiti-ekuiti orang Melayu beragama Islam ini akan bertambah.

Dato' Speaker, masalah pentadbiran Kerajaan. Saya memohonlah pada Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan membina bangunan Pejabat Daerah Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Saya tengok Pejabat Daerah Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah ini terlalu buruk dan uzur. Saya takut reban. Kalau reban, nasib, jangan masa saya naik pejabat itu. Sebab apa, bangunan-bangunan lama padat dan kalau boleh pejabat-pejabat ini hendaklah disatukan. Jangan letak di sana satu, di sini satu, jadi masalah, menyusahkan orang ramai, orang kampung. Dia pergi pejabat ini, pejabat ini tidak selesai. Dalam satu hari tidak boleh selesai. Kalau kita berdekatan,

berhampiran, senang. Habis Pejabat MPPP, datang Pejabat JKR. Buat macam KOMTAR, semua ada di situ. Saya minta kepada pihak Kerajaan dapat menyatukan jabatan-jabatan di bawah satu bumbung untuk kemudahan rakyat.

Dato' Speaker, saya suka hendak menekankan bahawa jawapan soalan saya, masalah dengan Pelan Luar Bandar. Sepertimana yang diucapkan oleh Yang diPertua MPSP dalam Dewan yang lalu, bahawa pelan-pelan akan dikecualikan, Insyaallah, sekarang ini dalam deraf undang-undang untuk tandatangan untuk dikemukakan kepada EXCO. Habis, Y.B. Timbalan Ketua Menteri mengumumkan di satu majlis, tetapi bila dijawab oleh Exco Kerajaan Tempatan, kita kata pelan-pelan telah dikecualikan dan pelan setara ada disediakan oleh dua Kerajaan Tempatan. Sebenarnya, Dato' Speaker, jawapan yang hendak diberi biarlah betul. Sehingga hari ini, orang-orang kampung yang hendak mendirikan rumah, yang kurang dari 1,000 kaki persegi, rumah kediaman masih kena pelan. Masih kena pelan. Yang betul, saya cakap betul. Walaupun pahit, yang betul itu kita kena tegur. Masih lagi kena pelan. Pelan setara itu pun kena lulus. Kena bayar \$28.50 kepada Kerajaan, kena lulus, kena pergi tengok, Yang DiPertua kena *sign*, Setiausaha Perbendaharaan kena *sign* pelan itu. Makan masa 2, 3 bulan, kadang-kadang setahun. Kena rujuk Pejabat Tanah, kena rujuk sana sini, padahal rumah kampung. Orang-orang ini hendak bekalan api, air, nombor. Sekarang okay, api dan air kita longgarkan, cuma hendak dirikan. Bila orang kampung dia faham, bila pemimpin cakap bermakna sudah lulus. Kami tidak tahu, Dr. Ibrahim cakap? Ini *cutting, paper*, Dr. Ibrahim cakap ini. Kenapa tidak lulus? Ini jadi masalah pegawai. Pegawai kata kami tidak dapat arahan. Orang kampung kata kami dapat arahan dari *paper*. Jadi pegawai dengan orang kampung berkelahi. Datang jumpa wakil rakyat. Wakil rakyat kena beritahu, lari pun tidak berupaya. Jadi sekarang saya minta, kalau boleh, segerakan perkara ini supaya hendak bangun rumah di luar bandar, rumah kediaman ini dikecualikan pelan, betul-betul dikecualikan. Jangan jadikan pegawai berkelahi dengan orang kampung dan wakil rakyat bermasalah.

Satu lagi jawapan dari Dr. Hilmi, terima kasihlah. Tindakan segera telahpun diambil. Saya ini orang yang suka berterus terang. Titi di tepi rumah saya itu belum buat lagi, belum mula lagi tetapi Dr. Hilmi kata akan siap tahun 1992 saya pun hairanlah. Masih bubuh tong lagi kawasan itu, lalu sebelah jalan. Jadi saya hendak membetulkan bahawa perkara itu belum dibuat lagi. Sebenarnya Dato' Speaker, kita ini kena tambah pegawai-pegawai Kerajaan di Pulau Pinang. Pegawai tidak cukup, orang ramai, kerja banyak. Kalau kita pandang Jabatan JKR ini, *engineer* berapa orang ada? Pengarah seorang, yang lain *Engineer*. Tidak cukup. TA tidak cukup. Saya faham. Bila dia minta duit, duit peruntukan tidak ada. Apa sebab tidak dibuat? Peruntukan tidak ada. Jadi masalahnya pegawai tidak cukup. Bukan setakat JKR sahaja pegawai tidak cukup. Jabatan-jabatan lain

pun. Saya mintalah kepada Kerajaan Negeri tolong perhatikan jabatan-jabatan yang tidak cukup pegawai ini ditambah. Negeri kita ini negeri pembangunan, negeri berkemajuan, negeri industri. Kita tidak mahu *engineer* kita hanya tengok di kawasan industri sahaja, kawasan perumahan sahaja, tetapi kawasan kampong ini ditinggal. Kalan kita bandingkan jalanraya di Negeri Sembilan sama banyak, sama panjang dengan jalanraya di Pulau Pinang, tetapi kita bandingkan pegawai-pegawai di Negeri Sembilan berapa banyak pula pegawai yang ada, berapa banyak pegawai JKR yang ada di Pulau Pinang. Saya mintalah kepada Kerajaan Negeri supaya tambahkan pegawai-pegawai profesional, pegawai-pegawai separuh profesional, pegawai-pegawai yang tertentu untuk membanyakkan negeri kita ini.

Di Seberang Perai, ada satu jurutera, hendak *cover* kesemua. Jalan pun hendak tengok, parit pun hendak tengok, pembentong pun hendak tengok. Yang saya ini kata tolong *check* semua pembentong-pembentong di Negeri Pulau Pinang ini. Di Seberang Perai tidak mahulah takut pembentong-pembentong di kawasan Seberang Perai ini lebih tua daripada kita pun ada. *Container* besar lalu, takut dia ranap. Hendak *check* macamana, satu *Engineer* sahaja yang ada? Ini bukan saya hendak marah, saya hendak beritahu. Jadi kita hendak salahkan pegawai sangat-sangat pun tidak boleh juga, pegawai tidak cukup. Minta maafilah, Ahli Kawasan Prai, kalau pegawai serupa dengan tokong Hindu itu, tangan 6, 7 senang hendak buat kerja. Wakil rakyat pun kalau tangan banyak, senang juga tetapi kalau dua sahaja, kaki dua, dua lah yang ada pun.

Tuan Speaker:

Mahu lagi duakah?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Cukup. Satu pun cukup.

Tuan Speaker:

Kalau empat pun tidak apa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Kaki satu pun cukuplah. Jadi Dato' Speaker, saya pohonlah kepada Kerajaan Negeri tolong tengok, banyakkkan pegawai-pegawai. Kalau kita hendak majukan negeri kita ini banyakkkan pegawai-pegawai profesional. Kalau pegawai-pegawai yang tidak mahu tolong kita itu, yang segan buat kerja, tengok-tengoklah, Dr. Ibrahim. Yang boleh perbetul, perbetul, yang tidak boleh perbetul itu, tengoklah apa yang

you hendak buat, kami sokong.

Jadi pembangkang menuduhkan Kerajaan dan pegawai ini serupa kura-kura. Saya ingat kelmarin, kalau tidak percaya tanya pada pegawai, ada dia katakan? Kura-kurapun kalau lawan dengan arnab, menang. Kura-kura lawan lumba lari dengan arnab, kura-kura menang. Ada satu tahun dia kata pegawai ini kerja seperti semut. Semut ini dia boleh buat penusu. Dia kerjasama, dia jumpa, dia salam. Dia beritahu di situ ada bubuh Shelttox jangan pergi, di sini ada makanan, kita pergi. Jangan hina, jangan menjatuhkan. Mereka itu arnab, hendak buat bagaimana, kita pukullah, mereka kalah dengan kura-kura. Kita nampak kelmarin pembangkang bertelagah sesama sendiri. Manakala Paya Terubong cakap, Bagan Jermal hendak menyoal. Mereka bertelagah. Ini menunjukkan mereka ini seperti enau dalam belukar, masing-masing hendak menunjukkan bahawa mereka buat kerja, padahal buat kerja dalam Dewan 6 bulan sekali. Dan juga, pegawai-pegawai yang ada, saya cuba hendak mengingatkan, kita jangan jadi seperti pembangkang, enau dalam belukar. Kalau jadi enau dalam belukar, kalau belukar itu terbakar, enau pun ikut terbakar, silap-silap pokok pun mati. Kita mesti bekerjasama, perpaduan untuk memajukan Negeri Pulau Pinang ini dan kita mesti berdiri tegoh di belakang Kerajaan. Dan saya harap pembangkang juga menyokong dasar-dasar Kerajaan. Jangan kita tuduh Kerajaan tidak buat itu dan Kerajaan tidak buat ini. Kerjasama jabatan-jabatan perlu. Kerjasama pegawai dengan wakil rakyat tentu sekalilah perlu dan jabatan sesama jabatan juga perlu bekerjasama. Bila kita tanya ini bagaimana, ini jabatan itu buat, bukan kami buat. *Why not?* Kenapa tidak boleh? Okay, tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat, tidak apa Enak, ini kita akan uruskan. Kita telefon pada jabatan yang berkenaan "Tadi tuan itu datang, Y.B. Dr. Ibrahim datangkah, Y.B. Hilmi tanyakah, Y.B. Zain tanya, kita selesai sesama pegawai." Ini tidak ada. "Yang ini bukan Jabatan JPT, ini IADP punya," masalah jawab begitu. Tidak boleh. "Ini bukan pertanian, ini LPP punya." "Ini bukan LPP, ini LPN punya". Ini tuduh-menuduh, maka rosaklah, kerja tidak boleh jadi. Kita mahu kerjasama pegawai dengan pegawai, jabatan dengan jabatan perlu wujud. Perpaduan itu mesti ada, barulah negeri kita akan maju dan rancangan Kerajaan akan tercapai. Wawasan 2020 akan kita temui kalau kita bersatupadu. Bersatupadu dan perpaduan ini semua pihak mesti wujudkan.

Timbul tuduhan-tuduhan yang tidak menentu daripada pihak pembangkang dalam perbahasan Belanjawan ini. Maka tuduhan-tuduhan pembangkang kepada pegawai-pegawai, kepada Kerajaan yang tidak menentu, amat mendukacitakan kitalah. Kerana kad jemputan makan malam pun bawa ke Dewan. Sebenarnya itu tidak perlu. Bawalah kepada kita pakatlah semua dalam Dewan tengok gambar siapa? Tengok-tengok gambar Senator, Dato' Tan Gim Hwa. Semua pakat tengok, kita ingat bintang filem mana. Tengok-tengok gambar Dato' Senator. Sebenarnya pada saya, pada pembangkang saya tidak

tahulah itu pendapatnya, itu adalah satu aktiviti kesatuan, satu aktiviti pegawai-pegawai, mereka buat jamuan (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, yang itu biarlah EXCO jawab.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Yalah, saya pun geram juga, Dato' Speaker. Sebab kita ini seperti cubit paha kiri, sakit paha kanan. Tugas kita untuk menyokong EXCO-EXCO ini. Kalau tidak bagi sokong saya hendak hentamlah ini.

Tuan Speaker:

Beraniakah?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Kita hendak hentam. Saya sudah berpakat dengan Tuan Haji Mohd. Zain dan Encik Azhar.

Tuan Speaker:

Azhar adakah?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Ada, serupa, Azhar lagi teruk. Boleh pakat. Jadi kalau Speaker kata bagi EXCO jawab, bagi EXCO jawablah. Ya, Azhar, Yang Berhormat? Kita bagi EXCO jawab. Kita hentam.

Dato' Speaker, jadi saya mengharapkan kepada pihak yang tertentu, kalaulah satu perkara itu tidak terjadi, tidak berlaku, kita jangan anggap sebagai orang kata pepatah: bangau, kenapa bangau kurus, bangau kurus kerana ikan tidak timbul. Bukan seperti itu. Kita kena siasat kenapa perkara itu tidak berlaku. Kenapa? Kita jangan tuduh pegawai-pegawai tidak buat kerja. Kita jangan tuduh sesiapa tidak buat kerja. Kita kena tengok kenapa pegawai tidak buat kerja. Kenapa bangau itu kurus? Bangau tidak makan. Kenapa bangau tidak makan? Kenapa ikan tidak boleh timbul? *Check, check, check.* Rupanya ular ada dibawah. Ular hendak makan katak, katak lari, panggil hujan, hujan turun. Kita kena *check* semua, kenapa boleh berlaku macam ini.

Saya dapati ahli-ahli pembangkang kita ini bila bercakap serupa dengan, minta maaf, saya bercakap ikhlas ini. Serupa orang sakit jiwa, serupa hendak lelong barang, bangkit masalah yang macam-macam, masalah lawatan. Macam saya lawatan itu tidak apalah, saya bayar duit sendiri. Yang DiPertuajawablah. Saya bayar duit sendiri.

Kita hendak kualiti kerja. Sekurang-kurangnya lawatan itu dapat pandangan, boleh contoh, bagaimana hendak memperelokkan kawasan. Kita tidak mahu jadi katak di bawah tempurong. Mahukah pemimpin-pemimpin kita jadi katak di bawah tempurong? Bila keluar-keluar bawah tempurong, tengok dunia ini luas, ingat dunia sebesar tempurong. Dan kita mesti duduk di Dewan ini untuk kepentingan rakyat, faedah rakyat. Bukan perjuangan untuk yang kecil-kecil, yang tidak sepatutnya. Saya haraplah pada pihak pembangkang dapat membangkitkan isu-isu yang konkrit, yang boleh beri kerjasama dengan pihak-pihak pegawai.

Jadi Dato' Speaker, kita tidak mahu bawa cerita tong sampah dsbnya dalam Dewan. Kita rancangan perkara-perkara yang konkrit untuk kemajuan negeri kita. Belanjawan tahun 1993 ialah rancangan yang konkrit untuk rakyat, untuk negeri, untuk kemajuan negeri kita. Ini ialah *guide* untuk pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan kerja. Ada mereka *condemn* buku ini. Kata buku ini tidak bagus, isi kandungan tidak ada. Pada saya buku ini samalah dengan buku yang lama. Buat begitu juga, *colour*, logo dan sebagainya tetapi isi kandungan lain, angka lain, cadangan lain dan sebagainya lain.

Tuan Speaker, saya dengan ini, tidaklah hendak cakap panjang dan saya menyokong usul ataupun Belanjawan yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 11.15 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.25 pagi

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula dengan Ahli Penanti, dijemput.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Tuan Speaker, saya ADUN dari Penanti ingin mengambil

bahagian di dalam Belanjawan yang telah dibentangkan oleh YAB Ketua Menteri pada hari semalam. Saya amat berbangga dengan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai perancangan strategik Pulau Pinang di abad ke 21 yang mempunyai cadangan-cadangan, strategi-strategi untuk dibangunkan dan dimajukan dalam kontek Negeri Pulau Pinang. Saya berharap apa yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan dan atas nasihat Majlis Perundingan Ekonomi, Pulau Pinang itu dapat dijalankan dan dimanfaatkan oleh semua rakyat di Negeri Pulau Pinang. Oleh sebab kita dapati hasil cukai di Pulau Pinang bukanlah satu hasil yang besar dibandingkan dengan hasil-hasil yang telah dicapai oleh negeri-negeri lain seperti Selangor, Sarawak tentunya penggunaan wang juga adalah terbatas di dalam melaksanakan program-program bagi membangunkan Pulau Pinang pada tahun 1993 ini. Walau bagaimanapun cadangan Kerajaan di dalam Belanjawan ini saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih. Sepanjang lalu kita dapati banyak program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan nampaknya pada keseluruhannya rakyat di Negeri Pulau Pinang tidaklah berpuas hati seperti yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang dalam Dewan ini. Pihak Kerajaan telah memberi peruntukan yang agak besar dan peruntukan yang telah diberi hampir 100% melebihi daripada peruntukan pada tahun 1992 tetapi tentunya peruntukan yang diberi ini ialah memperbaiki infrastruktur yang ada di dalam negeri ini. Di Seberang Perai Tuan Speaker di dapati jalan-jalan yang banyak telah rosak disebabkan oleh pembangunan yang kita kehendaki iaitu pembinaan Lebuh raya Timur Barat yang dilaksanakan oleh PLUS. Yang Berhormat dari Permatang Pasir telah membangkitkan supaya pihak PLUS membayar ganti rugi dan saya daripada Penanti mengalu-alukan supaya Kerajaan Negeri juga dapat berbincang dengan PLUS kerana banyak jalan-jalan di kawasan saya telah rosak oleh sebab gejala-gejala lori-lori yang besar yang membawa muatan melebihi daripada had yang telah ditetapkan.

Di dalam peruntukan *Budget* tahun 1993 juga telah diberi peruntukan penerangan dan pendidikan sosial berjumlah \$100,000, kempen keselamatan jalanraya \$80,000, latihan dan perkhidmatan \$175,000, persidangan \$200,000. Kalau kita kaji dari segi prestasi rakyat dan kalau prestasi kita sendiri sebagai wakil rakyat di Pulau Pinang tentunya peruntukan ini tidak mencukupi, tidaklah sebanyak mana jika dibandingkan dengan peruntukan Belanjawan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak yang melebihi \$1,000 juta. Dato' Speaker, saya ingin memberi beberapa cadangan di dalam Dewan yang mulia ini tentang perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan-dewan yang lalu oleh saya dalam Dewan yang mulia ini juga. Oleh sebab kita kekurangan hasil pihak Kerajaan dan agensi-agensi yang diamanah oleh Kerajaan seperti PDC, PERDA dan sebagainya di Pulau Pinang haruslah mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang potensi-potensi yang baik, yang boleh dimanfaatkan, yang boleh dimajukan, yang boleh dieksploitasikan oleh pihak pegawai

kerajaan sama ada dengan menggunakan kepakaran-kepakaran dari luar, sama ada dengan menggunakan penasihat-penasihat khasnya dengan adanya Majlis Ekonomi Pulau Pinang, Majlis Perundingan Ekonomi Pulau Pinang supaya laut-laut kita dapat lebih banyak lagi ditebusguna oleh Kerajaan dan laut-laut ini tentunya mempunyai harga yang baik, potensi yang baik untuk dimajukan sebagai sebuah bandar yang besar yang boleh mendatangkan pendapatan kepada Kerajaan. Kalau Canada, kalau negeri-negeri lain seperti Saudi boleh memajukan tanah laut dan dibangunkan tanah laut sebagai tempat yang berpotensi, tempat yang boleh dikatakan seperti dulu ini dikatakan macam Yokohama, Manhattan, Pulau Pinang juga boleh dimajukan seperti bandar-bandar besar di dunia yang dimajukan melalui penimbunan tanah-tanah laut ini. Walaupun pihak Kerajaan Negeri di bawah agensi PDC telah lama menggunakan tanah-tanah laut untuk membangunkan Pulau Pinang, langkah-langkah yang lebih baik boleh diteruskan dan pihak kami tetap menyokong langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan ini.

Seperti yang dibangkitkan oleh ADUN Permatang Pasir juga saya ingin membangkitkan masalah Pejabat Daerah di Bukit Mertajam. Saya ingat semasa saya menjadi pegawai kerajaan sampai saya letak jawatan, sampai saya jadi ADUN sejak tahun 1979 sampai tahun 1992 Pejabat Daerah ini dibincangkan, pelan ditukar sampai hari ini, Pejabat Daerah itu juga tidak nampak iaitu Pejabat Daerah baru di Sungai Rambai. Saya ingin mencadangkan oleh sebab kita kekurangan tanah di Pulau Pinang dan kita kekurangan wang dari hasil yang dipunyai oleh Kerajaan, tambahan pula dengan tunggakan yang begitu besar, penggunaan tanah yang kecil dengan pembangunan yang maksima haruslah dilaksanakan oleh Kerajaan. Sekiranya pihak Kerajaan terpaksa membelanjakan wang Kerajaan juga boleh mengurangkan perbelanjaan wang dengan menjemput para pelabur atau para swasta dengan mengadakan pelan-pelan yang tertentu, mengadakan bangunan-bangunan yang tinggi yang menggunakan ruang tanah yang sedikit dan pejabat-pejabat kerajaan boleh dibina dengan percuma dan semua jabatan-jabatan kerajaan di daerah Seberang Perai Tengah boleh ditempatkan di situ dalam ruang pejabat yang lebih cantik di bandingkan dengan pejabat-pejabat Kerajaan yang ada di Pulau Pinang pada masa ini. Kalau boleh konsep baru penswastaan, konsep baru bangunan dengan *design-design*, dengan arkitek-arkitek yang baru, dengan pandangan yang baru dapat dilaksanakan oleh Kerajaan sesuai dengan matlamat pembangunan Pulau Pinang dalam jangka masa 1992/1993 hingga tahun 2000 ini dan pihak kami ingin melihat supaya perkara ini tidak mahu dipercekapkan lagi dalam Dewan ini dan kalau boleh pelaksanaan itu hendaklah dibuat dengan seberapa segera. Kita juga mendengar bahawa kompleks Pejabat Daerah akan diadakan dengan dewan, dengan stadium di Sungai Rambai yang besar di Seberang Perai tetapi kita tidak mahulah hanya laungan-laungan yang kosong tetapi kenyataannya mungkin mengambil masa 20 tahun untuk melihat

kenyataan daripada pengucapan pemimpin-pemimpin dalam negeri Pulau Pinang ini. Saya berharap Kerajaan Pulau Pinang harus serius dan biarlah apa yang dicakapkan itu dapat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.

Konsep penswastan, sekarang ini ramai ahli-ahli perniagaan, syarikat-syarikat besar yang ingin membantu Kerajaan di dalam membina bangunan-bangunan sama ada pejabat-pejabat dengan hanya Kerajaan memberi tanah kepada mereka dan soal pulangan kepada Kerajaan boleh dibincangkan oleh pihak Kerajaan. Sekiranya rancangan ini menguntungkan kita, rancangan-rancangan ini bolehlah dilaksanakan dalam kontek negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, melalui hasil juga kita dapat kutip daripada kuari-kuari yang ada di kawasan Penanti di daerah Seberang Perai Tengah. Malangnya bagi saya sebab sebagai ADUN Penanti begitu banyak kuari telah diluluskan di kawasan Penanti. Saya tidak marah dengan kelulusan Kerajaan untuk membina kuari-kuari di Penanti yang begitu banyak tetapi apa yang mendukacitakan kita, di samping kita mendapat hasil dari penjualan batu-batu oleh Kerajaan dari bayaran *royalty* dan sebagainya tetapi keadaan-keadaan bising, pencemaran dan sebagainya yang dilakukan oleh kuari-kuari di kawasan Penanti ini amatlah tidak menggembirakan penduduk-penduduk di kawasan Penanti yang berdekatan. Sekolah Menengah Guar Perahu yang baru dibina hampir bergoyang setiap kali apabila kuari itu meletup. Saya berharap pihak Kerajaan dalam meluluskan lesen kepada kuari-kuari ini, tindakan yang tegas dapat diambil kerana pencemaran daripada kuari ini yang menjalankan operasinya sehingga ke malam di mana keperluan untuk membina lebuh raya ini memang semua orang ketahui, tetapi keperluan orang ramai, alam sekitar, bunyi bising hendaklah juga menjadi pemerhatian apabila kita meluluskan lesen-lesen kepada kuari-kuari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila pihak pembangkang membangkitkan hutang rumah kos rendah berjumlah \$9.7 juta yang mana pihak pembangkang yang menjadi anggota PAC iaitu *Public Accounts Committee* di peringkat negeri, dengan izin, Jawatankuasa Kira-kira Awam dan saya juga menjadi jawatankuasanya, adalah satu jumlah yang besar yang kita semua sudah ketahui dan telah dibangkit beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Cuma kita berharap rakyat Pulau Pinang harus faham bahawa sekiranya tindakan Kerajaan yang baik, tindakan Kerajaan tidak mahu membebankan rakyat ini dengan mungkin tidak *strict* ataupun tidak cukup serius di dalam mengambil tindakan terhadap mereka telah diambil kesempatan oleh rakyat untuk melengah-lengahkan atau sengaja melengahkan bayaran rumah murah ini. Tindakan sikap baik oleh Kerajaan Negeri janganlah diambil sambil lewa oleh rakyat di Pulau Pinang ini kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentu memerlukan peruntukan yang besar untuk membangunkan rumah-rumah yang baru di kawasan-kawasan di dalam

Negeri Pulau Pinang ini tetapi saya hanya ingin mencadangkan juga kepada Kerajaan Negeri daripada peruntukan yang diberi berjumlah \$1.7 juta tambahan kepada peruntukan \$2.4 juta mengenai bayaran *fixes* untuk membuat arkitek *design* kepada taman-taman yang berjumlah 4,000 unit itu yang termasuk dalam *Budget* iaitu Padang Tembak, Taman Tun Sardon, Taman Tun Dr. Awang, Taman Mak Mandin dan Berapit.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K.Balasundaram):

Tuan Speaker, Peraturan 46(V)- seorang ahli tidak boleh membaca ucapannya... (gangguan) sekarang kena baliklah, baru tahu kan?

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

...(ketawa). Jangan marah, jangan marah ...(gangguan).

Tuan Speaker:

Teruskan, teruskan.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Saya tidak baca, *point* sahaja. Tuan Speaker ...(gangguan).

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram):

Pada 2hb. siapa kacau mengatakan saya baca?

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Tidak, tidak, tuan boleh datang tengok di sini...(ketawa). Tuan, ADUN Datuk Keramat, Dato' Speaker boleh datang tengok. Saya bacakan *point* sahaja.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan b. Haji Ramli):

Dendam *member*.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Dendamkah?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K.Balasundram):

Bukan saya membalas dendam.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Tuan Speaker, saya tidak nampak pun kajian-kajian yang telah dibangkitkan untuk kawasan-kawasan di mana kita menjadi ADUN iaitu Penanti, Permatang Pasir, Sungai Acheh. Adakah Kerajaan Negeri tidak bercadang hendak buat satu projek pun di kawasan-kawasan Sungai Acheh, Telok Bahang dan sebagainya dalam rancangan pada tahun 1993 ini? Tidak nampak pun kajian dibuat. 4,000 unit semuanya tertulis di situ Padang Tembak, Taman Tun Sardon, Taman Tun Dr. Awang, Mak Mandin dan di sini memang telah banyak rumah murah yang dibinakan oleh Kerajaan. Kenapa Kerajaan ini sayang sangat pembangkangkah? Kawasan-kawasan ini kalau kita buat banyak pun memang tidak sokong kita juga, sokong pembangkang. Dato' Speaker, tidak apa kita tidak marah, buatlah, rakyat Pulau Pinang kita sokong, tetapi buat kawasan kita sama.

Di bawah kemudahan asas dan rekreasi banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh ADUN-ADUN di dalam Dewan ini. Sekali lagi saya ingin membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini iaitu pihak Kerajaan haruslah juga memperbanyakkan lagi tempat-tempat rekreasi, padang-padang bola di luar-luar bandar kerana telah banyak ucapan kita dengar dari pemimpin-pemimpin dalam Pulau Pinang bahawa Pulau Pinang ini memang terkenal, Pulau Pinang memang maju tetapi kita tidak mahu maju sahaja Pulau Pinang tetapi maju juga di dalam pertambahan penagih-penagih dadah di Pulau Pinang ini. Daripada angka yang terkumpul daripada tahun 1976 hingga 1992 berjumlah 26,199 orang iaitu satu jumlah yang terbesar dalam kontek negara Malaysia. Jumlah penagih yang ditangkap mulai Januari hingga Ogos 1992 kalau dikira iaitu lebih kurang 479 orang dan penagih-penagih yang lama berjumlah 1,000 lebih. Jadi kalau kita tengok pertambahan tiap-tiap tahun penagih-penagih dadah ini adalah mendukacitakan kita di dalam Dewan ini kerana Pulau Pinang memang terkenal dengan penagihan dadah dan pengedaran dadah dalam negara ini. Saya mencadangkan supaya lebih banyak lagi diberi *concentration* kepada pembinaan padang-padang rekreasi di luar-luar bandar kerana kita tidak mahu belia-belia kita terlibat di dalam penagihan dadah ini. Sudah tentu jumlah yang besar itu terpaksa dibelanjakan, jumlah wang yang besar, untuk memulihkan mereka dan keselamatan keluarga juga tidak terjamin dan akhirnya mereka sanggup menjadi pencuri, ataupun pelacur kalau perempuan dan sebagainya bagi mendapatkan dadah kerana mereka tidak dapat dadah. Kalau tidak dapat dadah mungkin akan menyeksakan mereka dan di dalam operasi yang dibuat oleh Kerajaan di dapati mereka ini sanggup membunuh, sanggup membakar rumah sendiri bagi mendapatkan wang tanpa kasih sayang daripada keluarga mereka. Adalah lebih baik pihak Kerajaan Negeri memberi peruntukan untuk mengadakan lebih banyak lagi tempat-tempat riadah ini di luar bandar. Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini tetapi nampaknya tindakan agak mendukacitakan.

Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat sihat dan penyayang, masyarakat yang sayang kepada keluarga, adalah disarankan supaya pihak Kerajaan Negeri di samping membangun di dalam bidang industri, membangun di dalam bidang perumahan dan sebagainya, tempat-tempat rekreasi juga hendaklah diberi perhatian yang begitu berat oleh Kerajaan.

Satu lagi, Tuan Speaker, pada masa ini kita dapati pihak Kerajaan Negeri khasnya Pejabat-pejabat Daerah telah mengeluarkan lesen-lesen yang begitu banyak kepada pengusaha-pengusaha video secara persendirian dan kalau kita pergi ke pekan-pekan seperti Bukit Mertajam, Tanjong, Butterworth kita dapati banyak pelajar-pelajar sekolah telah lari daripada sekolah menukar pakaian di bandar, tidak pergi ke sekolah, singgah di kedai-kedai video ini. Apa yang menguntungkan ialah pengusaha-pengusaha video ini. Saya difahamkan pada satu tahun keuntungan mungkin hampir \$100,000 dengan modal yang kecil kepada pengusaha-pengusaha video ini. Kita tidak menghalang mereka berjaya dalam bidang perniagaan. Kita tidak menghalang mereka mengaut keuntungan tetapi apa yang mendukacitakan adalah kesan daripada lesen yang diberi itu kepada anak-anak murid yang masih kecil. Kita tidak dapat menahan anak kita. Anak kita kadang-kadang dia kata hendak pergi sekolah tetapi tidak sampai di sekolah tetapi sampai di kedai-kedai video. Pernah saya memasuki kedai-kedai video di Bukit Mertajam. Saya dapat melihat apa yang dapat kita buat kalau kita wakil rakyat kerana lesen diberi kepada taukeh, walaupun ditulis terpampang di pintu masuk 18 tahun ke bawah tidak boleh masuk, murid-murid sekolah tidak boleh masuk, tetapi murid-murid itu menukar pakaian sekolah mereka kepada pakaian biasa dan taukeh-taukeh itu tidak melarang dan memang saya diberitahu oleh kawan-kawan saya perniagaan ini memang menguntungkan. Satu kajian hendaklah dibuat oleh Kerajaan Negeri berapa lesen yang telah diberikan oleh pihak Pejabat Daerah kepada pengusaha-pengusaha video ini. Sekarang ini kadang-kadang ada komputer pula. Kalau boleh biarlah kelab-kelab tertentu sahaja diberi lesen. Janganlah diberi lesen sewenang-wenangnya begitu banyak dan kesan pelajar-pelajar ini, mungkin mereka gagal dalam peperiksaan dan tidak boleh melanjutkan pelajaran. Selepas itu mereka menjadi belia-belia yang berpeleseran apabila mereka besar dan akhirnya menjadi penagih-penagih dadah ataupun mereka ini *prone* dalam Bahasa Inggeris - terdedah kepada unsur-unsur penagihan dadah dalam negara ini.

Satu lagi, YB Dato' Speaker, khasnya soal belia juga, pada hari Sabtu malam sama ada di Gurney Drive, di depan rumah saya di Bukit Mertajam, didapati ramai pemuda-pemuda kita dengan motosikal-motosikal membuat pertandingan-pertandingan haram pada waktu malam. Mereka amat gembira dengan telatah dan gelagat mereka. Mungkin mereka masih muda dan di dalam pertandingan-pertandingan ini ada yang jatuh dan ada masuk hospital dan ada yang

meninggal dunia, dan apabila kita dipanggil ke hospital untuk melihat *post mortem* dan didapati perkara ini amat menyedihkan. Saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengadakan satu motosikal *track* yang dibina oleh Kerajaan dan bolehlah pihak belia-belia ini mengambil bahagian di dalam pertandingan-pertandingan atau membuat latihan-latihan yang dianjurkan, yang diorganisekan oleh Pejabat Belia atau pun Kerajaan dan ini lebih menguntungkan. Kejayaan ini dapat mereka juga mengambil bahagian dalam pertandingan di peringkat kebangsaan ataupun diperingkat antarabangsa. Sekiranya belia-belia Pulau Pinang boleh memasuki peringkat antarabangsa dan boleh menang dengan ada nya kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan tentunya nama Pulau Pinang akan naik dan menjadi harum di peringkat yang lebih tinggi.

Dato' Speaker, saya dalam soalan saya telah bertanya mengenai dengan pengwujudan Majlis Perundingan Pertanian dan saya telah mendapat jawapan pihak Kerajaan sedang mengkaji mengenai penubuhan Majlis Perundingan Pertanian di peringkat Negeri Pulau Pinang. Adalah diakui bahawa dengan pengwujudan Majlis Perundingan Ekonomi yang melibatkan sektor swasta, pihak universiti, pakar-pakar dan juga Kerajaan Negeri telah memberi satu nafas baru tentang idea-idea yang baru di dalam mewujudkan, dalam menjadikan Pulau Pinang lebih maju daripada masa-masa yang lalu. Oleh itu pihak Kerajaan hendaklah serius dan segera melaksanakan dengan melibatkan sektor swasta, universiti, pakar-pakar tertentu di dalam menasihati dalam bidang pertanian yang lebih canggih. Di Pulau Pinang, alhamdulillah kita ucapkan kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah berjaya menghapuskan tanah terbiar, telah berjaya mewujudkan satu pertanian yang baik dengan program IADP yang mana hari ini petani-petani di Pulau Pinang boleh berbangga dengan tanaman terus atau dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, *direct seeding* dan penggunaan jentera moden pemotong padi iaitu *combine harvester*, dengan izin, yang dulunya jentera-jentera berat ini tidak pernah kita lihat di Pulau Pinang. Oleh itu Pulau Pinang di dalam pelan strategik yang dirancang oleh Y.A.B Ketua Menteri hendaklah menitikberatkan tentang pertanian-pertanian yang lebih canggih, penggunaan sistem *hydroponic* dan sebagainya yang mana dengan menggunakan kos tanah yang kecil dapat mewujudkan pendapatan yang lebih besar, rangkaian pemasaran yang lebih baik yang dapat digunakan dengan penglibatan sektor swasta, syarikat-syarikat besar untuk membantu Kerajaan Negeri di Pulau Pinang ini. Saya mencadangkan supaya tindakan yang lebih segera dapat diambil oleh pihak Kerajaan Negeri.

Satu lagi bidang yang mungkin kita tidak titikberatkan di Pulau Pinang ialah penanaman bunga. Saya mencadangkan supaya satu kajian dibuat bagaimana rakyat di Pulau Pinang ini boleh melibatkan diri dalam pertanian bunga, bukan sahaja untuk tanaman di rumah, di bandar-bandar, di kampung-kampung tetapi juga dapat mengeksport

benih-benih bunga ke luar negeri yang dapat menghasilkan pendapatan yang lebih baik kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Semua, boleh dikatakan semua orang suka kepada bunga ini. Semua orang cinta kepada bunga sebab itu wanita kadang-kadang kita panggil bungajuga(gangguan).

Tuan Speaker:

Bunga tahi ayam mereka tidak mahu.

Bunga 'tahi ayam', kadang-kadang mungkin tidak mahu, bukan boleh jadi ubat. Kadang bunga-bunga ini juga boleh jadi ubat-ubat untuk mengubat orang lain, pembeli buat dicampur. Ini mungkin pakar dari USM dapat mengkaji sebab USM memang ada pakar-pakar untuk mengkaji tentang *ingredient* yang dapat dicampurkan bunga-bunga untuk dijadikan ubat yang boleh mengubati penyakit orang lain.

Tuan Speaker, mungkin cadangan ini sudah lama tetapi pelaksanaan penanaman bunga secara besar-besaran di Pulau Pinang ini belumlah dapat diperlihatkan hanya kita dapat bunga orkid yang ditanam hanya untuk membawa pelancong-pelancong pergi melihat tetapi pada keseluruhannya Pulau Pinang dan Seberang Perai tidak dapat melihat sebagai satu taman yang indah yang dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Pulau Pinang. Kita berbangga dengan nama *Pearl of the Orient* tetapi kalau kita berjalan ke negara lain, kita dapati ada negara-negara lain yang lebih cantik daripada Negeri Pulau Pinang yang boleh dipanggil *Pearl of the Orient*. Saya mencadangkan supaya usaha yang lebih gigih dapat dikaji, dapat diselidik oleh Kerajaan khasnya pihak EXCO yang bertanggungjawab mengenai pertanian agar perkara ini dapat dilaksanakan.

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Seberang Perai. Oleh sebab kita ingin kepada keindahan, kita suka kepada kecantikan, kita dapat belajar daripada kecantikan yang telah dipertunjukkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, melihat bandar Kuala Lumpur yang bercahaya. Bila pelancong-pelancong datang ke Kuala Lumpur, daripada *airport* ke Kuala Lumpur dan dalam bandar di waktu malam, kita dapati Kuala Lumpur begitu bercahaya sekali dan indah. Oleh itu kita mencadangkan supaya Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Pulau Pinang dapat mempertingkatkan lagi kecantikan dengan mengadakan lebih banyak lampu-lampu supaya menjadi bandar yang bercahaya. Ini dapat dilaksanakan dengan kerjasama rakyat dan juga pihak swasta di Pulau Pinang sama ada satu tabong khas diperlukan dan diwujudkan di Pulau Pinang bagi menjadikan Pulau Pinang ini lebih cantik dan lebih indah.

Tuan Speaker, baru-baru ini saya pergi ke Jeddah waktu malam dan banyak orang Islam yang pergi ke Mekah singgah di sana. Minggu lepas saya berkesempatan melihat keindahan di waktu malam. Saya

bertanya kepada kawan saya di sana, siapakah yang membangunkan bandar Jeddah yang nampak seperti bandar yang bercahaya. Semua orang pergi mesti mengatakan bandar itu cantik. Saya diberitahu bahawa Syarikat Korea yang membangunkan di samping itu telah membina gerai-gerai yang cantik di tepi laut dengan menggunakan tanah laut dan nampaknya seperti bandar cahaya. Saya ingin mencadangkan kalau kita mengadakan lawatan ke luar negeri, biarlah kembali kita dapat melaksanakan konsep-konsep yang baru dan akhirnya rakyat yang mendapat manfaat. Kita tidak menghalang pihak Kerajaan Negeri, Y.A.B. Ketua Menteri atau pihak-pihak EXCO pergi melawat ke luar negeri. Apa yang kita dukacita sedikit, seorang itu tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu dia pergi. Kita tanya Ahli EXCO ini pergi mana, pergi luar negeri. Bulan depan kita tanya, dia pergi luar negeri. Jadi kalau dia kerja ke luar negeri, lebih baiklah orang lain jadi EXCO.....(ketawa).

Tuan Speaker:

Terimakasih?

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Tuan Speaker.....(gangguan).

Tuan Speaker:

Terimakasih?

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Tidak, tidak. Bagi saya tidak payahlah, elaun saya, gaji saya lebih daripada EXCO.....(ketawa).

Biarlah kita tegor secara ikhlas, kita tidak mahu pembangkang menjadikan isu ini. Kita mahu ahli-ahli dalam Kerajaan berpengalaman. Kita mahu ahli-ahli dalam Kerajaan kita mempunyai pengetahuan yang luas, belajar daripada dunia luar. Kita tidak mahu negeri lain lebih maju kerana mereka diberi peluang untuk melawat tetapi biarlah rancangan lawatan ini dirancang supaya tidak menjadi beban kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita tegor kerana kita sayang kepada pemimpin kita. Dengan mengadakan bandar cahaya, samada dibuat di Butterworth atau di Pulau Pinang dengan memberi peluang-peluang kepada syarikat-syarikat swasta untuk membangunkan perkara ini, akhirnya rakyat yang bermanfaat dengan pembangunan yang terancang, dengan memasuki unsur-unsur moden dan memasuki unsur-unsur yang dapat menarik pelancong datang dengan lebih banyak lagi ke Pulau Pinang. Juga saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan juga dapat mengkaji tentang kebenaran membenarkan perbincangan dengan DCA ataupun Lembaga

Airport yang baru ditubuhkan untuk membenarkan lebih banyak kapalterbang-kapalterbang dari luar negeri seperti kapalterbang-kapalterbang dari Eropah yang sekarang ini kita nampak MAS, SIA, Evergreen dan lebih banyak lagi kapalterbang-kapalterbang sama ada dari Egypt Air, dari Jordan atau Alia, ataupun Saudi ataupun Balkan, Burma, Kanada dapat diberi permit untuk mendarat di lapangan terbang Pulau Pinang. Dengan kemudahan yang diberi kepada syarikat-syarikat itu, kebenaran yang diberi, pelancong-pelancong lebih ramai daripada negara-negara lain, dari Jepun dan sebagainya, dapat datang lebih banyak lagi ke Pulau Pinang dan peluang-peluang perniagaan, gerai-gerai yang dibina akan dapat dimanfaatkan dan akhirnya rakyat Pulau Pinang tentu merasa bangga dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Mengenai dengan pengangkutan pada masa ini saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga dapat memikirkan sesuatu perhubungan yang lebih baik dari Pulau Pinang ke Butterworth kerana telah dibangkitkan di dalam Dewan ini tetapi nampaknya perlaksanaan sampai hari ini tidak ada iaitu kalau pekerja-pekerja hendak datang kena naik feri daripada Bukit Mertajam ke Pulau Pinang, datang kena awal, datang lambat nampaknya sampai lambat, mungkin tidak sempat *punch card*. Kalau ada sistem bas yang murah dari Bukit Mertajam atau Butterworth ke Pulau Pinang tentu ramai lagi orang-orang dari Pulau Pinang dan Seberang Perai dapat datang dengan mudah ke Pulau Pinang dengan bayaran harga yang begitu murah. Kalau naik kereta kena bayar \$7.00. Bermakna kadang-kadang ada pegawai-pegawai Kerajaan yang beritahu saya apabila naik pangkat gaji \$700.00 mereka tolak. Baru-baru ini pegawai di kalangan guru yang mendapat Guru Besar telah menolak jawatan kerana terpaksa bertugas di Pulau Pinang. Jika di kaji dari segi pendapatan dengan bayaran tol, kereta dan sebagainya, mereka dapati rugi dengan kenaikan pangkat itu. Kalau ada bas, pengangkutan yang murah samada bas mini, tentunya pegawai-pegawai dan rakyat di Pulau Pinang akan merasa bangga dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Saya juga ingin meminta Kerajaan Negeri dapat berbincang dengan Kerajaan Persekutuan tentang tindakan lori-lori yang membawa muatan yang membawa dengan sewenang-wenangnya. Banyak orang di kawasan saya telah meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan. Saya memang sedih apabila melihat kadang-kadang orang-orang yang menaiki motosikal mati disebabkan dilanggar oleh lori-lori yang membawa tanah merah. Walaupun tindakan diambil oleh Kerajaan, iaitu pihak polis dalam sekatan-sekatan yang dibuat, tetapi oleh sebab sistem pengangkutan tanah merah ini dikira mengikut *trip*, sekiranya banyak *trip* yang lori itu dapat mengangkut tanah merah pendapatannya agak lebih, maka ia akan menggunakan kesempatan *trip* ini untuk mengangkut sebanyak-banyaknya tanah merah dengan masa yang singkat yang menyebabkan ia tidak menghirau langsung

orang-orang yang menaiki motosikal ataupun berjalan kaki dan banyaklah kemalangan telah berlaku. Apabila kita melihat anak muda yang meninggal dunia, yang mungkin dapat hidup lebih lama lagi, sekiranya tidak ada kemalangan yang berlaku di jalanraya ini maka tindakan harus diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan mengadakan peruntukan untuk Kempen Keselamatan Jalanraya ini. Memang kadang-kadang kita amat takut kiranya kita hendak melintas jalan di Pulau Pinang ini kerana sikap mungkin kurang *civic minded* di kalangan rakyat kita dan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan itu dialu-alukan dan satu langkah yang baik dan Kempen Keselamatan Jalanraya ini hendaklah berpanjangan di dalam negeri ini. Kita tidak nampak lagi kempen-kempen yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dalam konteks untuk mengatasi masalah keselamatan jalanraya ini dan ini adalah satu langkah yang baik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Jadi saya tidak inginlah hendak bercakap panjang lagi di Dewan ini. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dalam membentangkan Belanjawan ini dan apa yang saya ingin tegaskan ialah pihak Kerajaan haruslah memikirkan sumber-sumber baru, cara-cara baru, bagi memajukan lagi, bagi mendatangkan lagi lebih banyak hasil kepada Kerajaan Negeri dengan mengadakan *resources-resources* yang ada, yang mempunyai potensi yang baik dalam negeri.

Sekian, Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Tuan Speaker, pada hari Isnin, Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri akan buat representasi kepada Suruhanjaya Pilihanraya mengenai cadangan-cadangan baru untuk mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya. Tetapi sangat malangnya dan inilah satu yang mengecewakan rakyat jelata di Negeri Pulau Pinang ialah bahawa Y.A.B. Ketua Menteri atau Kerajaan Negeri tidak akan membantah dalam representasi itu oleh kerana cara yang tidak adil, tidak demokratik, bahkan tidak mengikut Perlembagaan dalam ulangkajian Suruhanjaya Pilihanraya khasnya dalam skandal Perlembagaan di mana Suruhanjaya Pilihanraya menghabiskan usaha kerja ulangkajian bukan sahaja untuk 11 kerusi Parlimen dan 33 kerusi *State Assembly* untuk Negeri Pulau Pinang tetapi untuk 165 kerusi Parlimen dan 452 kerusi *State Assembly* seluruh Malaysia kecuali Sarawak dalam tempoh 24 jam sahaja. Apabila Y.A.B. Ketua Menteri membentangkan *Budget* 1993, beliau kata bahawa inilah *budget* yang pertama di bawah rancangan strategik untuk membawa Penang masuk ke abad ke 21 dan sungguhpun pelan strategik untuk membawa Penang kepada Abad 21 ini ada diisytiharkan sebagai selaras dengan Wawasan 2020, sangatlah

significant bahawa nampaknya visi Penang masuk abad 21 lebih sempit, lebih terhad daripada visi Wasasan 2020 yang ada diutarakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri. Dalam Chapter 2, Bab 2 apabila kita baca mengenai visi-visi *Penang in the 21st Century*, perenggan kedua, yang ada berbunyi:

"In line with the nation's Vision 2020, 'Penang will be fully developed not only economically but also in all other ways - in terms of social equity and economic justice, quality of life, social integration and stability as well as in cultural, ethical, spiritual and psychological development"

Apabila saya baca perenggan ini, saya rasa adalah nampaknya perkara-perkara yang ditinggalkan daripada *paraphrase strategic plan Penang into the 21st Century* ini apabila *paraphrase* Wawasan 2020 dan sungguhpun saya mahu rujuk kepada kertas kerja Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, *"The Way Forward"* di mana beliau mengutarakan Wawasan 2020, saya lihat ada petikan, *extract* visi itu yang tidak payahlah kita cari kertas kerja itu oleh kerana dalam *box* yang pertama dalam pelan ini, muka surat 9 ada *extract* yang berbunyi:

"Hopefully, the Malaysian who is born today and in the years to come will be the last generation of our citizens who will be living in a country that is called 'developing'. The ultimate objective that we must aim for is a Malaysia that is fully developed by the year 2020.

Malaysia should not be developed only in the economic sense. It must be a nation that is fully developed along all the dimensions: economically, socially, spiritually, psychologically and culturally. We must be fully developed in terms of national unity and social cohesion, in terms of our economy, in terms of social justice, political stability, system of government, quality of life, social and spiritual values, national pride and confidence.

By the year 2020, Malaysia can be a united nation, with a confident Malaysian society, infused by strong moral and ethical values, living in a society that is democratic, liberal and tolerant, caring, economically just and equitable, progressive and prosperous, and in full possession of an economy that is competitive, dynamic, robust and resilient."

Dan selepas baca *extract* ini saya pun rasa lagi ada perkara tertinggal, *something missing*, dan sebab itulah perlulah pergi cari *working paper* yang asal Y.A.B. Perdana Menteri. Apa yang tinggal dalam *extract* ini? Sebenarnya dalam *extract*, dalam kertas kerja Dato' Seri Dr. Mahathir beliau kata:

"Malaysia should not be developed only in the economic sense. It must be a nation that is fully developed along all the dimensions: economically, politically,

tinggal, *politically* tinggal, *politically* tinggalkan, "*socially, spiritually, psychologically and culturally*." Kenapa *full political development*, satu komponen yang penting dan mustahak kalau kita mahu mencapai Wawasan 2020, Malaysia sebagai negara yang membangun sepenuhnya ertinya, ditinggalkan dalam Visi Penang Strategic....bawa Penang kepada Abad ke 21? Saya tidak percaya bahawa Y.A.B. Ketua Menteri adalah berani untuk edit Visi 2020 Y.A.B. Perdana Menteri, walhal beliau sendiri bukan master dalam *his own house*, dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selain daripada sebenarnya Wawasan 2020 adalah dua dimensi. Satu dimensi, satu *facet* untuk orang ramai, untuk propagandist ialah matlamat-matlamat begitu murni, suci tinggi. Tetapi pihak atasan tidak serius mengenai matlamat-matlamat tersebut dan tidak serius mahu membina satu bangsa Malaysia, dalam satu Malaysia yang sepenuhnya bangun dalam semua ertinya termasuk *politic, economic, social, spiritual, psychological and cultural*. Tetapi itulah bukan diterima sebagai tujuan yang sebenar. Selain daripada untuk propaganda untuk orang ramai, ada lagi satu *facet*, dimensi Wawasan 2020, satu *hidden agenda*, tetapi *real agenda* ialah di mana Wawasan 2020 atau visi ini digunakan sebagai satu alat politik untuk mengukuhkan kuasa politik UMNO, ada lagi siapa, UMNO, supaya boleh mencapai tujuan politik.

Dato' Speaker, apa makna kalau kita melaung-laungkan Visi 2020, Visi Penang, Abad 21, tahun demi tahun, kalau arahan kita bertentangan dengan cabaran-cabaran strategik, 9 cabaran-cabaran strategik yang ada dikandung dalam Wawasan 2020. Y.A.B. Perdana Menteri sendiri ada kata bahawa perlu *prerequisite* untuk dicapai kalau Wawasan 2020 akan dijayakan. Apa jenis *full political development* yang ditinggalkan dalam Penang visi ini? Boleh kita lihat apabila Suruhanjaya Pilihanraya dibenarkan untuk buat satu kajian persempadanan kawasan-kawasan negeri yang tidak adil, yang tidak demokratik, yang bertentangan dengan Perlembagaan. Apa *full political development*? Sebenarnya, nampaknya Y.A.B. Ketua Menteri takut *full political development*. *Full political development* satu komponen yang mustahak dalam Wawasan 2020 dan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengenai mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya bertentangan dengan tujuan itu, Wawasan 2020, *full political development*, oleh kerana tidak demokratik, oleh kerana tidak adil dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kalau sebenarnya menyokong dengan sepenuhnya Wawasan 2020, dan ini menjadi teras Wawasan Penang masuk Abad 21, perlulah mengambil satu pendirian yang tegas dalam perkara cadangan-cadangan Suruhanjaya Pilihanraya mengenai mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya di Negeri Pulau Pinang baik mengenai Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atas 5 sebab. Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut mengambil pendirian yang tegas mengenai perkara ini oleh kerana perkara ini mustahak atas 5 sebab. Sebab yang pertama, oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya sudah menjalankan kajian itu, bukan sahaja tidak adil, tidak demokratik,

bahkan melanggar Perlembagaan, melanggar prinsip demokrasi satu orang satu undi. Penang ialah boleh kata satu negeri yang *terurbanised* dalam Malaysia. *Most urbanised State*, dan sepatutnya *rural weightage* untuk apa-apa persempadanan kawasan-kawasan patutlah terendah sekali di Semenanjung Malaysia atau di Malaysia. Tetapi kita tengok cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya - untuk Sungai Dua 10,006 pengundi, untuk Ayer Itam 25,043 pemilih-pemilih. Satu *rural weightage* 250%. 250% *rural weightage* yang lebih tinggi daripada negeri-negeri yang sebenarnya ada luar bandar yang besar semacam Terengganu, semacam Johor, semacam Negeri Sembilan atau Perlis. Adakah Negeri Pulau Pinang lebih *rural* daripada Johor, lebih *rural* daripada Terengganu tetapi *rural weightage* ini lebih tinggi daripada apa yang dicadangkan untuk negeri-negeri tersebut. Y.A.B. Ketua Menteri betul. Dua, tiga hari selepas cadangan-cadangan itu ada diisytiharkan, ada buat cadangan patutlah ketidakseimbangan itu dikurangkan dan cadangannya, pandangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah untuk kawasan bandar dalam pulau bilangan pemilih-pemilih patutlah di antara 20,000 ke 22,000 dan untuk kawasan-kawasan luar bandar di Seberang Perai, bilangan pemilih-pemilih patutlah di antara 10,000 ke 14,000 dan beliau kata inilah akan menjadi asas di mana Kerajaan Negeri akan buat representasi kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Ini bererti bahawa Y.A.B. Ketua Menteri sekarang mencadangkan satu *rural weightage* 220%, untuk Negeri Pulau Pinang yang bercanggah dengan pendirian Y.A.B. Ketua Menteri pada tahun 1984, apabila masa itu ada satu kajian untuk mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya. Masa itu Y.A.B. Ketua Menteri kata Penang sangat *urbanised*, tidak boleh kata ada lagi *rural area*. Sekarang beliau mahu *rural area*, mahu *rural weightage*, sama Terengganu, Johor, lebih daripada Perlis oleh kerana cadangannya untuk *rural weightage* 220%, lebih kurang dengan apa yang dicadangkan untuk Negeri Johor, Negeri Terengganu. Tentulah itu tidak demokratik. Itulah satu pendirian yang sudah bertukar selepas menjadi Ketua Menteri. Prinsip pun boleh digadaikan. Perlis ada satu *rural weightage* yang dicadangkan 28% sahaja. Tentulah Y.A.B. Ketua Menteri tidak boleh kata bahawa Perlis lebih *urbanised* daripada Pulau Pinang dan kalau satu kriteria, satu ukuran yang berpatutan, adil dan demokratik untuk Negeri Pulau Pinang, satu negeri yang *terurbanised* di Malaysia, *rural weightage* kalau bukan bersama dengan Perlis, 28%, sekurang-kurangnya tidak boleh lebih daripada 50%. Adakah Kerajaan Negeri rela menerima cadangan ini, prinsip pertama ini untuk representasi Kerajaan Negeri kepada Suruhanjaya Pilihanraya mengenai cadangan-cadangan kawasan-kawasan baru?

Sebab yang kedua di mana Kerajaan Negeri perlulah mengambil perhatian, pendirian tegas dalam perkara ini dan membuat bantahan keras ialah oleh kerana cara yang tidak mengikuti baik pun semangat atau makna Perlembagaan dalam menjalankan kajian mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya. Oleh kerana

cadangan Kerajaan Negeri yang mahu meminda Perlembagaan Negeri Pulau Pinang menambahkan 3 kerusi tidak berjaya dalam sidang tergempar pada 2hb. November, Suruhanjaya Pilihanraya terpaksa mengikut Perkara 113, Sub Clause 2 untuk menjalankan kajian mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya dan di bawah Perkara 113, Sub Clause 2, Suruhanjaya Pilihanraya adalah menghadapi satu larangan Perlembagaan atau *Constitutional Prohibition* di mana sebelum habis 8 tahun daripada kajian yang sebelumnya, Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh memulakan kajian dan tarikh 8 tahun habis pada 8hb. November, 1992 oleh kerana *last review* ialah 8hb. November, 1984. Tetapi pada 10hb. November, Suruhanjaya Pilihanraya sudah habiskan semua kajian. Semua sempadan-sempadan sudah ditetapkan, semua cadangan-cadangan sudah ditandatangani, *signed and sealed* dan saya ada bukti itu dan inipun tidak boleh dinafikan dan tentu Y.A.B. Ketua Menteri pun sendiri tahu. Kalau tidak tahu saya boleh beritahu dia. Saya percaya dia tidak boleh berdiri kata dia tidak tahu. Dia tentu patut tahu kalau dia seorang Ketua Menteri yang bijak dan cekap. Ini bererti oleh kerana 8hb. November hari Ahad, ini bererti dalam 24 jam sahaja, Suruhanjaya Pilihanraya nampaknya sudah habis kajian bukan sahaja untuk 11 kerusi Parlimen dan 33 kerusi *State Assembly* untuk Negeri Pulau Pinang tetapi untuk 165 kerusi Parlimen dan lebih daripada 400 kerusi *State Assembly* di seluruh Malaysia. Bolehkah? Ada dua kemungkinan, satu dalam 24 jam boleh habiskan semua *review*. Atau satu lagi kemungkinan ialah Suruhanjaya Pilihanraya sudah melanggar Perlembagaan oleh kerana sudah ada buat *review* sebelum habis larangan Perlembagaan atau *Constitutional Prohibition* itu. Kalau Suruhanjaya Pilihanraya boleh menghabiskan kajian seluruh Malaysia dalam 24 jam, saya rasa Kerajaan Negeri patutlah buat satu *recommendation* bahawa Suruhanjaya Pilihanraya masuk *Guinness Book of Records*. Yang cekap sekali bukan sahaja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia. 600 kerusi Parlimen/*State* 24 jam, semua *geography, maps, topography, postal district* semua sudah habis dalam 24 jam, masuk *Guinness Book of Record*. Tentulah, sesiapa, *any reasonable man* tentulah baru boleh sampai satu kesimpulan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sudah bertindak tidak mengikut Perlembagaan dan tanpa kebebasan keadilan oleh kerana bukan sahaja mengenai perakuan-perakuan persempadanan kawasan masing-masing perlu menerima arahan tertentu tetapi *time frame*, masa, *schedule* pun perlu menerima arahan-arahan ke atas yang tidak mengikut Perlembagaan, oleh kerana arahan ialah menghabiskan semua kajian ini selewat-lewatnya akhir tahun depan. Itulah sebab yang kedua.

Sebab yang ketiga kenapa Kerajaan Negeri perlu ambil satu pendirian yang tegas, yang keras, *protest* mengenai cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah bahawa Kerajaan Negeri, bahawa Dewan Undangan Negeri sendiri sudah diberi nasihat yang salah, *misled* apabila Kerajaan memanggil satu mesyuarat tergempar pada 2hb. November seolah-olah perlu meminda

Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Isnin ada berkata bahawa beliau diberi nasihat pada bulan Oktober, bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membentangkan satu Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Negeri supaya perubahan-perubahan kepada kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri boleh dibuat sekali gus, *concurrently*, tetapi apa yang berlaku selepas itu, sudah tunjuk dengan jelasnya bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada hasrat untuk menunggu baik pun Negeri Pulau Pinang ataupun mana-mana negeri, mana-mana Dewan, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, atau mana-mana Dewan Undangan Negeri supaya pindaan kepada Perlembagaan Negeri masing-masing menjadi undang-undang, sebelum memulakan kajian mempersempadanankan kawasan-kawasan pilihanraya oleh kerana kita tahu pada apabila 10hb. November, Suruhanjaya Pilihanraya sudah habiskan dalam 24 jam semua kajian, *signed, sealed* cadangan-cadangan mereka. Kebanyakan Dewan Undangan Negeri, pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Negeri masing-masing belum menjadi undang-undang. Sungguhpun ada diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri mereka, tetapi belum jadi undang-undang oleh kerana belum dapat *royal assent* atau belum digazetkan termasuk Kedah, termasuk Perak, termasuk Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Ini bererti nasihat yang diberi kepada Y.A.B. Ketua Menteri, perlulah mengadakan *emergency Penang State Assembly Meeting*, 2hb. November, itulah tidak benar, tidak berasas dan kalau itulah nasihat, dengan izin Y.A.B. Ketua Menteri sudah *diled up the garden path*. Datang di sini untuk *mislead* Dewan yang mulia ini. Itulah bagaimana satu Kerajaan Negeri, satu Dewan Undangan Negeri boleh dimainkan semacam ini. Dipermain-mainkan, diperbodohkan. Kalau segera, segeralah. Mana ada segera? Belum jadi *law* kajian sudah dibuat, *signed and sealed*.

Sebab keempat, di mana Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri perlu ambil tindakan yang tegas dalam perkara ini ialah kalau Kerajaan sebenar-benarnya menerima Visi 2020 dan bukan *edited version* tanpa *full political development*, itu beg pun habislah dan kalau benar-benar menerima konsep Wawasan 2020, Malaysia *fully developed* termasuk *full political development*, cadangan Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak boleh diterima oleh kerana ini bertentangan dengan memupuk *full political development* untuk Negeri Pulau Pinang, oleh kerana *undemocratic, unfair*, satu pukulan kepada proses membangunkan demokrasi di Negeri Pulau Pinang. Satu cadangan yang menafikan hak-hak demokratik rakyat di Negeri Pulau Pinang. Oleh kerana apa yang dilihat ialah *Gerry Mandering*, satu *Gerry Mandering* kawasan-kawasan pilihanraya di Negeri Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak mampu untuk membuat apa-apa alasan kenapa ada cadangan untuk setiap perubahan. Patut ada cadangan, tanpa cadangan apa sebabnya selain daripada mahu jadi *Gerry Mander*. Semacam kawasan Tanjong, bilangan pemilih-pemilih telah ditambah daripada pilihanraya besar 1990, daripada 60,888 ke 62,238.

Mungkinlah Suruhanjaya Pilihanraya rasalah kawasan Tanjong Parlimen setakat ini tidak cukup selamat untuk saya, tambah lagilah, lebih selamat, lebih kuat, memperkukuhkan kawasan Tanjong. Sama yang berlaku kepada Padang Kota, tambah lagi daripada 16,941 pada masa 1990, kepada 20,251. Mungkin ada orang baik dalam Suruhanjaya Pilihanraya rasa tidak cukup selamat, lebih baik tambah lagi pemilih-pemilih dalam Padang Kota, lebih baik untuk saya. Saya tidak tahu patut atau tidak patut untuk mengucap terima kasih supaya Tanjong, supaya Padang Kota lebih kuat. Saya tidak tahu sama ada itu cadangan hati baik Y.A.B. Ketua Menteri dan ini pun berlaku untuk Bukit Bendera. Tidak cukup kuatlah, tambah lagi pemilih-pemilih. Ayer Itam, tidak cukup kuat, tambah lagi pemilih-pemilih. Kalau itulah tujuan untuk mahu tolong DAP, itu hal yang lain. Tetapi kita tengok satu *pattern* dalam proses *Gerry Mandering* ini. Tujuan ialah tambahan sekecil bilangan kawasan-kawasan Parlimen Dewan Undangan Negeri DAP supaya boleh melemahkan lebih beberapa kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri DAP. Tentulah dalam Negeri Pulau Pinang kalau boleh lemahkan 3, 5 kerusi itulah satu *scenerio* politik yang sangat *significant*. Tetapi itu boleh kata tujuan UMNO *master plan* tetapi apabila diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya, itulah melanggar Perlembagaan - *spirit, substance, content* Perlembagaan dan kawasan-kawasan yang mahu dilemahkan ialah kawasan-kawasan pilihanraya dalam kawasan Parlimen Jelutong, Bayan Baru, Bukit Mertajam. Kenapa kita membenarkan *Gerry Mandering* semacam ini berlaku? Tentulah *Gerry Mandering* ini setakat ini dengan 33 kerusi State, Dewan Undangan Negeri teruk sekali. Tetapi kalau Kerajaan Negeri dibenarkan untuk tambah lagi 3 kerusi, *haywire*, oleh kerana pada masa itu Suruhanjaya Pilihanraya di bawah dictat UMNO *master plan* ada lebih peluang, ada lebih skop, buat *Gerry Mandering* yang lebih teruk, dan masa itu kerosakan kepada demokrasi akan lebih teruk, lebih *irreparable*. Masalah yang perlu ditujukan yang saya harap boleh dijawab ialah adakah mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya di Negeri Pulau Pinang ini selaras dengan *master plan* UMNO khasnya mengenai mewujudkan *strategic Malay areas* dalam Negeri Pulau Pinang. Tentulah idea *strategic Malay area*, kawasan strategik Melayu bukan rekaan DAP. Inilah yang dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat daripada Seberang Jaya, pun oleh Pengerusi UMNO Negeri Pulau Pinang dan Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim, '*strategic Malay area*', sungguhpun apabila ditanya di dalam Dewan mereka pura-pura tidak tahulah, tetapi di luar, oh, *Malay strategic area*. Di dalam, tidak tahulah. Kerajaan tidak ada polisi *Malay strategic area*. UMNO ada, UMNO ada polisi *Malay strategic area* dan tentulah apabila UMNO ada *Malay strategic area*, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, *neither here nor there, irrelevant* oleh kerana pendirian dasar UMNO lebih besar, lebih tinggi daripada Kerajaan Negeri.

Sebab yang kelima kenapa Kerajaan Negeri perlu mengambil satu pendirian yang tegas, yang keras dalam perkara ini ialah oleh kerana masa sekarang Suruhanjaya Pilihanraya masih boleh membetulkan cadangan-cadangan yang tidak adil, tidak demokratik bahkan melanggar Perlembagaan. Inilah oleh kerana apabila Suruhanjaya Pilihanraya mengikut Artikel 113(2) untuk buat kajian, ia ada kuasa untuk membuat *recommendation* untuk tambah bilangan kerusi. Untuk Negeri Pulau Pinang pun ada kuasa mencadangkan penambahan kerusi untuk Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sungguhpun pada 2 November 1992, Kerajaan Negeri gagal untuk mendapatkan majoriti 2/3 tetapi itulah artikel-artikel yang lain. Sekarang di bawah artikel 113(2) boleh, dan sebab itu pihak kita disini ada mencadangkan, ada menjemput Kerajaan Negeri, bersama-sama kita boleh buat satu representasi supaya tambah kerusi Parlimen, bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri atas sebab-sebab demokratik, adil dan berpatutan. Tambah 11 oleh kerana Parlimen ada 11, tambah 11 kerusi Dewan Undangan Negeri atas tiga kriteria, dengan tiga syarat.

Syarat yang pertama bahawa perlulah mematuhi prinsip satu orang satu undi. Ini bererti kalau kita mengikuti prinsip satu orang satu undi apa yang kita mahu dalam kajian ini ialah dalam pulau ada 6 kerusi Parlimen dan di Seberang 5. Itulah pendirian Y.A.B Ketua Menteri tahun 1984. Patutlah sekarang betulkan, ada kuasa. Masa itu Ahli Parlimen sahaja tidak ada kuasalah, sekarang maha kuasalah. Sekarang tengok, tidak guna tiada kuasa, ada pendirian tetapi ada kuasa pendirian tenggelam, habis. Sekarang patutlah prinsip pertama dalam kajian Pulau Pinang ialah *one man one vote*. Kalau begitu pulau 6 kerusi Parlimen, Seberang Perai 5. Sekarang dia perlu untuk tukar pendirian itu dan ini lagi satu bukti bahawa dia bukan seorang *free agent* dalam Kerajaan Negeri sungguhpun namanya ialah Ketua Menteri.

Prinsip yang kedua oleh kerana Pulau Pinang ialah negeri yang *terurbanised* sekali dalam Malaysia, *rural weightage* untuk Negeri Pulau Pinang patut terendah sekali. Bererti bahawa dalam bilangan pemilih-pemilih untuk semua kawasan pilihanraya, *rural weightage* tidak patut melebihi 50%. *Not more than 50%*.

Prinsip yang ketiga bahawa mengadakan *ratio* yang tetap Parlimen kepada Dewan Undangan Negeri ialah satu Parlimen 4 Dewan Undangan Negeri. Kalau Y.A.B Ketua Menteri rela, berani menerima cadangan DAP ini untuk mengemukakan satu memorandum yang bersama, Kerajaan dengan pihak pembangkang dengan alasan-alasan yang cukup kuat, cukup demokratik selain daripada mereka yang tidak mahu lagi menerima prinsip demokrasi. Menerima tiga-tiga prinsip ini untuk mempersempadanankan kawasan-kawasan pilihanraya di Negeri Pulau Pinang tentulah ini satu langkah yang baik. Kalau tidak inilah boleh kata Y.A.B Ketua Menteri

dan Kerajaan Negeri sudah mengabaikan kepentingan, bukan sahaja sudah mengabaikan tetapi sudah menggadaikan kepentingan penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Sebenarnya Suruhanjaya Pilihanraya haruslah memberi sebab untuk setiap cadangan dan perakuan yang ia kemukakan oleh kerana apabila membuat satu perubahan, tentu ada sebab, selain daripada Suruhanjaya Pilihanraya pun tidak tahulah. Itu UMNO *master plan*, mereka ikut sahaja buta-buta.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, jangan libatkan politik kepartian banyak sangat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang)

Itu peranan Kerajaan Negeri. Oleh kerana Kerajaan Negeri perlu buat representasi, kita mahu beri ciri-ciri, prinsip-prinsip. Ini politik. Seratus peratus politik, tidak boleh lari. Kita pun tahu sebab itu Y.A.B Ketua Menteri cakap mengenai DAP, DAP ini, DAP itu. Dia pun tahu seratus peratus politik. Ini perkara seratus peratus politik, tidak boleh lari.

Tuan Speaker:

Tetapi jangan politik kepartianlah.

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Kita tidak politikkan. Kita mahu *expose* cara mana mereka politikkan. Kita ikut apa *substance* ini.

Tuan Speaker, tentulah rakyat Negeri Pulau Pinang sokong pendirian kita apabila kita menafikan majoriti dua pertiga pada 2 November oleh kerana mereka faham cara-cara *Gerry Mandering* kawasan-kawasan pilihanraya. Dengan cadangan yang ada dibuat, mereka sekarang lebih faham. Kalau ada benarkan tiga kerusi baru diluluskan, mampus demokrasi, oleh kerana ada lebih skop, lebih ruang untuk buat *Gerry Mandering* yang lebih teruk, yang lebih *undemocratic*, apabila tidak perlu mengikut prinsip-prinsip demokrasi, ketiga-tiga prinsip yang tadi saya utarakan. Itulah sebab kenapa DAP ada mencadangkan satu *referendum*, satu perbahasan terbuka kalau Kerajaan Negeri berpegang kepada fikiran bahawa mereka ada dapat sokongan rakyat dalam perkara ini, dalam isu ini. Kenapa sekarang takut *referendum* ini? Kenapa sekarang takut *open debate* walhal Timbalan Presiden UMNO, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba sendiri cabar PBS di Sabah *open debate*, tetapi Ketua Menteri takut. UMNO berani, Gerakan takut.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Baik, inilah oleh kerana ini adalah apa Y.A.B Ketua Menteri sendiri sentuh dua hari dahulu. Bukan saya sendiri bawa, dia sentuh.

Tuan Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Pada hari Isnin, Yang Amat Berhormat ada sebut. 'Baiklah, DAP kalau tidak puas hati bawa ke mahkamahlah'. Burung tiong, bukan sahaja *copy cat*, burung tiong. Sebenarnya pada 26 November saya sudah buat satu pengumuman apabila cadangan-cadangan ini ada diumumkan bahawa kita dalam proses menimbang untuk mencabar *legality, constitutionality*, cadangan-cadangan tersebut dalam mahkamah sungguhpun kita tahu itu bukan satu perkara senang khasnya dalam satu keadaan di mana *rule of law* di tanah air kita bukan dalam satu keadaan yang dapat kepercayaan dalam atau di luar dunia. Tetapi kita dalam proses menimbang dan di sini saya boleh umum bahawa DAP sudah buat keputusan untuk cabar *legality, constitutionality*, cadangan-cadangan Suruhanjaya Pilihanraya dalam mahkamah. Kita akan buat. Kita ada dua proses akan digunakan. Dua langkah akan diambil untuk *protest* cadangan-cadangan ini. Satu masuk pergi mahkamah, kedua *organise* rakyat seratus orang untuk membuat rayuan, *petition*, bantah dan mahu satu *public enquiry* tetapi itu hal kita. Soalan ialah apa peranan Kerajaan Negeri. Tidak guna kata DAP mahu buat ini tetapi apa peranan yang patut dimainkan oleh Kerajaan Negeri sebagai satu Kerajaan yang diberi amanah oleh rakyat untuk menjaga kepentingan mereka khasnya supaya *full political development in Penang* boleh dipelihara.

Dan di sini saya mahu menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan mengabaikan tanggungjawabnya, *abdicate* tanggungjawabnya kalau ia baru buat satu representasi yang begitu lemah, begitu tanpa tulang belakang atau *spineless*. Oleh kerana sebab-sebab yang saya utarakan, perlulah satu tindakan yang tegas, yang kuat, yang keras, bukan sahaja representasi malah Kerajaan Negeri perlu fikir baikpun dengan DAP atau sendiri ambil tindakan cabar *legality, constitutionality Election Commission* dalam mahkamah. Apakah Kerajaan Negeri rela buat begitu? Patut fikir perkara ini demi kepentingan orang ramai, penduduk-penduduk di Negeri Pulau Pinang. Tidak guna tolak, oh, DAPlah. Kerajaan Negeri pun ada tanggungjawab. Saya jemput dengan rasminya di sini Kerajaan Negeri

bersama-sama dengan DAP cabar *Election Commission, legality, constitutionality* cadangan-cadangan kawasan-kawasan pilihanraya. Kita tunggu jawapan Y.A.B Ketua Menteri. Kalau tidak rela dengan kita, sendiri buat, Kerajaan Negeri buat. Ada tanggungjawab. Kalau tidak berani buat sendiri Dewan Undangan Negeri boleh luluskan satu usul memberi kuasa kepada Y.A.B Ketua Menteri buat cabaran undang-undang itu. Itulah, takut pecat, tentulah tidak buat.' Saya harap Y.A.B Ketua Menteri akan memberi satu jawapan samada rela atau tidak rela. Jangan lupalah pendirian yang dibuat pada tahun 1984. Samada lagi *consistent*, rela atau tidak rela memberi cabaran apa yang tidak adil, apa yang tidak demokratik, tidak *constitutional* pergi mahkamah. Dan kalau tidak kenapa, atau adakah yang disebut sudah dua ratus peratus dichiewchienkan.

Terima kasih, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada hari Isnin.

Tuan Speaker, dalam perenggan 7, Belanjawan, Y.A.B Ketua Menteri menyatakan bahawa Kerajaan sangat memandang berat masalah tunggakan cukai dan akan mengambil tindakan tegas bagi mendapat balik tunggakan hasil tanah di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, sebenarnya sudah beberapa Ahli Dewan yang mulia ini telah menyentuh tentang perkara ini. Saya cuma akan melanjutkan sedikit sebanyak *argument* yang dibentangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu bahawa tindakan untuk merampas tanah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang sudahpun menghasilkan 18 kes tindakan merampas tanah pada tahun ini tidak akan henti selepas tindakan merampas tanah. Apa yang berlaku ekoran perampasan tanah ini kerana, Tuan Speaker, tanah-tanah yang dirampas ini bukan semuanya bebas dari sebarang sekatan atau masalah atau *free from encumbrances*. Ada tanah-tanah ini diduduki oleh setinggan, ada penyewa-penyewa dan ada juga kes tanah-tanah perkuburan. Misalnya, Tuan Speaker, baru-baru ini kes yang melibatkan United Hokkien Cemetery kerana gagal membayar cukai tanah. Jika kes ini tidak dapat diselesaikan oleh pemegang-pemegang jawatan United Hokkien Cemetery ini, jika Kerajaan Negeri merampas tanah dengan menggunakan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara, apakah Kerajaan Negeri akan mengambilalih tugas untuk menguruskan tanah perkuburan ini ataupun Kerajaan Negeri akan mengambil langkah untuk menggali tulang-tulang dari kubur-kubur ini untuk menukar syarat dijadikan padang bermain golf kerana menghasilkan keuntungan yang lebih lumayan kepada Kerajaan Negeri? Oleh itu

saya harapkan Kerajaan Negeri dalam mengambil tindakan merampas tanah harus mengamalkan satu sikap bahawa tindakan merampas tanah adalah *last resort* dan selepas merampas tanah juga akan menggariskan dasar-dasar bagaimana hendak menguruskan tanah-tanah yang dirampas ini. Satu contoh lagi Tuan Speaker, iaitu dua bidang tanah di Jalan C.Y. Choy dalam kawasan saya kepunyaan Mendiang jutawan Chang Ming Tian dari UMBC Bank yang selama beberapa tahun ini tidak membayar *quit rent* dan *deserved notice* dan di atas tanah ini diduduki penyewa-penyewa dan setinggian-setinggian dan dalam perkara ini apakah kesan terhadap penyewa dan setinggian ini apabila tanah ini dirampas oleh pihak Kerajaan Negeri? Saya ingin mencadangkan seperti saya berkata tadi satu dasar yang jelas dapat digubalkan untuk menentukan bagaimana Kerajaan Negeri akan menguruskan tanah-tanah yang dirampas ini, samada bercadang untuk menswastakan tanah-tanah ini untuk dijadikan zon pembangunan, membangunkan projek perumahan komersial dan lain-lain sesuai dengan lokasi tanah-tanah yang dirampas itu.

Tuan Speaker, perenggan 16, Belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri di mana peruntukan sebanyak \$2.4 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan ini untuk membiayai khidmat arkitek dan juru ukur supaya membolehkan hak milik strata dikeluarkan kepada para penghuni rumah pangsa kos rendah Kerajaan Negeri dan langkah ini juga disambut baik oleh rakan saya Ahli dari Paya Terubong bahawa ini satu perkara yang sungguh *overdue* dan Y.A.B Ketua Menteri sendiri juga mengakui bahawa dengan peruntukan ini menunjukkan keazaman Kerajaan Negeri menghadapi satu masalah utama yang telah lama menunggu penyelesaian.

Tuan Speaker, sepanjang Belanjawan ini, saya cuma memerhatikan bahawa ada satu perkara atau satu masalah utama iaitu pengeluaran hak milik strata yang mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri tetapi, Tuan Speaker, di Negeri Pulau Pinang masih ada masalah utama yang telah lama menunggu penyelesaian daripada pihak pemerintah. Tidak cukup, Tuan Speaker, dengan hanya mmenumpukan perhatian atau memberi peruntukan atau menunjukkan keazaman kepada satu perkara sahaja kerana saya ingat keazaman ini haruslah ditingkatkan seribu kali ganda kerana ada seribu satu masalah di Negeri Pulau Pinang yang utama yang sedang menunggu penyelesaian daripada pihak Kerajaan Negeri.

Contohnya, Tuan Speaker, projek KOMTAR. Projek KOMTAR ini dari tahun awal 70an sudah ada tanah-tanah diambilalih oleh Kerajaan Negeri bagi pihak PDC untuk Projek KOMTAR. Sampai tahun 1992, hampir 20 tahun, projek KOMTAR ini masih belum diselesaikan dan menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada penduduk-penduduk, peniaga-peniaga yang masih terlibat dalam Fasa 4 dan 5, yang sedang menunggu dengan sabarnya, menunggu 20 tahun Kerajaan Negeri mencari satu penyelesaian untuk menempatkan

semula penduduk-penduduk dan peniaga-peniagayang terlibat. Apakah keazaman yang ditunjukkan oleh Y.A.B Ketua Menteri dalam perkara ini, Tuan Speaker? Dalam satu soalan lisan saya pada hari Isnin yang bertanya mengapa *Memorandum of Understanding* di antara PDC dengan Georgetown Holdings berkenaan dengan penjualan tanah-tanah di bawah Fasa 4 dan 5 tidak dapat dikuatkuasakan dan Y.A.B Ketua Menteri telah menjawab bahawa oleh kerana Georgetown Holdings tidak datang ke PDC untuk menandatangani perjanjian sebelum 7 Julai 1992 dan membayar 20% dari harga jualan maka Lembaga PDC telah mengambil keputusan untuk melepaskan *Memorandum Of Understanding* ini. Yang minat Lembaga PDC adalah untuk melepaskan wang *earnest* Georgetown Holdings.

Tuan Speaker, dalam perkara ini saya yakin Y.A.B Ketua Menteri bolehlah menunjukkan keazaman yang lebih daripada apa yang ditunjukkan oleh beliau pada hari Isnin. Adakah Y.A.B Ketua Menteri berhubung dengan Georgetown Holdings untuk bertanya mengapa.....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, ada syer dalam Georgetown Holding?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Itu KOMTAR *Phase* 4 dan 5 di bawah kawasan pilihanraya saya.

Tuan Speaker:

Tidak ada syerlah?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Mungkin saya akan belilah.

Tidak berhubung dengan Georgetown Holdings untuk bertanya apa sebabnya mereka tidak mahu melanjutkan perjanjian ini untuk membangunkan Fasa 4 dan 5 Projek KOMTAR.

Tuan Speaker, dalam AGM Georgetown Holdings pada bulan September ini, Pengarah Georgetown Holdings telah memaklumkan kepada pemegang-pemegang saham bahawa sebenarnya Georgetown Holdings tidak minat lagi dalam projek ini kerana tidak yakin bahawa projek yang raksaksa ini akan berjaya. Itu sebab, Tuan Speaker, Georgetown Holdings tidak lagi menunjukkan minat untuk membangunkan Fasa 4 dan 5 projek KOMTAR ini.

Tuan Speaker, jikalau projek di bawah Fasa 4 dan 5 menjadi raksaksa menelan perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit mengapakah PDC tidak memecahkan Fasa 4 dan 5 ini dalam pakej yang lebih kecil untuk menarik syarikat-syarikat membeli tanah, memajukan Fasa 4 dan 5 dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dan peniaga-peniaga di KOMTAR ini.

Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Y.A.B Ketua Menteri bahawa selagi Fasa 4 dan 5 tidak dijualkan, tidak diswastakan, tidak dimajukan, samada melalui penswastaan ataupun oleh PDC sendiri, penghuni-penghuni yang terlibat terpaksa duduk dalam rumah yang mengalami kerosakan yang sungguh membahayakan. Saya rasa PDC dan pihak Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut sering mendapat surat dari penghuni-penghuni yang terlibat untuk membaiki rumah-rumah yang sudah usang, sudah rosak itu tetapi hingga ini, Tuan Speaker, tidak ada tindakan daripada pihak Jabatan Kerja Raya, PDC dan pihak Pentadbir Tanah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di bawah projek KOMTAR ini. Sebenarnya, Tuan Speaker, penduduk-penduduk yang terlibat di bawah projek KOMTAR ini sudah tunggu 20 tahun, sudah cukup sabar seperti Tuan Speaker. Mereka sedia untuk pindah dari tempat itu tetapi pihak PDC tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan penempatan semula alternatif kepada mereka yang terlibat.

Tuan Speaker, nampaknya PDC menunjukkan banyak minat kepada membina *apartment-apartment medium* kos tetapi di dalam hal ini untuk menyediakan rumah-rumah kos rendah bagi menempatkan semula penduduk-penduduk yang terlibat dalam projek KOMTAR ini, PDC tidak mengambil sikap yang *agresif* dan bertanggungjawab. Sepatutnya, Tuan Speaker, PDC haruslah menyediakan atau menyiapkan kemudahan ini sebelum mengarahkan penduduk-penduduk ini pindah dari tempat itu tetapi pada hakikatnya sememangnya tidak ada kemudahan sedemikian untuk menempatkan semula penduduk-penduduk. Penduduk-penduduk mahu pindah tetapi tiada tempat untuk melindungi badan dan keluarga.

Tuan Speaker, saya harap projek KOMTAR ini, masalah-masalah yang berkaitan menjadi satu masalah utama yang akan diberi perhatian tegas oleh Y.A.B Ketua Menteri, oleh PDC dan pihak berkuasa yang berkenaan. Mengapa Yang Amat Berhormat yang beberapa bulan dahulu bimbang dengan masalah kekurangan tempat meletak kereta di sekitar KOMTAR tidak merobohkan semua bangunan ini atas satu *condition* di mana kemudahan alternatif sudahpun siap, merobohkan bangunan-bangunan di bawah Fasa 4 dan 5 dan kalau tidak ada syarikat yang minat untuk membangunkannya PDC ataupun Kerajaan Negeri menjadikan tanah kosong ini sebagai *car park*, tempat-tempat letak kereta ataupun kalau PDC terlalu minat untuk membina bangunan-bangunan yang besar-besar, yang tinggi lampai, membinakanlah satu bangunan meletak kereta setinggi

KOMTAR, 65 tingkat, untuk menyelesaikan selama-lamanya sehingga Wawasan 2020 kita tidak perlu menghadapi masalah *car park* di sekitar KOMTAR. Ini mungkin cadangan yang lucu, Tuan Speaker, tetapi itulah *frustration* yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di bawah projek KOMTAR ini.

Tuan Speaker, satu bidang yang juga harus diberi keazaman yang lebih oleh Kerajaan Negeri ialah untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan kos rendah di Negeri Pulau Pinang ini bagi menyahut cabaran untuk mencapai satu *house owning democracy*. Tetapi Tuan Speaker, apabila kita mengkaji statistik-statistik yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dalam bidang ini, rancangan penswastan perumahan sepatutnya dilancarkan bagi tempoh tahun 1986 hingga 1989 ditangguhkan bagi tempoh tahun 1989 sehingga 1992, sekali lagi ditangguhkan pada tahun 1992 kepada tahun 1995, masih tidak nampak prestasi ataupun penyerahan unit-unit rumah kos rendah yang memuaskan. Tambahan pula, Tuan Speaker, baru-baru ini di akhbar, kita dengar beberapa berita yang buruk kepada pemohon-pemohon perumahan kos rendah di Negeri Pulau Pinang kerana di dalam pelan strategik Pulau Pinang ini juga Kerajaan Negeri sedang menimbang untuk menukar pendirian Kerajaan Negeri terhadap harga yang berpatutan bagi rumah kos rendah iaitu Kerajaan Negeri berhasrat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk mendefiniskan semula rumah kos rendah di kawasan bandar, Tuan Speaker.

Ini bermakna pemohon-pemohon tidak akan dapat membeli rumah kos rendah berharga \$25,000.00 lagi. Berita buruk yang kedua baru-baru ini ialah pengumuman Ahli EXCO Ara Rendang bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan, dengan izin, Tuan Speaker, *giving up the practice of undertaking low cost housing projects on its own*. Ini yang bermakna, Tuan Speaker, bahawa bekalan rumah-rumah kos rendah akan terjejas lagi. Berita buruk yang ketiga, Tuan Speaker, mengenai hal ini ialah pengumuman oleh PDC bahawa PDC tidak minat lagi untuk membina rumah kos rendah di sebelah Pulau Pinang kerana harga tanah terlalu mahal.

Tuan Speaker, sebagai satu badan berkanun, badan yang menggerakkan pembangunan ekonomi, sosial di Negeri Pulau Pinang, tidak sanggupkah PDC menunjukkan tauladan untuk membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah? Kalau PDC sebagai satu agensi Kerajaan tidak mahu membina rumah-rumah kos rendah, bolehkah Kerajaan Negeri mengharapkan pemaju-pemaju swasta untuk membina rumah-rumah kos rendah ini? Mereka akan memberi berbagai penjelasan, alasan bahawa kalau PDC pun tidak berminat mengapa Kerajaan Negeri memaksa pemaju-pemaju perumahan swasta untuk menunaikan obligasi sosialnya untuk menyediakan rumah-rumah kos rendah di Negeri Pulau Pinang.

Satu perkara yang berhubung dengan perumahan kos rendah ialah, saya ingatpun beberapa kali dibawa di dalam Dewan yang mulia ini dan juga di dalam pengetahuan Ahli EXCO Perumahan, iaitu pembayaran tambahan \$10,000 untuk *renovation* rumah-rumah kos rendah di projek Sungai Nibong. Saya tidak tahu samada amalan ini sedang digunakan oleh pemaju-pemaju sebagai *loophole* di lain-lain projek di Negeri Pulau Pinang ataupun di Seberang Perai. Ahli EXCO berkenaan selalu berkata bahawa tidak ada aduan yang rasmi mengenai perkara ini tetapi saya harap beliau sedar bahawa walaupun tidak ada aduan rasmi tidak bermakna keadaan ini ataupun amalan ini tidak dilakukan. Saya berharap, saya mendapat beberapa aduan daripada bakal pembeli-pembeli bahawa mereka tidak sanggup, tidak berupaya untuk membayar bayaran pertama \$12,500 untuk mebayar \$10,000 untuk tujuan *renovation* \$2,500 sebagai bayaran pertama, tidak sanggup, Tuan Speaker, kalaulah diambil kira pembeli-pembeli ini harus membayar \$10,000 ini terlebih dahulu. Kalau \$25,000, dan bayar 10% \$2,500, mungkin kebanyakan pembeli-pembeli ini sanggup. Kalau tidak ada wang pun kena pinjam \$2,500 sebagai bayaran pertama tetapi kalau memaksa mereka membayar \$12,500 Tuan Speaker, kalau sendiri tidak ada wang yang mencukupi hendak pinjam dari saudara marapun satu perkara yang susah. Oleh itu saya berharap Ahli EXCO walaupun beliau berkata setakat ini tidak ada aduan rasmi tetapi beliau sedar amalan ini sedang dipraktikkan akan mengkaji, akan mengambil langkah yang tegas bagi mengatasi masalah yang pokok ini.

Tuan Speaker, satu perkara yang saya ingin sentuh mengenai tajuk yang sama ialah Tabung Perumahan Kos Rendah. Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, dan juga dibangkitkan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang bahawa satu usaha akan diadakan untuk menubuhkan satu Tabung Perumahan Kos Rendah untuk membolehkan pemaju-pemaju yang tidak sanggup untuk menunaikan ataupun tidak sanggup mengikuti dasar Majlis Perbandaran untuk menyediakan sekurang-kurangnya 30% daripada projek mereka terdiri daripada rumah-rumah kos rendah supaya wang daripada Tabung ini dapat digunakan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah di kawasan-kawasan di luar projek mereka. Saya berharap Y.A.B Ketua Menteri yang sentiasa berkata Kerajaan Negeri satu Kerajaan yang *proactive* dalam perkara ini jugalah perlu *proactive* sedikit lagi untuk menjadi hakikat kepada satu cadangan yang baik. Setuju, saya bawa sendiri.

Tuan Speaker, berhubung dengan Akta Kawalan Sewa, walaupun sudah beberapa kali dikatakan akan dimansuhkan tetapi setakat ini masih belum dibentangkan dalam Dewan Rakyat untuk tujuan pemansuhan. Saya ingin menyeru kalau tidak mengkritik Y.A.B Ketua Menteri supaya mengadakan satu usaha yang serentak apabila Akta Kawalan Sewa ini dimansuhkan secara berperingkat-peringkat supaya menyediakan *mass housing project* bagi tujuan untuk

menempatkan semula ataupun membolehkan penduduk-penduduk yang terlibat untuk membeli rumah-rumah *alternatif* apabila Akta Kawalan Sewa ini dimansuhkan secara berperingkat-peringkat.

Inilah, Tuan Speaker, juga menjadi satu masalah utama yang lama tunggu penyelesaian daripada pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, panjang lagi? Boleh potong sedikitkah?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Makan dululah. Ada satu jam lagi, saya ingat, banyak lagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.45 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 petang
Dewan bersidang semula pada jam 2.50 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula dengan ucapan perbahasan Ahli dari Pengkalan Kota.

Ahli Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Terima kasih Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambungkan ucapan saya dalam Perbahasan Belanjawan yang dibentang oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Tuan Speaker, sebelum saya menyambung perbahasan saya, saya ingin menarik perhatian Tuan Speaker atas Peraturan 116(c) meminta Tuan Speaker membuat satu *ruling* terhadap *typewriter* yang digunakan oleh Ahli Kawasan Batu Uban, sama ada beliau boleh memakai mesin itu di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau boleh sama ada kita boleh bawa *typewriter-typewriter*, komputer-komputer di dalam Dewan semasa persidangan.

Tuan Speaker:

Tidak mengapa, alat itu sudah lama, ia tidak bunyi, tidak mengapa. Kalau yang baru dia berbunyi saya tidak beri. Saya nampak dia tidak bunyi. So kalau bawa yang tidak bunyi, tidak mengapalah, teruskan.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram):

Dato' Speaker, atas peraturan yang sama, sekiranya seorang Ahli Dewan tidak dibenarkan membaca surat khabar, buku-buku, surat-surat yang tidak berkaitan dengan apa yang diperbahaskan dan sekiranya semua Ahli-ahli Dewan dikehendaki berdiam diri apabila seorang ahli berucap, saya rasa penggunaan *personal computer* ataupun *typewriter* tidaklah selaras dengan *Standing Order* dalam Dewan ini. Sekiranya Tuan Speaker enggan melarangkan amalan ini, ini akan bermakna bahawa kesemua kita daripada pihak pembangkang juga mempunyai hak untuk membawa *personal computer* ke dalam Dewan ini. Bukan sahaja Ahli Kawasan Batu Uban yang ada *personal computer*. Kami juga ada dan apa akan terjadi kepada persidangan dalam Dewan ini, Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Jadi *tuition centre*.

Tuan Speaker:

Sebagai Ahli Exco dia memerlukan jawapan yang tepat. Jadi kalau kita hendak jawapan yang tepat saya rasa kita boleh beri peluang kepada Ahli-ahli Exco menyediakan benda itu tanpa mengganggu. Kalau mengganggu beritahu kepada saya.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram):

Dato' Speaker, sekiranya dia ingin menyediakan jawapan khas sama ada perkara-perkara lain, beliau boleh berbuat demikian di luar Dewan. Beliau ada cukup bantuan daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Sepatutunya dia tidak perlu membuat kerja ini. Ini tidak menghormati bukan sahaja Dato' Speaker, tetapi Ahli Dewan yang sedang membuat ucapan. Saya rasa Dato' Speaker seharusnya mengambil satu tegasan yang tetap dalam perkara ini. Dato' Speaker, ini saya menyatakan seperti tadi bukanlah satu amalan yang kami boleh terima. Saya harap Dato' Speaker akan tegas dalam perkara ini.

Tuan Speaker:

Saya berpendapat Ahli-ahli EXCO yang menggunakan alat-alat apapun yang tidak mengganggu, Ahli-ahli EXCO sahaja, sebab dia memerlukan jawapan yang tepat untuk kita semua.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang lain yang hendak berucap pun kena faktor-faktor yang betul. Kita boleh bawa *personal computer* masuk.

Tuan Speaker:

Ya, Kalau kita hendak berucap kita boleh buat persediaan di luar, tetapi soalan yang ditimbulkan olah Ahli Dewan dengan serta merta itu sahaja maksudnya.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, kalau mereka ada bantahan berkenaan kegunaan satu komputer atau satu alat komputer yang sekarang digunakan untuk memberi jawapan atau menulis jawapan, saya pun boleh tarik balik alat ini. Oleh kerana ini menunjukkan hati yang sangat kecil dari pihak pembangkang.

Tuan Speaker:

Okay yang sebenarnya Ahli Batu Uban telah menanya saya. Saya kata boleh tetapi kalau sudah nampak semua Ahli sudah tidak bersetuju, pada saya ini untuk kebaikan Dewan tetapi.....

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Dato' Speaker, barangkali dia main *video games*.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat nanti saya halau keluar. Kita hendak *serius*. Jadi saya benar, dia tanya saya, saya kata benar asalkan benda itu tidak bising dengan tujuan hendak memberi maklumat. Kemudian kalau semua orang tidak bersetuju saya boleh terima pandangan itu. Mudah sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Terima pandangan kami pihak sinilah. Di situ mereka semua tidak sokong Ahli dari Kawasan Batu Uban.

Tuan Speaker:

Jadi saya nampak kalau semua tidak bersetuju, okay, saya boleh tidak benarkan benda itu tidak menjadi masalah. Kita tidak perlu hendak heboh-hebuhlah sebab saya tahu benda itu lama, benda lama ini tidak bunyi so saya benarlah. Kalau benda baru dia bunyi.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram):

Dato' Speaker.

Tuan Speaker:

Duduk, cukup, nanti saya senarai hitamkan. Tolong jangan gunakan lagi benda itu.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram):

Ini satu ancaman Dato' Speaker terhadap saya. Hendak senarai hitamkan saya.

Tuan Speaker:

Bukan ancaman, memang sudah betul pun. Jadi saya berterima kasih kepada Ahli Kawasan Batu Uban kerana dia bertanya kepada saya dahulu, bukan dia pandai-pandai. Saya kata boleh. Tetapi sekarang nampak semua orang sudah tidak bersetuju. Okay, kita patuh pada pendapat umum. Itu sahaja. Nampaknya kena guna di rumah sahajalah. Okay, teruskan Ahli Kawasan Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Chow Kon Yeow):

Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Ahli Kawasan Batu Uban kerana memberi kerjasama. Tuan Speaker, perangkan 13 Belanjawan Y.A.B Ketua Menteri menyentuh tentang belanjawan bagi tahun 1993 di bawah butiran *Emolumen* di mana *Emolumen* sebanyak \$39 juta ini merupakan 43.7% daripada jumlah peruntukan belanjawan ini iaitu kenaikan \$3 juta Tuan Speaker. Mengikut penjelasan Y.A.B. Ketua Menteri kenaikan ini adalah untuk menampung kenaikan gaji akibat pelaksanaan Sistem Saraan Baru untuk kakitangan sektor awam dan beliau berharap pelaksanaan SSB ini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan jentera pentadbiran Kerajaan pada amnya. Itu juga harapan saya di sini kerana semasa mendengar alasan-alasan daripada pegawai kakitangan yang dijemput memberi pandangan di Jawatankuasa Kira-kira Awam, satu masalah yang dihadapi oleh kebanyakan jabatan-jabatan Kerajaan adalah kekurangan kakitangan untuk membuat kerja-kerja yang *manual* dan lain-lain. Oleh itu dengan pelaksanaan SSB ini dan bayaran *overtime* dan sebagainya kepada kakitangan awam haraplah keberkesanan jentera dapat dipertingkatkan. Masalah-masalah yang sudah lama yang tidak dapat perhatian yang lama menunggu satu penyelesaian dapatlah diberi tumpuan ataupun perhatian yang lebih dekat lagi dengan bayaran *overtime* di bawah SSB.

Tuan Speaker, adalah diharapkan juga SSB ini dapatlah meningkatkan keazaman kakitangan pegawai perkhidmatan awam untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan awam. Tetapi Tuan Speaker oleh kerana perkhidmatan awam mempunyai beribu-ribu kakitangan pegawai, pengarah dan lain-lain, tidak mustahillah kadangkala ada satu dua *black sheep* ataupun segolongan satu dua *black sheep* dalam perkhidmatan awam. Contohnya, Dato' Speaker,

semasa menjawab soalan lisan saya iaitu berkenaan dengan persaraan lebih awal bekas Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang Encik Lakhbir Singh, alasan yang diberikan oleh Ketua Menteri ialah bahawa Encik Lakhbir Singh dibersarakan atas kepentingan awam mulai 23 Oktober tahun ini. Persaraan ini adalah selaras, kata Ketua Menteri, dengan Perintah Am, Bab D, Bahagian 5, Perenggan 44 (i) dan (ii). Tuan Speaker, jawapan yang diberikan oleh Ketua Menteri tidak menjelaskan apa maksud kepentingan awam di mana memaksakan Encik Lakhbir Singh, Setiausaha Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk dibersarakan. Apakah kepentingan awam yang dimaksudkan ini? Apakah Encik Lakhbir Singh orang yang dimaksudkan oleh Ahli Kawasan Sungai Bakap apabila menjawab satu pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat Kawasan Ayer Itam yang merupakan seorang di dalam MPPP yang didakwa dan digantung daripada tugasnya kerana disyaki terlibat dengan kes makan rasuah.

Tuan Speaker, tadi saya ada menyentuh tentang SSB, ada gaji naik kepada kebanyakan kakitangan, pegawai dan pengarah perkhidmatan awam. Tetapi dalam jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat Ayer Itam yang sama terdapat 21 kakitangan, pegawai, pengarah MPPP yang telah dan akan memilih bersara awal pada tahun ini. Saya rasa Tuan Speaker memang ada sebabnya mengapa 21 orang ini memilih ataupun diarahkan untuk bersara awal dari perkhidmatan di MPPP. Tuan Speaker, isu persaraan awal Encik Lakhbir Singh telah menimbulkan soal di kalangan rakyat. Kalau dikatakan disarakan atas sebab kepentingan awam, rakyat khususnya pembayar-pembayar cukai di Pulau Pinang ini berhak mendapat satu penjelasan daripada Ahli EXCO ataupun Ketua Menteri sendiri tentang apa kesalahan yang dilakukan oleh Encik Lakhbir Singh ini yang menyebabkan beliau dibersarakan selaras dengan Perintah Am. Tuan Speaker, apakah dengan persaraan awal ini cerita tentang Encik Lakhbir Singh ini sudah tamat? Apakah persaraan awal Encik Lakhbir Singh adalah satu *exchange in lieu of indictment for any criminal offences*? Tuan Speaker, saya berharap persaraan awal ini tidaklah digunakan untuk melindungi sesiapaupun dalam perkhidmatan awam yang didapati melanggar ataupun melakukan kesalahan-kesalahan penjenayah. Rakyat dan pembayar cukai dan Dewan yang mulia ini berhak untuk mengetahui apakah sebenarnya yang dilakukan oleh beliau, sama ada Encik Lakhbir Singh ada membuat apa-apa ugutan terhadap MPPP ataupun Kerajaan Negeri jika dia didakwa atas apa-apa kesalahanpun dia akan bongkarkan apa yang dia tahu tentang amalan rasuah, penyelewengan kuasa pemimpin-pemimpin peringkat atasan dalam Majlis Perbandaran mahupun dalam Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, dengan berlakunya persaraan awal pegawai-pegawai tinggi di dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah membuktikan bahawa dakwaan yang dibuat oleh Encik Lim Cheng Tatt, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa Majlis Perbandaran di Pulau Pinang *corrupted to the*

core. Tuan Speaker, walaupun sudah dapat Encik Lakhbir Singh dibersarakan 21 kakitangan, pegawai, pengarah dibersarakan awal, tidak bermakna masalah korupsi di Majlis Perbandaran Pulau Pinang sudah tamat, sudah selesai. Saya ingin tahu, Tuan Speaker, dan harap Ahli EXCO, Ketua Menteri, boleh memberitahu Dewan ini tentang apakah keputusan siasatan terhadap dakwaan bahawa pegawai-pegawai Majlis terlibat dalam amalan korupsi berhubung dengan peruntukan *stall-stall* di tapak penjaja Gurney Drive. Satu siasatan telah dijalankan oleh MPPP, Tuan Speaker, tetapi sehingga ini MPPP tidak mengumumkan apa-apa keputusan. Adakah persaraan awal 21 orang ini bersangkut paut dengan keputusan siasatan terhadap tuduhan bahawa amalan korupsi berlaku dalam peruntukan gerai-gerai di Gurney Drive, Tuan Speaker? Saya harap Ahli EXCO berkenaan ataupun Y.A.B Ketua Menteri dapat memberitahu Dewan ini tentang hasil siasatan ini Tuan Speaker. Sehubungan dengan ini, Tuan Speaker, saya mengalu-alukan Tuan Speaker penubuhan sebuah Jawatankuasa Disiplin, Tatatertib di dalam MPPP di bawah Seksyen 17 Akta Kerajaan Tempatan, dengan izin, Tuan Speaker: "..... *power of Local Authority to provide for discipline of its officials*". 1) *"A Local Authority may with the approval of the State Authority from time to time make rules for the purpose of maintaining good conduct and discipline among officers and employees and may impose any punishment upon any such officer or employee who is guilty of misconduct or breach of duty in the exercise of his official functions."* Tuan Speaker, saya mengalu-alukanlah tindakan MPPP ini untuk menubuhkan jawatankuasa ini supaya dapat mengemaskan lagi pentadbiran MPPP dalam memberi perkhidmatan tempatan kepada pembayar-pembayar cukai. Bukan sahaja MPPP, Tuan Speaker, harus menubuhkan sebuah jawatankuasa sedemikian tetapi di MPSP dan Kerajaan Negeri juga jawatankuasa sedemikian harus ditubuhkan untuk menerima aduan-aduan awam terhadap penyelewengan kuasa, amalan korupsi di pentadbiran awam, sama ada di peringkat Majlis Tempatan ataupun di peringkat Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, kembali kepada perenggan 27 Belanjawan Y.A.B. Ketua Menteri beliau menyatakan bahawa usaha dan tumpuan khusus sedang dan akan diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat industri teknologi tinggi. Tuan Speaker, berhubung dengan perkara ini saya ingin hendak menyatakan bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Tuan Speaker, kita sering dengar pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri khususnya yang kelulusan PHD berkata Pulau Pinang akan berusaha aktif menggalakkan pelaburan yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- (i) Tinggi nilai ditambah;
- (ii) Berintensif modal;
- (iii) Berintensif kemahiran;
- (iv) Bukan berintensif buruh dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Tetapi Tuan Speaker, baru-baru ini laporan-laporan akhbar telah melaporkan satu gejala yang baru melanda Negeri Pulau Pinang iaitu apa yang disifatkan penaklukan *invasion of the Penang manufacturing sector by foreign workers*. Terdapat satu penaklukan pekerja-pekerja asing terhadap sektor pembuatan di Negeri Pulau Pinang Tuan Speaker. Walaupun pada asalnya, Tuan Speaker, Kerajaan membuat dasar bahawa pekerja asing tidak dibenarkan dalam sektor pembuatan, tiba-tiba Kerajaan Negeri khususnya Ahli EXCO Sungai Pinang bertukar fikiran pula, bertukar dasar pula dan membenarkan kilang-kilang yang boleh tunjuk bukti mereka tidak dapat pekerja-pekerja tempatan dan terpaksa mengupah pekerja-pekerja asing ini. Tuan Speaker, Ahli EXCO Sungai Pinang berkata bahawa di Pulau Pinang sudah ada 17 buah kilang diberi kebenaran untuk mengubah atau mengambil seramai 1600 pekerja asing dari Bangladesh dan Indonesia untuk bekerja di kilang-kilang Negeri Pulau Pinang. Beliau bertambah lagi bahawa Kerajaan Negeri juga telah menerima sebanyak 75 permohonan dari kilang-kilang untuk mengambil seramai 9000 pekerja asing Tuan Speaker. Perkembangan ini menunjukkan satu kelemahan yang besar dalam usaha negeri melangkah menjadi sebuah pusat industri berteknologi tinggi. Ini bermakna, Tuan Speaker, kilang-kilang baru yang dibenarkan operasi di Negeri Pulau Pinang tidak memenuhi sepenuhnya syarat-syarat seperti *skill intensive and non labour intensive* tetapi sebaliknya adalah *labour intensive*.

Tuan Speaker, saya tidak menyalahkan kilang-kilang ini, Tuan Speaker, kerana mengambil pekerja-pekerja asing kerana maklumlah mereka ini sebagai *capitalist footloose industry* tidak peduli siapa mereka mengambil asalkan mereka dapat buruh yang murah untuk membantu mereka mengaut keuntungan dan kelebihan. Oleh itu saya ingin menyoalkan mengapa Kerajaan Negeri tidak lebih *selective* tentang pelaburan baru dalam sektor pembuatan kerana sedar masalah kekurangan pekerja di Negeri Pulau Pinang dan juga sudah mengubal satu dasar untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat industri berteknologi tinggi. Sepatutnya Tuan Speaker, negeri harus memilih industri-industri yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, dalam Persidangan Dewan yang lepas saya pernah menyoalkan satu soalan bertulis tentang perkara ini iaitu saya ingin tahu dari pelaburan-pelaburan baru yang datang ke Negeri Pulau Pinang ada berapa peratus boleh dikategorikan sebagai *capital intensive* dan berapa peratus sebagai *labour intensive*. Tetapi Tuan Speaker, sangat kesal bahawa Kerajaan Negeri tidak dapat memberitahu saya kerana tidak ada maklumat kononnya. Tuan Speaker sudah sampai masa untuk Kerajaan Negeri *take stock of the*

situation dan mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya Negeri Pulau Pinang dapat menuju ke satu arah yang betul ke arah perindustiran.

Tuan Speaker, satu perkara yang ingin saya sentuh Tuan Speaker sebelum mengakhiri ucapan saya ialah berkenaan dengan perenggan 12 di mana Ketua Menteri telah menyatakan bahawa tahun 1993 merupakan tahun pertama bagi melaksanakan pelan strategik 10 tahun untuk membawa Negeri Pulau Pinang ke abad 21. Beliau juga berkata oleh itu anggaran perbelanjaan bekalan bagi tahun 1993 ini dirangka dan dirancang dengan mengambil kira teras-teras strategik yang dikenalpasti. Tuan Speaker, saya tidak nampak bagaimana satu belanjawan yang melibatkan hanya \$131 juta dapat digunakan untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencapai apa yang dikatakan sebuah masyarakat paska industri yang maju. Saya tidak nampak Tuan Speaker kerana jumlah \$131 juta ini bukan kesemuanya digunakan untuk dilaksanakan projek-projek, dasar-dasar ke arah matlamat yang dicatat di dalam Pulau Pinang ke abad 21 tetapi digunakan untuk tujuan-tujuan yang lazim, digunakan membaiki titi, membaiki lubang-lubang jalan dan lain-lain. Saya tidak nampak ada apa *surplus* ataupun kelebihan dari belanjawan ini untuk membantu Negeri Pulau Pinang memulakan tahun pertama ke arah abad 21 ini.

Tuan Speaker, pelan strategik Pulau Pinang ini telah digubalkan untuk mengatasi 12 bidang masalah iaitu memperdalam dan memperluas asas industri, memulih kembali perdagangan, memperluaskan pelancungan, memodenkan pertanian, membentuk tenaga kerja yang berkemahiran dan berorientasi kualiti, memperluaskan kegunaan tanah, menyediakan infrastruktur bermutu, melindungi dan memelihara alam sekitar, membentuk masyarakat yang lebih saksama, membentuk masyarakat penyayang dan lebih bersepadu, mempertingkatkan Pulau Pinang sebagai pusat serantau, mempertingkatkan mekanisma pentadbiran.

Tuan Speaker, ini menjadi satu skop yang terlalu besar untuk mengharapakan Belanjawan sedemikian dapat membantu atau *set of* Negeri Pulau Pinang ke arah abad ke 21. Di dalam teras-teras strategi pelan ini, Tuan Speaker, kesemuanya ada 85 strategi dan Ketua Menteri mengharapakan dengan tidak ada *surplus* dari Belanjawan ini untuk *launch off* tahun pertama pelan strategi 10 tahun Negeri Pulau Pinang. Pelan ini seperti saya katakan ada 85 strategi. Kebetulan ada 85 muka surat secara purata satu strategi satu muka surat. Ini mungkin *coincidental*, bukan *coincidental* yang dimaksudkan oleh Sungai Bakap.

Tuan Speaker, lagi pun Ketua Menteri telah menggambarkan satu gambaran yang *pessimistic* dalam membentangkan belanjawan *defisit* ini. Beliau seperti amalan biasa Ketua Menteri Pulau Pinang berkata negeri ini kecil, berkurangan sumber-sumber tanah, sumber-

sumber semula jadi dan sememangnya mempunyai hasil yang terhad. Hasil negeri bergantung sangat kepada punca-punca yang kecil. Lagi pun ada banyak tunggakan kerana kelemahan pentadbiran tanah. Penerimaan bukan hasil tidak tambah banyak Kerajaan Negeri tahun ini kena naik gaji di bawah SSB. Lubang-lubang jalan terlalu banyak hendak *repair*. Pelajar ambil biasiswa tidak mahu bayar balik. Inilah satu Belanjawan yang dikatakan harap *launch off* tahun pertama pelan strategik untuk membina masyarakat *post* industri yang maju di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, inilah Ketua Menteri patut hendak seimbangkan antara realiti dan *vision*nya. *Budget* sedemikian tidak mempunyai *surplus* atau kelebihan untuk melaksanakan satu tugas yang *gigantic* dan *mammoth*. Jadi satu kesimpulan yang sama mahu buat di sini sebelum mengakhiri ucapan saya, Tuan Speaker ialah *There must be something wrong with this strategic plan. If there is nothing wrong with this plan then there must be something wrong with this budget. If not then there is must be something wrong with the Ketua Menteri.*

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan):

Dato' Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1993 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada semalam. Dato' Speaker, memang tadi Ahli Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota kata *budget* yang begitu kecil tetapi bagaimana kita boleh sampai ke abad 21. Memang dia tidak tahu tetapi kami yakin Ketua Menteri yang istimewa tahu bagaimana. Kita pun sudah tahu satu perkataan 'Menantu perempuan yang cekap', Dato' Speaker, 'boleh buat nasi sungguhpun tidak ada beras.'

Dato' Speaker, anggaran perbelanjaan perbekalan tahun depan merupakan satu anggaran yang, menurut kata-kata Y.A.B Ketua Menteri, mengambil kira teras-teras pelan strategik Pulau Pinang ke abad 21. Kata-kata Y.A.B Ketua Menteri ini amatlah bermakna kerana usaha-usaha perlulah dibuat dari sekarang bagi memastikan Pulau Pinang terus maju dan makmur dengan dapat bersaing dalam pasaran dunia yang penuh dengan cabaran. Jika Pulau Pinang tidak membuat persediaan dari sekarang dan tidak mahu mengorak langkah ke tahap yang lebih tinggi dan maju dari segi perindustrian, Pulau Pinang akan ketinggalan jauh berbanding dengan negeri atau pun wilayah lain di rantau ini.

Dato' Speaker, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B Ketua Menteri yang begitu cekap yang telah berusaha dengan gigih sejak mengambilalih pucuk kepimpinan negeri untuk menarik dan untuk

menyakinkan lebih ramai pelabur ke negeri ini. Pelabur-pelabur asing tidak datang ke negeri ini secara kebetulan. Mereka tidak datang kerana terserempak dengan Pulau Pinang kerana lokasinya yang strategik. Mereka datang kerana ada usaha-usaha yang dilakukan untuk memperkenalkan Pulau Pinang sebagai tempat pelabur yang sesuai, yang baik. Mereka datang kerana ada usaha untuk menyakinkan mereka mengenai faedah untuk melabur di negeri ini. Yang penting sekali mereka datang kerana mereka yakin dengan pentadbiran negeri Barisan Nasional yang dipimpin oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita.

Dato' Speaker, usaha-usaha penarikan pelaburan ini tidak dapat dilakukan hanya menggunakan telefon, mahupun risalah-risalah sahaja. Usaha-usaha ini perlulah dilakukan dengan pelbagai cara termasuk seminar, termasuk dialog, hubungan diplomatik dan sebagainya. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri terpaksa membuat lawatan-lawatan pelaburan ke luar negeri dengan pegawai-pegawai tertentu. Lawatan-lawatan ke luar negeri bagi tujuan pelaburan ini banyak membawa hasil ke negeri kita yang kecil ini. Dalam satu lapuran khas yang diterbitkan dalam Majallah *Asiaweek* pada 27hb. November tahun ini, empat muka surat, Dato' Speaker, telah dimuatkan dengan artikel mengenai pelaburan-pelaburan asing di negeri ini. Tulisan ini tidak dibuat kerana sesuka hati penerbit majallah itu. Ia dibuat adalah kejayaan yang sebenarnya yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan pelaburan asing ke negeri ini. Kejayaan menarik pelaburan bergantung banyak kepada lawatan ke negeri yang dilakukan selama ini. Dato' Speaker saya menyokong dengan penuhnya usaha-usaha penarikan pelaburan ini di luar negeri, tetapi malangnya ada orang yang hidup seperti katak di bawah tempurong. Dia mempertikaikan lawatan ini dan membuat tuduhan yang membayangkan kecekan pemikirannya. Sesungguhnya perbelanjaan sebanyak \$700,000 dalam masa dua tahun adalah satu angka yang secara *relativenya* kecil berbanding dengan jumlah pelaburan-pelaburan yang diterima dan jumlah pekerjaan-pekerjaan yang diwujudkan untuk faedah-faedah rakyat negeri kita. Tiada benda di dunia ini, Dato' Speaker, diadakan secara percuma. Kita terpaksa melaburkan sesuatu untuk memperolehi sesuatu kejayaan.

Dato' Speaker, kalau kita ada perempuan gadis, anak gadis kita, kalau kita hendak kawinkan anak kita pun kitalah mesti bersolek sedikit, muka kasi cantik sedikit, pakaian kasi cantik sedikit, bergaya sedikit barulah kita boleh kawinkan anak gadis kita. Itulah, kalau kita hendak curi ayam pun kita mesti ada sedikit beras baru boleh curi ayam itu (ketawa). Betul tidak? Baru belajar, betul. Dato' Speaker, kejayaan kita dalam bidang perindustrian adalah jelas. Kita mempunyai syarikat multi-nasional yang menubuhkan operasi utama mereka di negeri kita. Syarikat-syarikat seperti Intel, Hewlett Packard, Motorola, Seagate yang berasal daripada Amerika Syarikat

dan syarikat-syarikat seperti Sony, Hitachi, Sanyo daripada Negara Jepun. Syarikat seperti Inventec dan Aesel daripada Taiwan adalah antara syarikat-syarikat multinasional yang menubuhkan operasi utama mereka di negeri kita. Jumlah wang yang dibelanjakan iaitu \$700,000 untuk lawatan ke luar negeri selama dua tahun atau lebih kurang \$350,000 satu tahun membawa jumlah pelaburan sebanyak \$2,114 juta dalam tahun 1990 dan juga \$2,619 juta dalam tahun 1991. Daripada jumlah pelaburan tersebut 129,654 guna tenaga digunakan dalam 503 kilang yang beroperasi dalam tahun 1990 dan sejumlah 140,258 guna tenaga digunakan dalam 589 kilang yang beroperasi dalam tahun 1991.

Dato' Speaker, ini sudah jelas menunjukkan bagaimana lawatan ke luar negeri oleh Kerajaan Negeri telah mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat ini dan seterusnya memajukan negeri ini ketahap yang lebih tinggi. Dato' Speaker, kita dapat satu Majallah lagi *Forbes* di sini telah manamakan Pulau Pinang sebagai *Silicon Valley of the East, Silicon Valley of the East*. Nama seperti ini tidak diadakan semata-mata kerana lokasi strategik tetapi usaha-usaha yang telah sebenar-benar berhasil daripada lawatan-lawatan luar negeri oleh Kerajaan Negeri, seperti jugalah Ahli Padang Kota yang perlu membuat lawatan ke Kelantan untuk memerhatikan pelaksanaan hukum hudud kerana beliau percaya lawatan itu dapat menghasilkan sesuatu. Ia bukan tidak boleh menelefon Tengku Razaleigh kerana hubungan mereka adalah begitu rapat dan '46 adalah rakan Kerajaan Pas di Kelantan, tetapi kerana beliau percaya lawatan adalah penting sehingga perlu lawatan kedua. Prinsip itu kekal dan sama juga untuk Kerajaan Negeri untuk ke luar negeri bagi menarik pelabur-pelabur.

Dato' Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Paya Terubong pada ucapan beliau semalam cuba memutar belitkan pemikiran rakyat dengan membesar-besarkan isu ini dengan angka \$700,000 yang dibelanjakan untuk trip-trip ke luar negeri oleh Yang Amat Berhormat, oleh Ahli-ahli EXCO, oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai, oleh PDC, oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan sebagainya. Beliau langsung tidak membuat *homework* sebelum membuat sebarang kenyataan yang boleh melambangkan kecetekan pemikirannya dan menjadikan dirinya seperti katak di bawah tempurong bila beliau sendiri mengaku tidak tahu di mana *Shenzhen* itu. Saya pun rasa malu sedikit. Ahli Yang Berhormat dari Dewan ini tidak tahu mana *Shenzhen* itu. Kalau tidak tahu bertanyalah, jangan berlagak sombong. Jangan menyempitkan pemikiran sendiri, Bersikap lebih terbuka dan bersedia untuk mempelajari yang baru kerana pengetahuan itu tidak mengenal umur. Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa lawatan-lawatan ke luar negeri selama ini tidaklah membazir. Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B Ketua Menteri sentiasa memastikan setiap sen yang digunakan untuk lawatan luar negeri ini mendatangkan hasil berkali ganda untuk faedah rakyat negeri ini. Saya ingin menyuarakan sokongan kepada Kerajaan Negeri

atas sebarang keputusan untuk ke luar negeri bagi tujuan menarik pelaburan demi kepentingan rakyat negeri ini, Dato' Speaker. Jika Kerajaan Negeri memikirkan perlu mereka patutlah laksanakannya supaya kita, tetap di depan kemajuan teknologi industri. Dakwaan-dakwaan yang tidak berasas oleh Ahli Yang Berhormat dari Paya Terubong membuktikan satu perkara yang jelas, iaitu pihak pembangkang telah kehabisan dari segi isu. Mereka sedang dalam proses mencari isu dan membesar-besarkan isu dengan tujuan untuk mendapat publisiti politik sahaja. Beliau bukan sahaja mahu melihat negeri ini mundur di bawah pimpinan Barisan Nasional malah mahu rakyat susah dengan keinginannya melarang lawatan seperti ini ke luar negeri. Ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan berniat jahat tetapi mujurlah Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, yang bertekad untuk memajukan negeri ini demi kepentingan rakyat semua.

Dato' Speaker, daripada lawatan-lawatan serta penukaran ke negeri ke luar negeri yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri mahupun tempatan atau pun peringkat negeri, sektor pelancongan turut mengalami peningkatan. Lebih kurang 2 juta pelancong yang mana 80% adalah pelancong asing dijangka melawat negeri ini pada tahun ini. Bilangan pelancong yang bertambah setiap tahun sebenarnya telah membawa banyak faedah khasnya kepada mereka yang terlibat dalam industri pelancongan dan industri-industri sokongan pelancongan. Dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk pelbagaikan aktiviti pelancongan seperti Pesta Bunga, *City on Parade* dan sebagainya sektor pelancongan akan terus menjadi Pulau Pinang satu destinasi pelancongan utama pelancongan di rantau ini. Kerajaan pada masa ini juga sedang berusaha untuk memperkenalkan tempat-tempat tarikan baru dengan mengadakan peruntukan bagi tujuan pemeliharaan warisan. Usaha seperti ini amatlah dialu-alukan. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Batu Uban untuk usaha-usaha ini. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dalam memastikan makanan yang bersih patutlah dipuji kerana ia akan membawa imej yang baik untuk pelancongan kita. Usaha-usaha pengindahan dan kebersihan haruslah lagi dipertingkatkan khasnya di kawasan pantai supaya daya tarikan pantai ini lagi terus dikekalkan.

Dato' Speaker, memandangkan hakikat bahawa pelancongan merupakan salah satu punca pendapatan utama bagi negeri kita, saya berpendapat tambahan \$300,000 untuk pelancongan tidaklah begitu cukup. Sungguhpun begitu saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Batu Uban akan dapat menggunakan peruntukan kecil ini bagi mencapai tahap yang optima dalam sektor pelancongan. Saya juga ingin mencadangkan kepada Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini supaya memberi pertimbangan untuk menubuhkan satu Lembaga Pelancongan bagi negeri kita untuk menyelaraskan, untuk merancang, untuk menggalak dan untuk menstrategikkan

program-program pelancongan di negeri kita. Ini adalah amat penting memandangkan sektor ini akan berkembang dengan lebih pesat lagi menjelang Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1994.

Dato' Speaker, saya turut merasa lega dengan usaha gigih yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengadakan aktiviti-aktiviti belia dengan peruntukan sejumlah \$110,000 untuk tujuan ini. Pada pandangan saya inilah tidak cukup. Kalau boleh tambah lebih sikit. Mungkin \$200,000 lebih kurang begitu. Ini adalah penting, Dato' Speaker, untuk Kerajaan Negeri mengamalkan pendirian yang lebih *offensive* dalam memerangi penyalahgunaan dadah serta penyakit-penyakit yang boleh diakibatkan oleh kegiatan ini iaitu penyakit AIDS yang amat-amatlah merbahaya yang akan mengancamkan orang-orang belia di negeri kita.

Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan lagi sekali syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B Ketua Menteri serta barisan Exconya yang begitu dinamik, berdedikasi, cekap dan jujur dalam mengurus serta mentadbirkan negeri kita ini. Mereka telah memastikan kepentingan rakyat diutamakan dalam semua aspek perancangan. Kerajaan Negeri telah menggubalkan satu pelan strategik yang penting untuk rakyat negeri ini. Kita memerlukan sokongan rakyat yang berterusan bagi memastikan kita mencapai matlamat kita ini. Kritikan-kritikan haruslah lebih bersifat positif dan bertujuan memperbetulkan kelemahan dan bukan sahaja untuk mencari publisiti sahaja dan untuk kritik sahaja.

Dato' Speaker, saya berasa sangat gembira kerana pihak pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Berapit semalam mengakui bahawa Pulau Pinang sekarang dikenali sedunia sebagai satu pusat pelancongan dan perindustrian begitu maju dan sedang berkembang sebagai satu pusat perdagangan dan perkhidmatan di rantau ini. Ini memang benar. Inilah hasil usaha rakyat Pulau Pinang dalam bidang-bidang ini dan hasil usaha Kerajaan Negeri Barisan Nasional merancang dan melaksanakan program-program pembangunan dan promosi selama ini. Akan tetapi beliau menuduh bahawa Belanjawan ini yang kecil sekali dan memalukan. Saya berasa ini bukan sesuatu yang memalukan tetapi sangatlah membanggakan kerana dengan Belanjawan yang kecil Kerajaan Negeri Barisan Nasional dapat memajukan negeri ini ke tahap yang begitu tinggi. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional cekap dan amanah danjugajujur

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, kita berbincang tentang perkembangan Pulau Pinang ke abad ke 21 serta Wawasan 2020. Maka kita mestilah

bertukar struktur politik negara kita untuk mencapai tujuan kita lalu. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perdebatan kali ini. Isu utamanya saya bangkitkan di sini ialah mengenai pembangunan politik. Apa yang penting yang ingin saya tekankan di sini ialah penglibatan orang ramai dalam bidang politik. Orang ramai patut digalakkan menceburi bidang politik terutamanya pembangkang untuk berjuang mengawasi dan mengadili segala tindakan Kerajaan supaya bersikap adil yang mana ini merupakan satu perkembangan yang sihat. Di dunia ini di negara-negara yang mengamalkan demokrasi didapati ekonomi berkembang dengan pesat dan rakyat mempunyai hak yang boleh, yang lebih untuk bersuara manakala segala maklumat dan perkembangan boleh didapati dengan senang tanpa perlu risau tentang ISA dan OSA. Jika mereka rasa apa yang mereka perkatakan itu benar dan adil, mereka boleh bersuara tanpa was-was terhadap ISA dan OSA sebab peraturan ini tidak di negara tersebut serta akhbar adalah benar-benar bebas. Orang ramai juga boleh majukan rasa tidak puas hati mereka. Dengan ini mereka akan menceburi tanpa takut dan sangsi. Rakyat juga akan mengikuti perkembangan politik semasa dengan membaca, membincang dan bersuara. Di Malaysia walaupun surat khabar ada bebas tetapi tidak ada bebas sepenuhnya kerana segala kenyataan yang dimuatkan adalah pro Barisan Nasional. Bukan hanya surat khabar, malah televisyen dan radio juga semua dikontrol oleh Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Dato' Hj. Mohd. Zain b. Hj. Omar):

Penjelasan, jadi surat khabar semua ini dia tidak muat...

Tuan Speaker

Yang Berhormat.....bagi peluang?

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Boleh.

Tuan Speaker

Duduk, tolong duduk

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Dato' Hj. Mohd. Zain b. Hj. Omar):

Itu yang saya tanya.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Ya. Apa salah? Dia mahu pro Barisan Nasional sebab ISA, OSA....

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Semua surat khabar.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Jika keadaan ini berterusan bagaimana rakyat akan menikmati politik dan bagaimana pula pemuda dan pemudi yang kini boleh berminat baca berita-berita ringan seperti hiburan dan rancangan akan berminat terhadap politik? Rakyat mula tidak percaya akhbar dan televisyen tetapi lebih mempercayai khabar-khabar angin. Malah Y.A.B Ketua Menteri sendiri pun percaya khabar-khabar angin seperti yang dinyatakan dua hari yang lalu tentang ada pemaju perumahan menanam batang pokok kelapa di Chai Leng Park yang menyebabkan banjir dan membuat kenyataan akhbar selepas satu tahun tanpa menyiasat. Ini sudah menjadi satu bahan ketawa di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, penglibatan rakyat dalam bidang politik amat perlu untuk kita melatih pemimpin-pemimpin politik yang berpotensi di masa akan datang. Lebih ramai yang meminati politik maka lebih ramai ahli politik yang benar-benar berjuang untuk rakyat dapat dilihat. Seperti yang telah kita ketahui, UMNO sedang berkuasa ketika ini dan perjalanan politik UMNO tidak menguntungkan rakyat Malaysia dan golongan Melayu pada amnya. Sejak beberapa kali pecahan sempadan dilakukan cuma politik UMNO yang menjadi lebih kukuh. Kini UMNO menuntut yang mereka mempunyai lebih dua juta ahli dan saya percaya lebih ramai yang ingin menganggotai UMNO. Ramai yang menjadi ahli UMNO bukan kerana mereka minat kepada politik tetapi kerana.....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat teruskan dengan ucapan bekalan dan.....

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Hj. Adnan b. Hj. Ramli):

Bolehkah hendak baca?

Tuan Speaker:

.....dan jangan sentuh politik kepartian itu. Soal di luar, teruskan.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, saya semua ini *hundred percent* politik. Jikalau seorang ahli politik datang ke sini tidak boleh bercakap politik.....(gangguan)

Tuan Speaker:

Politik kepartian. Ini bukan tempat berpolitik.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, nampak pagi tadi ketua pembangkang boleh bercakap di sini.

Tuan Speaker:

Ya, cara dia mengolah tu lain. Dia mengolah buku tu, kemudian dia kaitkan dengan perkembangan. Itu lain.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tetapi Tuan Speaker, dengan saya ada hentam. pun ada puji

Tuan Speaker:

Bukan masalah hentam, masalah dasar dan prinsip.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, rakyat mahu saya ucap di sini.

Tuan Speaker:

No, bukan apa yang rakyat mahu kita kena ikut semua. Dia suruh masuk longkang kita masuk longkangkah? Teruskan dengan cara yang betul.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, ada sangkut pa'ut, pembangunan politik di Malaysia. Jikalau hari itu Tuan Speaker bercakap saya botak sebab simpati, bersimpati, Tuan Speaker, hari ini, Tuan Speaker, botak memang mahu membela botak.

Tuan Speaker:

Nampak bila botak sudah salah, saya tidak boleh bela. Botak Chin masukjail tahukah? Teruskan dengan ucapan yang lebih betul.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, ramai yang menjadi UMNO bukan kerana mereka minat....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

....kepada politik.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Pendek sahaja. Oleh kerana UMNO berkuasa dan ada kuasa kerana mereka percaya yang mereka telah sampai ke peringkat mesin mencetak wang. Ini disebabkan mereka mengharapkan lesen, permit, kontrak dan perkhidmatan yang boleh menjadi punca kewangan jika menganggotai UMNO, jika keadaan begitu wujud

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, jangan ulang lagi benda itu. Saya sudah beritahu.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Habislah-habislah, Tuan Speaker. Bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Musa Hitam telah membangkitkan perkara ini dan menyatakan yang ini bukan satu perkembangan yang sihat dalam bidang politik. Jika seseorang itu ingin menjadi pemimpin UMNO maka mereka mestilah mempunyai wang sebab tanpa wang seseorang itu tidak boleh melayan ahli-ahli mereka. Bukan itu sahaja. Tanpa wang seseorang itu pasti tewas walaupun pandangan serta ideologinya adalah yang terbaik. Baru-baru ini dalam Perhimpunan Agung UMNO.....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, ini tidak kena mengena dengan Dewan.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, sikit sahaja, pendek sahaja.

Tuan Speaker:

Saya sudah beritahu.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Perdana Menteri sendiri mengkritik, P.M. sendiri mengkritik.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat,

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

P.M. sendiri mengkritik politik wang dan tongkat politik.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, saya tidak kira siapa pun. Bila tidak kena saya kata tidak kenalah. Benda itu di luar Dewan. Cakap benda lain. Tolong

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, semua *hundred percent* saya *prepare teks*, semua politik Tuan Speaker. Jikalau tidak boleh ucap.....

Tuan Speaker:

Politik boleh, tetapi jangan mempolitikkan parti-parti politik di sini. Itu lain.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Jika tidak boleh cakap UMNO, bolehlah....

Tuan Speaker:

Bukan UMNO, mana-mana pun tidak boleh. Jadi macam dengan.....

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Parti-parti gulungan yang terbesar, boleh? UMNO, panjanglah, Tuan Speaker, UMNO senanglah Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, tidak betul. Bila tidak betul saya tidak boleh benarkan benda tu.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Sebab perkara ini bukan saya cakap, P.M. pun ada cakap.

Tuan Speaker:

Betul, walau pun siapa cakap, tidak sesuai di sini tidak boleh.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Parti tertentu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Boleh, tapi di sini lainlah.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, sebab kita hendak perubahan struktur politik. Struktur politik kita mestilah bertukar. Biarkan pembangkang diberi hak bersuara.....

Tuan Speaker:

Itu boleh, teruskan, tidak apa.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

....dan biarkan telekomunikasi seperti akhbar dan media massa diberi kebebasan sepenuhnya. Biarkan keputusan di tangan rakyat. Boleh? Polisi-polisi seperti Dasar Pandang Ke Timur yang mana Jepun, Taiwan dan Korea sebagai contoh untuk dijejaki adalah saya sokong kerana kemajuan yang dicapai oleh negara-negara tersebut. Negara-negara ini maju kerana mereka mengamalkan sistem demokrasi. Sekurang-kurang mereka ada pilihanraya Kerajaan Tempatan sejak 1980 lagi. Pilihanraya Kerajaan Tempatan amatlah perlu untuk melatih bakal-bakal ahli politik untuk menjadi bakal pemimpin, untuk menggantikan mereka yang telah lanjut usia. Latihan politik boleh diberikan melalui pilihanraya Kerajaan Tempatan dan biar rakyat tahu dan menentu masa depan politik mereka.

Saya tidak puas hati dengan pemilihan Ahli Majlis Perbandaran kini kerana mereka adalah yang dilantik dan bukannya seperti tahun enam puluhan yang mana mereka ada dipilih oleh rakyat yang bijaksana. Ini menunjukkan kita masih ketinggalan sebab yang kita ada pada tahun enam puluhan telah dihapuskan manakala negara-negara Korea serta Taiwan telah maju sebab apa yang mereka tidak ada dapat

tahun enam puluhan sudah ada kini. Ini menunjukkan Ahli Majlis Perbandaran menjadi pak turut dan pak sanggup kerana mereka adalah dilantik dan mereka terpaksa patuh kepada pemimpin mereka dan bukannya berjuang untuk kepentingan rakyat malah berjuang untuk membodek ketua-ketua mereka supaya mereka akan dilantik semula. Mereka yang menjadi pak turut tetapi Y.A.B Ketua Menteri menuduh pihak pembangkang menjadi pak turut yang mana sebenarnya Ahli Majlis Perbandaran serta Y.A.B Ketua Menteri sendiri yang menjadi pak turut serta pak sanggup kepada UMNO. Bukan keadaan begini, bagaimana Pulau Pinang boleh dimajukan oleh Y.A.B Ketua Menteri Belanjawan yang dibentangkan bukannya belanjawan *current* tetapi cuma angka-angka yang diubah suai serta belanjawan membayar gaji sahaja. Bukan hanya ini sahaja, Tuan Speaker. Contohnya jika kita tanya rakyat siapakah Ahli Majlis Perbandaran kawasan mereka, mereka tidak tahu sebab mereka tidak dipilih oleh rakyat. Kita tanyalah kepada Ketua-ketua Jabatan siapakah Ahli Majlis Perbandaran mereka pun tidak tahu juga disebabkan *Full Council Meeting* mereka hanya diadakan antara 4 minit ke 10 minit sahaja. Apakah yang boleh diharap oleh rakyat? Pasti tidak ada tetapi Y.A.B Ketua Menteri memuji mereka kerana mereka patuh kepadanya. Adakah ini satu perkembangan yang sihat?

Tuan Speaker, bila kemajuan ekonomi dibincangkan semua ahli politik mestilah duduk bersama berbincang tanpa mengira parti. Setiap kali ada sahaja tuduhan yang menyatakan kerana ada pembangkang negara kacau bilau. Adakah kenyataan ini benar? Jika benar lebih baiklah bentangkan di Parlimen sebab Barisan Nasional ada majoriti *two third* supaya menuduh DAP seperti dimana Pilihanraya Kerajaan Tempatan dihapuskan. Lagi senang. Cuma ada satu parti yang monopoli iaitu Barisan Nasional. Rakyat-rakyat tiada pilihan dan mereka akan menganggotai Barisan Nasional jika parti-parti pembangkang diharamkan. Manakala di dalam Barisan sendiri mahu tidak mahu mesti menjadi ahli walaupun tidak puas hati sebab tidak ada pilihan lagi. Ahli muda tidak akan keluar parti yang mana akan menyebabkan Barisan sentiasa kuat dan selama dalam sistem satu parti. Saya menyatakan ini kerana ramai golongan terpelajar pun takut menjadi ahli UMNO sebab mereka takut.....

Tuan' Speaker:

Ahli Yang Berhormat, tadi kata semua orang hendakjadi ahli UMNO.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Ada sikit.

Tuan Speaker:

Ertinya, sebab itu saya kata tidak usah cakap benda itu. Ulang benda lainlah.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Dato' Speaker, sebab perkataan mereka mementingkan diri sendiri oleh Ahli UMNO yang diperakui oleh Perdana Menteri sendiri. Tuan Speaker, Ting Chew Peh juga mengakui yang gulungan terpelajar kurang berminat dengan MCA. Jika mereka masuk MCA pun mereka tidak akan berjuang tetapi menjadi ahli sahaja.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat teruskan dengan ucapan *budget*. Jangan sentuh hal-hal yang tidak kena mengena.....

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, ini semua ada sangkut pautlah. Tuan Speaker, masyarakat India juga menghadapi masalah yang sama ada dengan MIC.....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Kata mereka biarkan Samy Vellu....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, ubah tajuk lainlah.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Sikit sahaja.

Tuan Speaker:

Langsung tidak betul, ubah tajuk lain.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, dalam arena politik Malaysia setiap orang termasuk rakyat negara asing yang berurus niaga dengan Malaysia

sedang memerhatikan parti tertentu. Mereka mengikuti perkembangan perhimpunan Agung UMNO yang disiarkan secara langsung di....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, ini *truelah*, ini *fiactlah*.

Tuan Speaker:

Bukan masalah *fiact*. Ada benda yang sesuai dan tidak sesuai.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, macam ini susah *debatelah*, Tuan Speaker (ketawa). Jikalau kita hendak ubah struktur politik kita mahu apa yang benar.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Jikalau politik....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

....struktur di Malaysia tidak diubah, macam mana kita cakap pembangunan, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Sayafaham.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Ini semua....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, bila saya cakap, duduk. Janganlah



berdegil-degil. Cakap dengan betul. Saya sudah beri peluang. Ini bukan tempat hendak berkempen, hendak propaganda kepartian, itu bukan tempat. Cakap mengenai dasar Kerajaan boleh, hendak hentam pun boleh, tetapi bagi betul cara.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, sebab kita hendak Wawasan 2020, abad 21 ini, memang kita mahu ubah, memang mahu kita tukar struktur politik Malaysia.

Tuan Speaker:

Tukar tidak apa, boleh.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Jikalau tidak boleh bincang....teks saya semua pun ada UMNO, Tuan Speaker ... (ketawa).

Tuan Speaker:

Tidak boleh, tidak betullah.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Ada hentam, ada puji...(gangguan) Tuan Speaker...(gangguan).

Tuan Speaker:

Tidak payah.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

UMNO semua potong, apa guna tukar struktur politik Malaysia, Tuan Speaker?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, memang betul yang kata kebanyakan ahli UMNO potong... (ketawa). Sekarang Sabah ada yang tidak potong.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Phee Boon Poh):

Dato' Speaker, di Sabah ada yang tidak potong.

Tuan Speaker:

Tidak potong, tidak potong, tidak apa. Gerakan pun ada potong, setengah ... (ketawa).

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Teruskan dengan.....

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Ini yang benarlah, Tuan Speaker. Pendek sahaja Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat ... (gangguan). Dia belum cuba ... (ketawa). Ahli Yang Berhormat, *okaylah*, yang kita bergurau itu berguraulah. Teruskan dengan itu lebih betullah. Susah cakap macam itu.

Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon):

Tuan Speaker, jikalau tidak boleh cakap apa yang saya hendak bincang di sini, sekianlah.

Tuan Speaker:

Kalau tidak ada, Ya.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit):

Dato' Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan 1993 yang dibentangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada hari Isnin yang lepas.

Dato' Speaker, Belanjawan tahun 1993 pun pada keseluruhannya adalah lebih kurang sama seperti Belanjawan tahun lepas. Perubahan yang ketara hanya *defisitnya* kini telah meningkat kepada \$16 juta.

Dato' Speaker, seperti kebiasaannya tunggakan cukai tanah semakin meningkat dari tahun demi tahun dan telah mencapai satu keadaan yang serius. Y.A.B Ketua Menteri dalam ucapannya di Dewan yang mulia ini telah menyatakan yang langkah-langkah telah diambil untuk mendapatkan kembali tunggakan-tunggakan ini. Tetapi apa

yang menghairankan ialah tunggakan ini tidak dikurangkan langsung. Kita mahukan Kerajaan Negeri mendapatkan satu tindak balas yang positif dan bukan hanya janji-janji sahaja. Saya harap dalam Belanjawan akan datang angka-angka ini dapat dikurangkan.

Dato' Speaker, seperti yang diketahui umum, Pulau Pinang merupakan satu negeri yang kecil dengan sumber-sumber tanah dan sumber-sumber semulajadinya adalah terhad. Tetapi ini tidak bermakna Pulau Pinang tidak boleh maju seperti negeri-negeri lain. Untuk menjadi Negeri Pulau Pinang yang maju kita perlukan pengorbanan dan kerajinan oleh Kerajaan Negeri dan juga rakyat negeri ini selain daripada kepimpinan bersih, cekap dan amanah. Satu contoh yang paling baik ialah Singapura di mana mereka semakin maju tanpa sumber-sumber semulajadi.

Dato' Speaker, satu cara untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri ialah dengan memajukan industri pelancungan. Tetapi yang mengecewakan saya ialah dari tahun ke setahun, dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Y.A.B Ketua Menteri ada dinyatakan kepentingan industri ini, manakala sehingga ke hari ini tiada perancangan yang teliti untuk memajukan tempat pelancongan hijau seperti yang dibentangkan dalam buku Pulau Pinang ke abad 21.

Dato' Speaker, saya telah berkali-kali mengingatkan di Dewan yang mulia ini yang tempat-tempat untuk pelancongan perlu diperbaiki lagi. Contohnya siapa yang akan ke Bukit Bendera hanya untuk melihat beberapa batang pokok selepas berjam-jam berpanaskan cahaya matahari mendakinya. Saya juga telah membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk mengadakan satu sistem kereta kabel supaya lebih ramai pelancong dapat dibawa dengan perkhidmatan yang pantas. Tetapi setakat ini ia tiada diamalkan lagi.

Dato' Speaker, satu lagi tempat pelancongan yang perlu diberi perhatian ialah Tokong Ular. Tokong Ular yang pernah menarik ramai pelancong tetapi kini tiada nampak kewujudannya. Kita berasa malu kerana kini terdapat hanya beberapa ekor ular sahaja ... (ketawa). Tikus pun ada. Kenapa tidak Kerajaan Negeri mengambil langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki tempat ini?

Dato' Speaker, tentang Taman Buaya yang pernah saya utarakan di sini juga boleh menjadi satu lagi daya penarikan pelancongan. Apakah yang telah terjadi sekarang?

Dato' Speaker, disebabkan kini Kerajaan Negeri menekankan satu keadaan alam sekitar yang bersih untuk menarik lebih ramai pelancong maka saya harap Kerajaan Negeri merancangkan satu pelan strategik untuk melangkah ke hadapan walaupun dalam jawapan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Batu Uban ada nyatakan langkah-langkah sedang diambil.

Dato' Speaker, peruntukan \$1.2 juta untuk memajukan pelancongan di Negeri Pulau Pinang hanya mencukupi dan kita perlu mendapatkan lebih banyak peruntukan daripada Kerajaan Pusat.... Tahun Melawat Malaysia 1994 menjelang tiba.

Dato' Speaker, untuk jawapan bertulis saya, Y.A.B Ketua Menteri ada menyatakan tentang penubuhan pelabuhan bebas cukai untuk Pulau Langkawi tidak memberi apa-apa kesan kepada industri pelancongan di Pulau Pinang. Tetapi sebenarnya ia telah menjadikan Pulau Pinang sebagai tempat pelancongan-pelancong berjumpa. Pada pendapat saya Dato' Speaker, kenyataan ini tidaklah benar. Sebenarnya pelancong yang melawat Pulau Pinang untuk beberapa hari kini hanya berhenti sebentar dan bertolak ke Pulau Langkawi.

Dato' Speaker, selepas mengambilalih balik Pulau Jerejak daripada Kerajaan Pusat, adakah Kerajaan Negeri membuat apa-apa perancangan untuk memajukan pulau ini kepada satu pusat pelancongan yang menarik? Jika ya, rakyat Pulau Pinang juga ingin tahu butir-butir tentang rancangan ini dan bagaimana ia akan diamalkan.

Dato' Speaker, saya tidak ingin menyentuh setiap kawasan pelancongan secara terperinci. Tetapi saya harap Kerajaan Negeri akan memberi perhatian terhadap cadangan saya ini yang pernah saya suarakan di Dewan yang mulia ini dalam persidangan yang lepas iaitu mewujudkan perkampungan kebudayaan *underwater aquarium* dan sebagainya.

Dato' Speaker, satu lagi kemudahan yang boleh menyebabkan ahli-ahli dari negara-negara lain melawat ialah pembinaan stadium dalaman seberapa cekap, cepat yang boleh. Dato' Speaker, Stadium Mini Perak diperkatakan sejak 20 tahun dan saya juga difahamkan yang MPPP sudah membuat pengumuman untuk memulakan pembinaan stadium ini di Sungai Ara. Tetapi apa yang saya tidak tahu ialah sama ada sudah dimulakan atau tidak. Sebagai MPPP telah beberapa kali mengumumkan dan juga satu batu asas telah ditamatkan dan setakat ini kita tidak boleh nampak apa-apa pun. Andaikan jika stadium ini disiapkan kelak. Kita juga boleh mengadakan sukan-sukan antarabangsa dan persidangan-persidangan seperti Persidangan *Orient South East Asia*, *Lions* juga boleh diadakan di sini. Antara 5,000 hingga 6,000 ahli dari Asia Tenggara akan menghadiri persidangan ini. Secara langsung Negeri Pulau Pinang boleh meningkatkan pendapatannya melalui persidangan dan secara tidak langsung mereka akan meningkatkan dan memasyhurkan Negeri Pulau Pinang kepada keluarga dan rakan-rakan mereka bila mereka balik nanti.

Dato' Speaker, dalam pada majukan industri pelancongan, Kerajaan Negeri patut mempunyai satu sistem trafik yang lengkap dan

berfungsi dengan cekap. Ini adalah untuk mengelakkan pelancung-pelancung daripada kesesakan lalulintas yang berjam-jam. Masalah kesesakan telah mencapai satu keadaan yang serius dan inilah masanya untuk Kerajaan Negeri memikirkan serta merancang dengan teliti tentang masalah ini. Jika tidak, dalam tempoh lima tahun lagi ataupun sebelum itu, keadaannya menjadi lebih tenat lagi. Walaupun selepas mengatur semula lampu-lampu isyarat dan papan tanda-papan tanda jalan di sepanjang Jalan Jelutong maka ada sedikit kemajuan tetapi tidaklah pada tahap yang lebih memuaskan.

Dato' Speaker, anggota polis trafik mestilah memáinkan peranan yang lebih besar lagi untuk menyelesaikan masalah kesesakan di Pulau Pinang. Tetapi saya begitu kecewa kerana daripada menyelesaikan masalah kesesakan, mereka lebih minat untuk mengeluarkan saman kepada pemandu-pemandu. Contohnya sistem trafik baru yang diamalkan sekarang di sepanjang Jalan Jelutong dan Jalan Perak dari malam Sabtu iaitu 5 haribulan Disember hingga pagi pada 6 haribulan Disember, saman juga telah dikeluarkan kepada pemandu yang meletakkan kereta mereka di sepanjang Jalan Perak. Pada pagi 6 haribulan Disember ketika saya melawat kawasan saya, saya menerima aduan daripada pemandu yang mengatakan mereka menerima saman dan tiada amaran tidak boleh meletakkan kereta pada tempat mereka letak kereta. Saya harap pihak polis trafik akan memberi masa dan membantu orang ramai dan bukan hanya menyaman mereka sahaja.

Dato' Speaker, sebagai mengakhiri perbahasan saya demi untuk memajukan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang maka lebih banyak masa dan pertolongan mestilah diberikan oleh Kerajaan Negeri. Sudah tentu termasuk rakyat Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian di bahas di hadapan Dewan ini.

Tuan Speaker, Kerajaan ada datang Dewan ini meminta Dewan yang mulia ini luluskan Belanjawan tahun 1993 dan dalam Belanjawan ini *emolumen-emolumen*, gaji-gaji bukan sahaja kakitangan Kerajaan tetapi meluluskan gaji-gaji Ketua Menteri dan ahli-ahli EXCO. Mereka tidak boleh sendiri beri gaji, ambil gaji, mesti datang kepada Dewan ini sebab ahli-ahli Dewan inilah mewakili rakyat Pulau Pinang Negeri Pulau Pinang dan inilah *supreme body*, *supreme political body*, *legislative body* di dalam negeri ini dan sebab itu haruslah, eloklah jika Ketua Menteri dengan rakan-rakan beliau di EXCO yang duduk di hadapan di sebelah situ, hormati Dewan ini, hormati wakil rakyat sebelah sini dan belakang situ dan lebih mesti mahu hormat kerusi Tuan Speaker dan Tuan Speaker.

Tetapi apa kita nampak ialah tidak hormat kita di pihak sini dengan *backbenchers* di situ dan Tuan Speaker. Sebab apa saya kata begini, Tuan Speaker? Saya ada bangunkan satu soalan jawab mulut pada Isnin tetapi ahli yang berkenaan tidak jawab ikut soalan saya dan Tuan Speaker ada buat arahan ahli yang tanggungjawab panggil mereka beri anggaran-anggaran yang saya ada tanya. Angka-angka yang saya tanya dan saya mahu kata, Tuan Speaker, hari ini, tadi, ada beri saya angka-angka itu dan saya fikir mahu puji beliau bila saya dapat angka-angka yang diberi. Tetapi bila saya tengok, baca angka-angka itu saya terkejut. Jika mahu kritik angka-angka yang diberi pada Isnin, sekarang saya mahu marah. Sebab apa Tuan Speaker? Hari Isnin Ahli EXCO yang berkenaan beri angka begini:

Nilai penghasilan setiap sektor ekonomi berikut di negeri ini - pertanian, ternakan, perhutanan, perikanan dia campur semua dia beri *total* pada tahun 1970, \$264 juta; tahun 1980, \$223 juta dan tahun 1990, \$189 juta. Empat-empat subsektor ini dia beri anggaran begini dan anggaran ini, angka-angka ini sama dengan buku ini, *Penang masuk abad 21*. Di situ juga *agriculture, livestock, forestry and fishing 1970 production price, GDP price, \$264 million, 1980; \$223 million, 1990, \$189 million*, sama. Tetapi apa saya terima hari ini, tadi, semua tidak sama. Pada tahun 1970, pertanian, ternakan, perikanan, perhutanan \$173.8 juta, dekat 100 juta sudah hilang, *from 264 jadi 173*. Tahun 1980 angka yang diberi dulu ialah 223 tetapi hari ini 333.5 juta. Pada tahun 1990 hari Isnin dan di buku Kerajaan, yang *master plan* ini, \$189 juta. Tetapi di sini angka yang diberi ialah 462.7 juta. Saya cukup hairan, Tuan Speaker. Saya tidak boleh ikut lagi. *I'm confused*. Bagaimana *Monday* beri jawapan, angka semua diberi, tetapi hari ini lain angka semua tidak sama. Jika *5 percent, 2 percent, 3 percent* angka *difference*, saya boleh terima. Tetapi ini \$264 *million* dengan \$173 *million*; \$223 *million* dengan \$333 *million*; \$189 *million* sini \$462 *million*, angka mana yang betul. Kerajaan sendiri tahu tidak?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Hamid):

Penjelasan Dato' Speaker. Saya ingin menjelaskan jawapan lisan yang telah saya berikan untuk soalan 37(b) pada hari Isnin, semua angka-angka yang diberi itu adalah nilai penghasilan bagi sektor ekonomi pertanian berdasarkan KDNK dan berpandukan kepada harga pada tahun 1978, *standardize*, dengan izin. Tetapi disebabkan ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin hendak tahu tentang pecahannya mengikut sektor jadi sebab itulah pada hari ini secara bertulis itu saya beri angka-angka ... (gangguan). Itu adalah angka-angka yang kita buat mengikut pecahan bagi sektor-sektor ekonomi pertanian mengikut nilai penghasilan secara kasar dan mengikut harga semasa untuk tahun 1970, 1980, 1990 dan unjuran tahun 2000. Jadi sebab itulah terdapatnya perbezaan harga kerana cara-cara perkiraannya itu adalah berlainan, dasarnya berlainan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Saya terima *explanation* dan apa yang ditunjuk, Tuan Speaker, *production* keluaran empat-empat sektor ini di dalam 20 tahun ini dari 1970 pada tahun 1990 keluaran ada turun. Sektor ini, ekonomi ini, ada turun bukan bangkit, bukan kembang dan kita baca di dalam abad 21 *master plan* ini dan saya petik, dengan izin, *English version*.

"Despite agriculture's relatively small contribution to the state's GDP, it remains the backbone of the rural economy. It is a critical factor in rural development."

Tetapi apa kita tengok 20 tahun ialah sektor ini turun bukan kembang dan bila-bila baca suratkhbar, Ahli dari Kawasan Seberang Jaya kata Kerajaan jaga *rural sector, developing* sektor ekonomi luar bandar. Tiap-tiap kali cakap sampai basilah. Tetapi apa kita tengok sekarang ialah turun sebab kita tahu jika ikut (gangguan) penjelasan Ahli dari Kawasan Pinang Tunggal tadi beri cukup terang inflasi di negeri ini sudah langsung dua kali ganda dan manakah *development*, kemajuan di *rural sector economy*. Satu sektor yang ikut buku ini, *master plan Kerajaan, critical factor in rural development*. Apakah keluaran turun. Saya boleh terima jika *percentage* sektor ekonomi ini ada turun kerana ada lain sektor yang bangkit. Ada lain sektor yang kembang - *industrialization*. *Percentage* ada turun saya boleh terima tetapi *absolute figure*, Dato' Speaker, nilai pengeluaran macam mana boleh turun? Itu tunjuk produktiviti di sektor ini tidak baik. Dalam 20 tahun walaupun Kerajaan dari bekas Ketua Menteri sampai sekarang tiap-tiap kali mahu *modernize agriculture, revitalize rural economy, maximise income derived from agriculture*, tetapi apa sudah jadi? 20 tahun, apa *master plan* ini? *Increase, raise productivity of land*.

Tuan Speaker, 60% tanah negeri ini ialah *utilize for agriculture*. Mana? Dulu 75 *hectares*, 77,000 *hectares* tahun 1980 sekarang 64 tetapi manakah *improvement in productivity*? Mahu buat apa? *Encourage and develop rural and agro-based industrialization*. Ini bukan perkara yang baru. Bekas Ketua Menteri selalu, Tuan Speaker boleh ingat lagi tahun 70 an, Tuan Speaker dalam Dewan ini, saya di Dewan ini, sama. *Encourage, develop rural agro-based industrialization - horti-culture, hydroponic, modernize*. Apa sudah jadi? Dan sekarang ini *master plan*. Dan apa hendak buat, *target*? Pada tahun 2000, 209 *million* naik 20 *million*, 10 *percent*. Inilah *modernize*. Inilah *develop* dan saya tidak tahulah nilaian ringgit itu mahu kira adakah tambah inflasi yang akan datang pada 10 tahun. Habis taruh *what price*. Duit mana? Duit 2000 tahun 2000 atau duit 1990, saya pun tidak tahu. Tetapi mana *agricultural development* sektor ini? Tuan Speaker di dalam sektor ini juga ada *lifestock*, ternakan. Apa ternak? Lembu, kambing, babi, ayam, itik. Tetapi kita tahu kambing, lembu sedikit sahaja.

Sektor yang besar, subsektor yang besar di subsektor ini, ternakan, ialah babi dengan ayam. Dan apakah *percentage* babi? Di sini kita tahu, di Pulau Pinang *production* ikut *Malaysian Lifestock Industry Up-date* 1990, 300,000 ekor babi dan Pulau Pinang lebih daripada 10 *percent* keluaran babi di Semenanjung Malaysia dan nilaian keluaran sektor babi di Semenanjung Malaysia ialah \$1,350 juta setahun. 10 *percent* itu sudah \$130 juta dan apakah keluar dari *agriculture perse*, tidak kira lain sektor ini. Pertanian sahaja, berapa? Ada naik, ada turun dan sektor babi dan sektor ayam ialah sektor yang mustahak sebab rakyat makan *meat* dari dua ini, babi dengan ayam kerana *consumption* perkapita babi ialah 29 kilogram setahun setiap orang. Lebih daripada 29 kilogram. Apa ini? *Consumption* pada *poultry* ialah 22.6 kilogram seorang setiap tahun. Daging lembu 3 kilogram, 3.37 kilogram. Daging *mutton* 4.46 kilogram dan rakyat Pulau Pinang, Tuan Speaker, 60 lebih peratus ialah orang yang makan daging babi. Dan apakah datang, Tuan Speaker, dan membela ayam dengan itik *overwhelming* majority, Tuan Speaker, ialah datang dari kumpulan orang Cina, bukan dari luar bandar, orang luar bandar yang keturunan orang Melayu dan apakah *Deputy* Ketua Menteri, Ahli dari Seberang Jaya bercakap selalu, *rural economy sector* itu sebab itu miskin sekali kita terima. Kita sedar dan apakah buat? Ayam, Tuan Speaker, dengan babi ialah daging yang murah sekali. Murah pada ikan, murah pada kambing, murah pada lembu dan sebab itu polisi-polisi Kerajaan Pulau Pinang mesti ambil kira sektor babi dengan ayam.

60% lebih orang makan daging babi dan harga daging babi setengah pada harga lembu atau kambing dan jika Kerajaan Negeri ada ambil tindakan-tindakan membuat orang yang membela babi susah, siapa susah, rakyat Pulau Pinang susah. Semua orang ini jika tidak cukup babi bolehlah mari mahu makan lain daging dan harga mesti mahu lebih naik, lebih susah. Inilah ialah *protein requirement*, satu. Dua, Tuan Speaker, Ahli dari Kawasan Seberang Jaya kata Kerajaan bukan mahu berhentikan atau mahu ban orang membela babi. Apa Kerajaan mahu sahaja mahu mereka ikut peruntukan. Sebab isu ini ada *sensitivity* sedikit dan ada *pollution of waterways* sebab itu mesti ikut peruntukan.

Tuan Speaker, saya boleh terima, patut mereka yang membela babi ikut peraturan. Tetapi bila buat peraturan mestilah mahu tahu apa masalah boleh bangkit dan apakah masalah ini jika mahu ikut peraturan. Satu, yang besar sekali, modal yang kena belanja untuk infrastruktur dan patutlah Kerajaan Negeri siasat perkara ini dan tengok bagaimanakah Kerajaan boleh menolong orang-orang yang membela babi ikut peraturan. Jika tidak cukup modal mahu buat infrastruktur-infrastruktur yang peraturan Kerajaan memanggil mereka buat, adakah Kerajaan fikir apa skim boleh taruh naik

menolong mereka? Tuan Speaker, ini bukan satu perkara yang patut ditengok dari segi kaum. Perkara ini mesti mahu ditengok dari segi ekonomi, ekonomi Pulau Pinang, ekonomi negara, bukan kaum.

Tuan Speaker, kita tahu, semua tahu, Kerajaan ada beri bantuan *fertilisers*, *subsidy* pada orang yang tanam padi. Perkara ini tidak boleh tengok, tidak harus tengok, oh ini ialah satu pertolongan yang diberi pada orang Melayu. Tidak boleh ditengok dari segi kaum, mesti ditengok dari segi *national economy*, *national interest*, *national food security* dan pertolongan rakyat Malaysia. Patut Kerajaan Pusat buat begitu. Apa salah? Kita terima. Dan perkara membela babi ada masalah. Patut Kerajaan tengok masalah ini dari segi *national economy*, *protein requirements*, *living standards*, *improving of living standards*. Tengok dari segi itu dan buat. Tetapi masa kini apa pun tidak dibuat dan diharapkan, duduk harap *rural economy* boleh dibangkitkan, mahu *modernize*, menolong mereka buat infrastruktur yang boleh ikut peraturan Kerajaan. Itu *modernize* juga. Bukan sahaja kaum Melayu ada di luar bandar, kaum Cina pun ada walaupun mereka tidak begitu banyak. Tetapi apa yang mustahak ialah bagaimana ekonomi mereka, ekonomi aktiviti mereka boleh menolong negeri ini, menolong ekonomi *Penang*, buat ekonomi *Penang* lebih baik.

Tuan Speaker, jika tengok jawapan yang ada di beri, sektor pertanian, tidak kira ternakan, perikanan, perhutanan, tidak kembang, dari \$82 juta tahun 1970 sampai tahun 1990 \$154 juta. Jika ambil *into consideration inflation*, sektor ini sungguh-sungguh sudah jadi kecil dan sebab itu saya tidak boleh terima, Tuan Speaker, *master plan* yang *just fires hopes*. Cakap sahaja *with this*, *with that*, bagaimana, apa *concrete action*, tidak kata mahu *to generate balanced sosial and economic development*. Mana ada *balanced economic development*? Bandar *industrialization*, negeri dulu tahun 11% *growth rate*. *Economic sector - rural economy* berapa percent? Turun! Lebih kecil. Mana ada *growth*? Apa Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat di sektor yang penting *backbone of rural economy*, *critical factor in rural development*? Mahu buat *balanced social economic development*. Mana? Sebab apa sudah gagal? Saya fikir inilah datang Dewan ini tidak beri angka-angka yang ditanya. Jika ada baca jawapan yang kakitangan Kerajaan buat boleh tahu itu bukan apa yang saya tanya sebab *homework* pun tidak buat, baca jawapan pun tidak erti baca, datang ke sini, *let go* saja. Inilah sikap Ketua Menteri dan rakan-rakan beliau yang duduk di hadapan, *EXCO Members*! Kita tidak boleh terima lagi sikap-sikap begini, Tuan Speaker. Mereka patutlah ubah sikap mereka kerana kita ialah wakil rakyat. Mereka duduk di situ kerana rakyat pilih mereka, sama di sini, dan Tuan Speaker pun juga. Mesti mahu hormat sini, tidak boleh mari di sini, *slipshoddy work*, *flippant attitude*, *cavalier attitude*, beri jawapan sesuka hati. Tidak boleh diterima begini. Gaji kakitangan Kerajaan kita mahu lulus, gaji

front bench kita lulus. Kita tidak boleh terima *cavalier attitude* ini. *Utterly flippanant!* Tuan Speaker, Ahli dari Sungai Bakap bila beliau jawab mulut, buat jawapan hari Isnin, jawab kepada rakan saya dari Paya Terubong, perkara *coconut tree trunks* yang pemaju-pemaju pakai, tidak taruh *earth fillings* tetapi pakai *coconut tree trunks - coconut trunks*. Rakan saya dari Paya Terubong minta soalan itu, minta adakah pemaju buat, dan dimana? Nama beri, sebab Ketua Menteri berkata pada 31 Oktober tahun ini, dan saya petik apa dia kata: "*We have taken steps to tighten conditions on housing development as we are concerned with the plight of residents in the affected areas. Approving bodies such as Penang and Seberang Perai Municipal Councils, will beef up enforcement as well as imposing more stringent conditions on development projects especially in the issuance of O.C.*" He said during a press conference held at his office in KOMTAR. Dr. Koh said, "*Such irresponsible act was clearly evident in Chai Leng Park in Prai which was sinking. He added, "The developer involved had stuffed coconut trunks instead of earth when carrying out earth levelling works."* He said similarly the floods in Sungai Rambai area was caused by the housing developer who had ignored rules and regulations for quick gains.

Tuan Speaker rakan saya bertanya, siapakah pemaju ini dan mana ada dibuat begini? Ahli dari Sungai Bakap jawab - patut Ketua Menteri jawab tetapi Ahli dari Sungai Bakap jawab - dan beliau kata ada satu, di satu tempat satu pemaju bernama Tapaka Sdn. Bhd. ada buat begitu dan syarikat ini sudah tutup. Ada buat begitu. Tuan Speaker, satu Ahli yang datang ke Dewan ini jawab, mesti Ketua Menteri jawab, dia mahu jawab, mesti mahu serius. Tidak boleh datang sini baca apa kakitangan Kerajaan beri kepada dia. Beliau ialah tanggungjawab *must be responsible for his answers. The buck stops there*, bukan lain tempat. Walau bagaimana pun, sistem kita *finally buck stops* Ketua Menteri punya *table*. Tetapi Ahli dari Kawasan Sungai Bakap, dia kata ada satu kongsi, Tapaka Sdn. Bhd. ada buat begitu dan dia ada beri lot nombor, Lot 1499 Mk 11, SPS dan Lot 1500 Mk 11, SPS. Ada terjadi macam ini *coconut tree trunks instead of earth*. Tetapi, Tuan Speaker, saya diberitahu dan saya ada panggil *of fice* saya pergi periksa, buat *search in the Land Office* kelmarin. Ada satu kongsi, satu Syarikat, Tapaka Sdn. Bhd., mereka ada masuk *joint venture* dengan tuan tanah kedua-dua lot itu, mahu memaju dua-dua lot *housing estate*. Mereka ada *caveat* dua-dua tanah ini tetapi tidak buat apa-apa sebab *conversion fee* pun tidak boleh bayar dan mereka punya plan mahu pemaju..... permohonan dua-dua lot ini ada di tahun 88, tetapi sampai sekarang apa pun tidak di buat. Dua-dua lot ini ialah ladang kelapa sawit, kedua-dua ini dan baru sekarang, berapa hari sahaja dalam minggu ini baru dipotong kelapa sawit sedikit tempat sahaja. Itulah saya diberitahu dan sebab Tapaka Sdn. Bhd. ini tidak ada *financial strength* dan bukan tuan tanah, tuan tanah pergi *court* minta satu *order* tarik balik *caveat* itu dan habis itu di jual tanah itu pada satu lagi kongsi, Terra Firma Sdn. Bhd., baru sekarang sahaja.

Bagaimana, Tuan Speaker, boleh O.C. keluar? (ketawa). Ladang kelapa sawit, kelapa sawit, tidak ada rumah, apa pun tiada, baru mahu potong kelapa sawit. Bagaimana *housing activities*, *foundation* pun tidak ada, apa pun tidak buat lagi dan jika bukan di tanah ini dimanakah *coconut tree trunks* yang Ketua Menteri cakap, tuduh, ditaruh? Minta di Dewan ini betul atau tidak di Chai Leng Park? Kita mahu jawab. Apa dia kata -O.C. sudah keluar, O.C. sudah keluar, O.C. keluar sini sahaja. Lot 1499 dan 1500 kelapa sawit sahaja dan inilah, Tuan Speaker, datang Dewan ini cakap main-main, tidak siasat dahulu apa kakitangan Kerajaan beri kepada mereka, betul atau tidak? Hentam sahaja, *let go*. Sama Ahli Kawasan Pinang Tunggal, tidak téngok apa soalan, yang benar-benar soalan. Sekarang Ahli dari Sungai Bakap, *EXCO Member*, sekarang *EXCO Member* dulu *Deputy Minister*, bukan budak kecil, bukan *rawhide* dan sebab itu kita hairanlah datang sini buat jawapan begitu. Benar-benar tidak buat kerja atau, Tuan Speaker,.....

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, masih panjang lagi?

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Peter Paul Dason):

Ya

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 5.15 petang.

Dewan ditangguh pada jam 5.00 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 5.25 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula, masih dalam perbahasan dengan ucapan Ahli Bukit Glugor.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, patutlah saya baca soalan rakan saya, beri semua ahli-ahli ingatkan apa sudah jadi di Dewan ini pada Isnin, memandang kepada hakikat bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah membuat satu tuduhan awam yang serius mengenai ketidak bertanggungjawab pemaju perumahan swasta yang menyumbat batang-batang pokok kelapa untuk menggantikan tanah apabila kerja-kerja menyamaratakan tanah dibuat sepertimana yang dituduh oleh Y.A.B. Ketua Menteri menyebabkan berlakunya banjir di Seberang Perai. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan nama pemaju-pemaju

perumahan yang terlibat yang menimbulkan perkara yang tidak bertanggungjawab ini dan mengapa pihak Kerajaan sehingga sekarang tidak mengambil sebarang tindakan terhadap pemaju-pemaju perumahan ini? Dan apa Ahli dari Kawasan Sungai Bakap kata satu kawasan sahaja di Lot 1499 dan 1500 ada perkara ini. Walau pun, surat khabar, Ketua Menteri ada menamakan satu tempat tetap, itu Chai Leng Park, dan sebab itu kita mahu tahu dimanakah terjadi? Adakah Chai Leng Park, adakah Mukim 11 ini, dimanakah ada memakai pokok nyok dan dimanakah ada rumah yang O.C. sudah diberi dan ada pemaju memakai pokok nyok untuk *earth filling*? Kita tengok, Tuan Speaker, apa yang sudah jawab ini semua tidak benar. Dua-dua ahli, Ketua Menteri dan Ahli Kawasan Sungai Bakap, apa yang mereka cakap tidak boleh diterima lagi. Ini cukup sedih dengar jawapan yang diberi dari dua-dua pemimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dua-dua tidak terus terang dan saya tidak tahulah sebab apa Ahli Kawasan Sungai Bakap jawab bagaimana beliau sudah jawab. Sudah tentu dia terpaksa jawab begitu dan sudah tentulah ini politik dalam Gerakan sendirilah tetapi apa yang terang Tuan Speaker, Sungai Bakap sudah tentu mahu *fix* Ketua Menteri dan saya tengok kakitangan Kerajaan *fix* Ahli dari Kawasan Sungai Bakap pun. Sekarang dua-dua sudah kena *fix*. Satu beri satu kutu, lagi satu buat bagi satu kutu, sekarang sudah ada dua kutu. Dua *lies*, *conspiracy of lies*, *conspiracy misleading this House* dan kita mahu tahu terus terang. Rakyat ada hak mahu tahu apa yang benar dan saya percayalah satu *lie*, dua *lies*, *start off with one lie, must end up with a thousand lies to cover the original one lie*. Jika ada buat silap, akui. Kita boleh kata syabas, *gentlemen*. Jangan bersikap budak kecil. Tangkap tangan dalam *cookie jar* lagi kata tidak ada. Tidak curi dari *cookie jar*. Ini sikap tidak bertanggungjawab. Dato' Speaker, perkara ini cukup serius. Ini menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab dan tidak boleh diterima dalam Dewan ini lagi. Bila buat jawapan mesti mahu serius, mesti mahu tetap. Tidak mahu *exercise hairs splitting*. Saya kata begini, bukan begitu. Tanya satu soalan ada benar atau tidak. OC sudah keluar, saya tidak boleh ambil apa-apa tindakan. Senang punya perkara awak tidak boleh jawab, *straight answers*. Sebab itu saya mahu tanya, Tuan Speaker, menolong Dewan ini dan rakyat Pulau Pinang minta, *direct* Ketua Menteri dan Ahli dari Kawasan Sungai Bakap beritahu apa jawapan yang benar. Bukan main-main di dalam Dewan ini lagi. Tidak boleh terima sikap begini. Ini bukan sahaja tengok rakan saya di sebelah sini boleh *treat* mereka dengan *contempt*. Sikap seperti ini menunjukkan tidak menghormati Dato' Speaker pun. Sudah tentu mereka tidak ingat dan *insult* Tuan Speaker dan menghina Tuan Speaker juga. Mereka ingat boleh menghina ahli di sebelah sini tetapi bukan sahaja menghina ahli di sebelah sini, Tuan Speaker, Dewan ini, rakyat Pulau Pinang. Ini tidak boleh diterima lagi. Sikap begini tidak boleh diterima lagi.

Tuan Speaker, saya ada menyatakan sikap Ketua Menteri dengan rakan-rakannya di dalam EXCO ialah *flippant*. Sebab apa saya

katakan sikap mereka begitu? Tidak bertanggungjawab, sebab mereka tidak bertanggungjawab baru boleh jadi *flippant and cavalier*. Tuan Speaker, rakan-rakan saya di sini ada membuat soalan bertulis dan bila mereka menjawab bukan sahaja pada rakan saya, dengan rakan beliau dari belakang pun ada membuat soalan bertulis, dan apakah jawapannya. Ahli dari Bagan Jermal ada membuat satu soalan. Soalan No.2 ialah soalan bertulis dan apakah jawapannya? "Yang Berhormat boleh mendapatkan senarai agensi-agensi Kerajaan Negeri yang telah menggunakan tanah yang diambil di bawah *Land Acquisition Act* sejak 1 Januari, 1989 sehingga 31 Oktober, 1992 dan butir-butir berkenaan daripada Pengarah Pejabat Tanah dan Galian." Satu lagi soalan, No. 1, sama juga. Tanya lain pejabat. Jawapan kepada lagi 3 dia buat begitu. Lain-lain Yang Berhormat duduk di belakang situ, Ahli Kawasan Bayan Lepas pun mendapat jawapan sebegini. Apa ini, Tuan Speaker? Boleh datang satu masa, jika kita tidak *protest* dan Tuan Speaker tidak ambil tindakan, boleh datang satu masa, di mana semua Ahli EXCO kata perkara jalan tanya *City Council*, MPPP, MPSP, tanya JKR. Perkara *water authority*, *problem air*, tulis ke situ PBA boleh dapat jawapan. Perumahan, *Housing Department*, tulis ke situ. Tidak usah jawab di sini lagi. Mana boleh terima begini? Apakah sikap ini? Tidak pernah jadi di Dewan ini dahulu. Bekas Ketua Menteri, orang tua itu, tidak pernah buat begini, tetapi ini *new government*, *new leadership*, budak kecil, tunjuk perangai seperti ini. Mana boleh diterima, Tuan Speaker, soalan demi soalan.

Tuan Speaker, Saya hendak petik *Standing Orders*, *Order 25 Sub Rule 3:-*

"Notwithstanding anything hereafter contained any Member to whom a question is addressed may, with the approval of the Speaker, refuse to answer such question on the ground of public interest and such refused cannot be debated or questioned"

Sub Rule 4:

"The Speaker alone shall decide whether a question is or is not admissible under the Standing Orders and may disallow any question if it infringes any of the Standing Orders. He may, moreover, disallow any question when in his opinion it is an abuse of the right of questioning or is calculated to obstruct or impede the procedure of the Assembly"

Tetapi semua soalan ini semua Tuan Speaker luluskan. Tuan Speaker, *Rule 6, Order 25:-*

"Disallowance of a question, with the reasons therefor, shall be communicated in writing by the Clerk to the Member concerned"

Disallowed questions, Tuan Speaker ada kuasa *disallow*, Tuan Speaker *allow* dan apakah tanggungjawab ahli-ahli di dalam EXCO? Tanggungjawab mereka ialah beri jawapan. Apa Ketua Menteri buat? Pergi tanya sini, pergi tanya situ, sebab soalan ini semua *addressed* kepada Ketua Menteri. Walaupun portfolio itu sudah tentu dari Ahli Kawasan Seberang Jaya. Mesti mahu jawab. Bagaimana boleh tidak jawab? Tidak kata kepada kita bahawa soalan *disallowed by* Tuan Speaker. Dato' Speaker luluskan. Tidak mahu jawab dan apakah mereka buat? Sebab Tuan Speaker sudah luluskan mesti dijawab, tetapi tidak mahu jawab. Pergi tanya sini, tanya situ, tidak kata, "Tuan Speaker saya tidak mahu jawab soalan ini". Minta *permission* Tuan Speaker. Bagaimana ini, Tuan Speaker? Apa sudah terjadi kepada Dewan yang mulia ini? Soalan panjang, tentu. Tetapi Tuan Speaker saya ingat lagi, di Dewan ini bila Dr. Lim Chong Eu jadi Ketua Menteri, soalan sama yang mereka sekarang beri jawapan pergi tanya di situ, boleh dapat butir-butir, beliau berijawapan dan *annexure*, *8/9 pages annexure foolscap paper* dengan lampiran semua. Tetapi sekarang *new government, new style, less transparency* mereka mahu. Hendak sembunyi apa, takut apa? Tanggungjawab! Ini hendak sembunyi, takut, atau *sheer arrogance! Contempt* pada Dewan ini! *Contempt* pada Tuan Speaker! Ikut Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Bolehkah kita lepaskan ahli-ahli yang tidak bertanggungjawab begini? Saya paksa, Tuan Speaker, sudah terpaksa, tidak mahu bantah anggaran sebab gaji-gaji kakitangan Kerajaan semua mesti dilulus. Kalau tidak, semua tidak dapat gaji. Tetapi yang hadapan kita, *EXCO bench*, patut potong gaji mereka. Tetapi ikut peraturan sini, Tuan Speaker, *two days notice*, perkara ini baru bangkit. Tidak ada masa untuk beri *notice*. Jika beri *notice* hari ini atau kelmarin mereka bahaskan perkara ini pun sudah habis. *Notice* diberi pun tidak berguna. Nanti, jika ada masa mesti mahu potong gaji mereka. *Contempt showing contempt for this House. Sheer arrogance!* Tadi Ahli Kawasan Seberang Jaya fikir dia Ketua Menteri, *de facto*. Soalan *addressed* kepada Ketua Menteri. Saya fikir dia sendiri yang buat, dia sendiri *arrogant* bukan jika dia kerana perkara ini semua tanah, portfolio Ahli Kawasan Seberang Jaya. Inilah sikap Ahli Kawasan Seberang Jaya dan Ketua Menteri tidak boleh buat apa-apa. Betul atau tidak? Tidak ada kuasa, ada pangkat. Jika ada kuasa, tidak bertanggungjawab, *arrogant*. 2 tahun sudah jadi Ketua Menteri, *very arrogant*.

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Jangan marah.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Mesti marah. Kita tidak marah, tidak bangkitkan perkara ini, saya berani kata, datang lagi sesi Dewan yang mulia ini, jawapan semua tidak akan diberi, tidak mahu beri jawapan. Mesti boleh terjadi.

Ini testing DAP, testing members of this House. Ahli di belakang situ dapat *same treatment*, saya tahu. Pergi sini, pergi situ, pergi tanya, tidak berani (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Tuan Haji Ahmad bin Saad):

Tidak apa, kita semua sudah pandai.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Bukan pandai. Dia bodoh, terima kalau *you* bodoh. Tetapi kalau dibangkitkan perkara ini, *protest too loudly* sekali lagi tidak dapat tanding pilihanraya. Jaga baik-baik. Tetapi sini tidak peduli, tidak bertanggungjawab kita kata tidak bertanggungjawab. Mahu ambil hak kita pergi, tidak boleh dibenarkan. *We fight to the end*. Janganlah *try new tactics* dengan kita, *won't get through*.

Tuan Speaker, Kerajaan ini..... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan, Tuan Speaker, saya berdiri atas *point of order*. Oleh kerana Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor ada menimbulkan satu perkara yang sangat penting dalam Dewan bersabit dengan Peraturan Mesyuarat. Oleh kerana Peraturan Mesyuarat 25(4),(5) adalah bersabit dengan soalan dan sebenarnya apabila kita baca 25(4):-

"The Speaker alone shall decide whether a question is or is not admissible under the Standing Orders and may disallow any question if it infringes any of the Standing Orders. He may, move over, disallow any question when in his opinion it is an abuse of the right of questioning or is calculated to obstruct or impede the procedure of the Assembly"

Di sini bukan sahaja semua soalan-soalan yang dikemukakan ada diluluskan oleh Dato' Speaker, tetapi cara jawapan yang mengelakkan memberi jawapan-jawapan yang diminta dengan jelasnya ialah satu *abuse of the right of answering and the abuse of the right of answering and is calculated to obstruct and impede the procedure of the Assembly*. Oleh kerana soalan-soalan bertulis yang diberi, kita semua tahu diberi supaya kita boleh dapat maklumat-maklumat yang boleh digunakan dalam perbahasan yang berikutnya mengenai *budget*, mengenai usul pembangunan tetapi dengan cara-cara yang kali yang pertama, bukan sahaja dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tetapi dalam pengalaman saya sebagai wakil rakyat baikpun Parlimen atau Dewan Undangan Negeri lebih daripada 20 tahun, inilah kali yang pertama soalan yang dikemukakan, jawapan ialah boleh pergi tanya orang bawahan, jabatan bawahan. Mana jabatan bawahan, orang bawahan di mana.... Inilah tempat yang mulia semua jawapan patut

dikemukakan. Ini kita tidak boleh benarkan. Ini *abuse of privilege*. Inilah salahguna kuasa. Inilah *unparliamentary*. Inilah *irresponsible*. Inilah tidak boleh dibenarkan dan patut dicegah sebelum ia menjadi satu masalah yang lebih besar. Tentulah kita mahu tanya apa sebab sikap begitu. Tidak pernah berlaku di mana-mana, Parlimen tidak pernah berlaku dan mana-mana *Assembly* tidak pernah berlaku. Tetapi datanglah visi bawa *Penang* kepada Abad 21, barulah berlaku.

Saya mahu meminta Dato' Speaker buat satu keputusan bahawa cara-cara jawapan ini menyalahi peraturan-peraturan dan bahawa semua jawapan-jawapan yang dijawab sedemikian patut dijawab dengan betul sebelum sidang Dewan *Budget* ini berakhir. Kalau Y.A.B Ketua Menteri sendiri boleh berdiri memberi satu jaminan bahawa jawapan-jawapan yang betul akan diberikan, tentulah tidak payah Dato' Speaker memberi satu *ruling*. Ini mustahak. Kalau tidak, apa guna? Mana-mana Parlimen di dunia pun tidak pernah berlaku. Soalan dikemukakan, dia kata, mahu jawapankah tanyalah orang bawahan saya, jabatan bawahan saya. Ini *scandalous*. Mungkin Y.A.B Ketua Menteri tidak tahu, saya tidak tahulah. Saya tidak mahu buat apa-apa *personal innuendo*. tetapi ini tidak betul. Saya harap kalau Y.A.B Ketua Menteri boleh sekarang tahu ini tidak patut berlaku dan memberi jaminan semua jawapan-jawapan yang betul akan diberi sebelum Dewan ini berakhir, perkara ini selesai di sini. Kalau tidak saya rasa satu, mahu berdiri? Boleh. Mahu penjelasan?

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya memang sudah arahkan semua pegawai yang telah disebut dalam jawapan bersedia dengan jawapan tetapi oleh kerana masa yang suntuk, tidak dapat dicetak untuk diedarkan. Oleh itu pada saat yang terakhir, saya merujuk Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan itu untuk merujuk kepada pegawai yang berkenaan untuk mendapat, dan kalau diberi masa, jawapan akan dibentangkan di sini. Saya memberi jaminan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Adakah ini bererti bahawa pentadbiran Kerajaan sekarang tidak cekap apabila dibanding dengan Kerajaan dahulu, apabila dibandingkan dengan Kerajaan di negeri-negeri lain, berbanding dengan pentadbiran Parlimen? Tidak pernah berlaku tidak cukup masa, kenapa sekarang ada?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya memberi penjelasan. Kerana soalan-soalan yang ditanya itu memerlukan banyak butir. Kali ini memang saya mesti kata di sini, banyak butir-butir. Bukan kerana kami hendak mengelakkan daripada menjawabnya tetapi soalan yang diminta itu butir-butir yang begitu banyak sekali kalau dibandingkan dengan sesi yang dahulu. Ini bukanlah dibuat dengan sengaja. Sebenarnya soalan disediakan pada hari yang pertama pun tetapi tidak sempat untuk dicetak dan diedarkan kepada semua. Oleh itu saya meminta Ahli yang berkenaan untuk mendapatkan daripada pegawai dan kalau pada hari yang pertama boleh dapat, sekarang pun boleh diberi (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Boleh kita dapat sebelum akhir sidang ini semua jawapan, boleh? Okay, harap besok kita boleh dapat semua jawapan.

Tuan Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, saya boleh sambung?

Tuan Speaker:

Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, rakan saya dari Paya Terubong ada membuat satu soalan bertulis dan jawapan yang diberi oleh Ketua Menteri ialah lebih pada *shocking*, Tuan Speaker, dan saya petik soalan dan jawapan.

"Nyatakan nama kilang-kilang di Pulau Pinang yang menyimpan sisa-sisa toksik industri di premis kilang mereka dengan memberikan jumlah dan jenis sisa toksid yang disimpan setakat ini. Bilakah setesyen untuk memindahkan sisa-sisa toksik ini akan dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dengan memberikan lokasinya?"

Apakah jawapannya Tuan Speaker.

"Nama-nama kilang menyimpan sisa-sisa toksik adalah dianggap sulit dan tidak boleh diberitahu kepada orang ramai."

Sulit, Tuan Speaker, tidak boleh diberitahu kepada orang ramai. Orang ramai tidak ada hak untuk mengetahui apa industri di sini yang menyimpan sisa-sisa toksik. Saya fikir ini satu polisi yang baru. Begitu juga dengan jumlah dan jenis sisa-sisa toksik yang disimpan di tiap-tiap kilang tidak boleh diberitahu disebabkan perkara ini adalah menjadi rahsia perniagaan syarikat-syarikat tersebut (gangguan).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Toksik rahsia? OSA?

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Sistem pemindahan untuk sisa-sisa toksik di Bukit Minyak dijangka akan dibina pada hujung tahun 1993. Tuan Speaker, jika kita terima jawapan ini, apa ertinya? Rakyat tidak ada hak untuk mengetahui tepi rumah mereka ada kilang yang menyimpan sisa-sisa toksik. Mereka tidak boleh tahu. Tuan Speaker, jawapan ini saya hairan tidak menjadi rahsia. Ini pun patut dirahsiakan, Jangan beri rakyat tahu mereka tidak ada hak untuk mengetahui. Ini rahsia. Tidak ada *right to know* kilang mana ada toksik, di mana mereka simpan dan berapa banyak toksik yang ada. Bagaimana mereka hendak tahu sama ada toksik ini dijaga dengan baik-baik atau tidak, ada di *store* baik-baik atau tidak, ada *leak* atau tidak? Semua rahsia. Bagaimana ini terjadi? *New law*, apa dibuat ini, berapa banyak toksik mereka simpan? Rahsia perniagaan syarikat-syarikat tersebut. Atas Ordinan mana, Enakmen mana di Negeri Pulau Pinang atau Akta Kerajaan *Federation* yang mana perkara-perkara toksik ini ialah satu perkara rahsia? Ini bukan kos mereka, berapa mereka belanja, keluarkan satu barang, kos mereka, bukan *teknological*, *secrets production* mereka. Itu rahsia, boleh diterima. Perkara toksid, simpan ini, rahsia. Saya tahu Ahli dari Kawasan Ara Rendang berkata ini rahsia, patut rahsia. Jika MPSP tidak buat kerja orang tidak boleh tahu. Dia mengakui ini rahsia. Kilang-kilang simpan sisa-sisa toksik, tidak apa. Rakyat tidak tahu di Seberang Perai, lebih bagus, kepala pun tidak sakit. Tidak usah jawab, tidak usah jaga.

Bagaimanakah Kerajaan menyiasat perkara ini? Siapa tahu. Ada buat siasatan, patut buat atau tidak, rakyat pun tidak tahu. Rahsia! Ini *official secrets*, tidak boleh diberitahu kepada orang ramai, *you masuk jail*. *Fremantle*. Bagaimana, Tuan Speaker, satu barang yang begitu merbahaya, kita tidak boleh tahu? Dan bahaya sekali Tuan Speaker, ialah industri elektronik, *plating industries*, *electronics*. Mereka simpan *toxic materials*, *heavy metal wastes*, *zinc*, *nickel*, *tin*, *cyanide*, *lead*, *copper*, semua merbahaya. Adakah mereka simpan baik-baik? Kita tidak tahu. Rahsia! Tahu tetapi tidak mahu beritahu kepada rakyat. Sebab apa. Rakyat nanti membantah (gangguan).

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Dato' Speaker, soalan yang ditanya ialah apakah nama-nama bahan toksik yang dikeluarkan oleh kilang-kilang ini? Semasa kita mendapat maklumat ini, sebahagian besar kilang ini enggan memberi dan *they give us*, dengan izin, perkara-perkara ini *in confidence* kerana bagi mereka, izinkan saya habis, sebahagian daripada *waste product*, daripada situ kalau sudah tahu *chemical compositionnya* akan menjejaskan dan akan membuka peluang kepada *competitors*. Walau bagaimanapun, Dato' Speaker, kita tahu dan kita ada rekod berapa banyak dan kategori, mengikut yang dikategorikan. Kalau Yang Berhormat hendak, saya hendak baca. Ya? Umpamanya kategori A iaitu *oil waste*, kita ada 83,724 kg. Itu *oil waste*. Kategori B, *waste containing hallogen* dan juga *sulfur* serta *organic chemical waste* 11,300 kg. *Waste solvent* iaitu pelarut-pelarut *waste without hallogen and sulphur* 11,963 kg. *Organic chemical waste without hallogen and sulphur* 267,270 kg. *Inorganic waste* 1,270,045 kg. *Miscellaneous* 64,140 kg menjadikan jumlah 1,708,442 kg. Saya hendak tegaskan bahawa *figure* ini *keep on changing* daripada masa ke semasa.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, soalan yang rakan saya buat ialah nyatakan nama kilang-kilang di Pulau Pinang yang menyimpan sisa-sisa toksik. Bukan *just* jumlah. Nama dan berapa banyak toksik di kilang itu. Boleh beritahu nama kilang-kilang?

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Dato' Speaker, dari awal tadi saya sudah beri penjelasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan. Menurut alasan yang diberi oleh Ahli Kawasan Ara Rendang, bukankah ini *protecting the* majikan *against the people*? Jikalau tidak boleh beri nama, bagaimana hendak dikawal? Bukan sahaja Kerajaan kawal rakyat pun ada hak untuk mengawal agar toksik-toksik ini tidak mencemarkan alam sekitar dan membahayakan mereka. Nama mesti kita tahu. Bukankah ini *protecting the* majikan?

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Perkara ini diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar. Kita percaya Jabatan Alam Sekitar mempunyai cukup kemampuan untuk menjaga kepentingan orang awam.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

I am not sure they are efficient.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

At least kita government percaya.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Saya tidak percaya. Saya mahu kawal, rakyat mahu kawal....
(gangguan).

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Itu memang sikap DAP tidak percaya sesiapa pun.

Sikap DAP memang tidak percaya siapa pun, minta maaf.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat (gangguan)

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Saya mahu kawal, rakyat mahu kawal ... (gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, saya cukup hairanlah dengan sikap Ahli Kawasan Ara Rendang. Beliau fikir beliau ialah wakil kilang-kilang ini dan bukan wakil rakyat.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Agen besar.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, beliau kata Jabatan Alam Sekitar... (gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Lim Kit Siang):

Penjelasan. Bukankah Yang Berhormat dari Bukit Gelugor, sama-sama seperti kita, saya percaya Dato' Speaker dan semua yang lain dengar satu konsep bahawa maklumat mengenai sisa-sisa toksik yang diberikan oleh kilang-kilang ialah *confidential*, ialah rasmi. Adakah ini satu konsep yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa ini *confidential*? Kenapa ini perlu menjadi

confidential? Bukankah ini satu sikap yang bertentangan dengan kepentingan orang ramai, kepentingan negeri dan negara? Kenapa *confidential*? Amanah itu *open government, responsible government, accountable government*. Kalau inilah sikap, dasar, pendirian Kerajaan Negeri dasar ini perlu diubahkan oleh kerana perkara ini tidak patut dijadikan *confidential*. Tentu apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganggap ini *confidential* yang mahu menjaga dan melindungi kilang-kilang supaya ia *confidential*, mesti ada alasan. Apa alasannya?

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini bukan sesi soal-jawab. Jadi apa yang Bukit Gelugor hendak cakap, cakap dan sampai waktunya ahli-ahli sini akan jawab. Teruskan dengan ucapan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Ini OC yang silap, Tuan Speaker. Saya mahu tahu, rakyat mahu tahu, adakah kilang-kilang ini sebelum mereka melabur di negeri ini membuat satu syarat *toxic waste* mereka, sisa-sisa toksik mereka, berapa banyak ada, semua mesti *confidential*? Adakah syarat-syarat begini? Dan adakah Kerajaan Negeri terima syarat begini? Boleh jawab?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, teruskan dengan ucapan. Sampai waktunya saya akan minta semua orang jawab. Teruskan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Itulah Dato' Speaker, di *master plan* mereka, abad 21, buku yang Ketua Menteri siarkan, ada kata *environmental friendly industries*, semua ini tetapi perkara ini semua rahsia. Kepentingan rakyat tidak apa. Sebab *toxic wastes health* ini *hazard*, dan jika satu benda yang disimpan boleh menjadi *health hazard* rakyat, mereka mesti ada hak untuk mengetahui mereka duduk dekat satu *poisonous waste dump* atau tidak.

Tuan Speaker, Ahli dari Ara Rendang menyatakan bahawa mereka percaya kepada Jabatan Alam Sekitar, mereka boleh menjaga. Apa yang saya tahu, Jabatan Alam Sekitar ialah *enforcement body* Kerajaan Pusat tetapi di rantau utara Malaysia - Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak ada 2 jabatan sahaja, satu jabatan di Perlis, satu di Pulau Pinang dan Kedah. Dia ada satu *office* di Butterworth. Penang dia *cover island*, Butterworth, Perai, Bukit Tengah dan Mak Mandin. Satu lagi jabatan jaga Kulim, Bukit Mertajam, Sungai Petani dan Alma. Adakah cukup kakitangan di jabatan ini? Tidak cukup. Pukul berapakah jabatan ini dibuka? Dari 8.00 pagi sampai pukul 4.00 petang

sahaja. Mereka tidak bekerja *overtime*. *Enforcement officers*, mereka pergi kilang-kilang semua waktu pagi habis sambungan dengan kilang, mahu datang dan *check*. Kilang-kilang ini semua buka *operating electronic industries* 24 jam, 3 syif. Tetapi *check*, jika ada *check*, pukul berapa? 8.00 pagi sampai pukul 4.00 petang. Selepas itu tidak payah *check*. Dia punya *waste* sudah keluar. Adakah *treatment*, *water treatment* ada dilakukan atau tidak? Habis pukul 4.00 petang, Siapa pergi *check*? Tiada *check*. Dan jika kilang-kilang itu selepas ini mengeluarkan barang-barang toksid dalam *water wastes*, siapa tahu? Esok pagi datang dia sudah balik. *Treatment plant* jalan dan test di air mana dekat kilang itu.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Tuan Speaker, semua itu akan saya jawab, cuma sedikit pembetulan. Jabatan Alam Sekitar yang ada di Butterworth sebenarnya menjaga seluruh Pulau Pinang sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Saya terima, *I stand to be corrected*. Tetapi berapakah kakitangan, sama ada cukup atau tidak? Saya tahu *you must answer tomorrow. While I am speaking you cannot answer, without my permission*.

Tuan Speaker, kilang-kilang ini sudah dibuka 20 tahun yang lalu. Bila mereka dibuka kecil, lepas itu ada *expansion*. Adakah *treatment plant* lebih besar, kita pun tidak tahu? Toksid mereka ada *check* atau tidak, *check* cukup atau tidak cukup, *waste* ada masuk, sama ada di *treat properly*? *Sludge* mereka yang ada sisa-sisa toksid yang cukup merbahaya, mesti mahu banyak, 20 tahun sudah simpan, simpan di dalam apa? Dalam tong? Ada *leak* tidak *leak*, siapa tahu? Semua rahsia. Tidak tahu, tidak tentu, jika Jabatan Alam Sekitar tahu. Ahli dari Kawasan Ara Rendang tahu, rakyat tahu atau tidak? Mereka tidak ada hak. Ini adalah satu konsep yang tidak boleh diterima. Tuan Speaker.

Tuan Speaker, di buku ini, mukasurat 58, "*Drawing up a State Conservation Plan*" saya petik, Tuan Speaker, dengan izin:-

"a State Conservation Plan.

will be drawn up to cover all major environmental issues in the state and provide guidelines for incorporating environmental considerations into development planning. It would also provide the overall framework for environment protection and resource conservation as well as the specific mechanisms to review periodically"

Baru, sekarang tidak ada pelan. *Under master plan* baru fikir.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Teoh Teik Huat):

Baru mahu pelan, baru mahu sahaja. Dulu tidak ada pelan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Tuan Speaker, apa pelan. Dato' Speaker, apa yang ada hari'ini, saya tahu, Jabatan Alam Sekitar, tidak cukup (gangguan). Berapa tong ada, berapa banyak? Bukan sahaja sisa-sisa toksik, sisa-sisa industrial tekstil, keluar *industrial waste*, *oxygen demand* yang tinggi, tidak ada oksigen lagi dalam ini yang masuk di dalam parit kita, yang masuk dalam laut kita. Ikan di laut-laut semua mati. Tetapi apa yang tidak boleh diterima ialah sikap Kerajaan ini. *New kind of concepts*, tidak peduli kepentingan rakyat. Rakyat mahu tahu berapa banyak *sludge*, sisa-sisa toksik di negeri ini. Perkara begini sudah diwujudkan di banyak negeri. *Environmental sicknesses* terjadi di banyak negara dan kita di Pulau Pinang tidak boleh tahu, rakyat tidak ada tinggi. Ini tidak boleh Tuan Speaker, tidak boleh diterima. Saya haraplah Kerajaan tukar, bukan *law* yang kata ini perkara yang rahsia. Ikutjawapan dari Ara Rendang, ini ialah satu *request*, permohonan dari syarikat-syarikat ini sebab mereka kata *pull the wool over* Kerajaan Negeri, tidak mahu *competitors* mereka tahu *secret* mereka. *Its a request*, bukan hak mereka tidak mahu beritahu kepada rakyat. Kerajaan sendiri mahu *oblige* kilang-kilang *multinational* ini seperti National Semiconductor, Advanced Micro Devices, Hitachi Semiconductors, Intel, Simmons. Multinationals, kongsi besar, dan takutkah? Takut mereka cabut, tarik balik. Tetapi dengar Ahli dari Kawasan Kebun Bunga Pulau Pinang buat itu, baik, mereka sendiri datang sini, tolong beri mereka masuk, buka kilang di sini. Apa yang hendak ditakutkan? Mahu dengar permohonan mereka, *excuse* mereka, tidak usah diberitahu, *keep this a secret*. Bukan *law*, bukan *bylaw* mereka ada hak *cannot publish*, *State Government cannot publish* - tidak. Ahli kita dari Ara Rendang terima *on behalf of the people of Penang*. Beliau buat satu *decision* seperti itu. Mana boleh Tuan Speaker? Perkara ini cukup penting. Rakyat Pulau Pinang ada hak jaga *health* mereka. Jika mahu jaga mesti mahu tahu. Tiada informasi mana boleh tahu. Tidak ada maklumat mana boleh tahu. Bahaya ada di situ, jaga baik, tidak jaga baik, patut tengok. Adakah kakitangan Jabatan Alam Sekitar pergi *check* atau tidak? Boleh tahukah? Mana ada *check* di sini? Ambil *word of* Ara Rendang dan dia percaya kepada Jabatan Alam Sekitar.

Jika rakyat mahu percaya macam ini, tidak timbul di negara ini banyak masalah. Kerajaan boleh percaya semua. Jika mereka buat kesilapan siapa sakit, kakitangan dari Alam Sekitar? Ahli dari Ara Rendang atau rakyat atau keluarga saya? Mana boleh kata? Saya harap Kerajaan Negeri ubah polisi ini. Ini bukan satu polisi, ini *favour*, *favour to multinationals*, *request*, *agree*, sedia menolong. Tidak boleh lagi, Tuan Speaker. Saya harap Ketua Menteri fikir lagi satu kali sebab perkara ini terlampau penting.

Tuan Speaker, kadang-kadang saya hairan Kerajaan tahu atau tidak, tangan kiri tahu tidak apa tangan kanan buat. Saya tengok mereka tidak tahu. Tuan Speaker, rakan saya dari Jawi ada buat satu soalan dan mereka bangkitkan perkara rumah kos rendah Taman Merak yang patut menilai kos tidak lebih \$25,000 dan beliau bertanya, adakah Kerajaan sedar bahawa pemaju menjual unit-unit rumah kos rendah ini melebihi harga \$25,000 iaitu antara \$55,000 hingga \$63,000 di lot-lot 929 hingga 941 dan lot-lot dari 801 hingga 815. Jika ada dan jika tahu, apakah tindakan yang diambil? Apakah jawapan, Tuan Speaker? "Setakat ini, tidak ada pembeli yang membangkitkan kepada Kerajaan Negeri mengenai masalah harga yang melebihi \$25,000 seunit bagi unit-unit kos rendah yang dibina di atas lot-lot berkenaan" Dan siapakah, Tuan Speaker, yang membina *privatisation*, perumahan di situ? Itulah Asas Dunia Sdn. Bhd. Kerajaan Pulau Pinang beri mereka peluang naikan kos rendah rumah ini. Bila rakan saya minta, bangkitkan soalan ini, jawapan *flippant*. Setakat ini tidak ada pembeli yang membangkitkan kepada Kerajaan Negeri mengenai masalah harga ini. Soalan ialah sedar atau tidak, bukan adakah pembeli bangkitkan perkara ini. Sedar atau tidak? Tidak kata tidak sedar, tidak kata sedar. Tidak bangkitkan, siapa pun tidak bangkitkan, pembeli tidak bangkitkan. Tetapi ada sedar atau tidak, Kerajaan sedar atau tidak? Agensi-agensi Kerajaan sedar tidak? Ada siasat kah? Tidak. Kerajaan tidak dapat, siapa pun tidak bangkitkan tetapi, Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Seberang Perai ... Mana itu Ahli Ara Rendang? Beliau jadi Pengerusi MPSP dan Pengerusi Housing. Beliaulah ahli yang bertanggungjawab *housing* di Negeri ini dan beliau juga ialah Yang DiPertua MPSP. Dan adalah Majlis Perbandaran Seberang Perai menulis kepada Bahagian Pelesenan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kuala Lumpur, tulis satu surat, bertarikh 29 Julai, 1992, c.c. CAP. Apa mereka kata? Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan salinan surat daripada Persatuan Pengguna Negeri Pulau Pinang dan dokumen berkaitan untuk tindakan tuan. Untuk makluman tuan Majlis telah meluluskan pindaan dan tambahan bagi unit-unit berkenaan plot 801 sampai 815 dan 929 sampai 941 pada 30 Mac 1991 untuk rumah teres kos rendah setelah pemaju memberi jaminan harga jualan tidak berubah sebarangnya. Majlis telah mengeluarkan sijil penyertaan pemuda pada 26 bagi unit-unit tersebut sebagai rumah kos rendah. Dan Majlis, MPSP, sudah tahu dan Ahli dari Ara Rendang yang ketua MPSP dan di Dewan ini jadi satu *EXCO Member* dan Potfolio Perumahan dibawah *responsibility* beliau, MPSP tulis surat ini, disini bila perkara ini dibangkitkan, beliau jadi *EXCO Member for Housing* jawab soalan ini dan berkata di sini "Tidak ada pembeli-pembeli yang membangkitkan kepada Kerajaan Negeri mengenai masalah harga yang melebihi \$25,000". Sendiri, MPSP hantar surat kepada Kuala Lumpur. Apa ini Tuan Speaker? Main-main di sinikah? Inikah tanggungjawab? Angkat rakyat Pulau Pinang *for a ride*? Main-main dengan Ahli Dewan Undangan Negeri sebelah sini atau mahu...? Sama juga mereka *treat you*. Soalan bertulis tengok - pergi situ, pergi sini. Mana boleh teruna?

Gelak, seronok hati? Gelak... (ketawa).

Gelaklah, seronok hati saya tahu. Kerajaan, pemimpin buat begitu, Ahli dari Kawasan Penaga dia fikir bagus, cantik, cekap, amanah, bersih. Itulah fikiran Ahli dari Kawasan Penaga...(gangguan)

Ahli Kawasan Penaga (Encik Azhar bin Ibrahim):

Apa pasal ini.....(ketawa)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Encik K. Balasundaram):

Gelak punya pasal.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Ahli dari Kawasan Penaga, duduk, saya belum beri jalan lagi. Ahli dari Kawasan Penaga beri saya satu *chance* memakai beliau hentam lain orang, saya mesti mahu pakai....(ketawa) Kadang-kadang saya buang *opportunity*lah...(gangguan)

Ahli Kawasan Penaga (Encik Azhar bin Ibrahim):

Saya gelak, *you* sudah mahu gaduh.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Encik Peter Paul Dason):

Bukan marah. Saya memakai Ahli dari Kawasan Penaga hentam rakan beliau. *Cannon* sikit tahu, main *billiards*, ada *cannon* sikit, mahu cari Ara Rendang, dia keluar, sayang. Inilah sikap tidak hormati Dewan ini, *flippant attitude*, *irreponsible attitude*, tidak ada tanggungjawab. Semua, berapa banyak, majoriti begitu. Patut, Tuan Speaker, potong gaji mereka semua. Patut tidak luluskan anggaran ini tetapi apa mahu buat. Kakitangan Kerajaan yang tidak berdosa, gaji mereka tidak boleh dapat jika kita tidak luluskan anggaran ini. Saya harapkan, Tuan Speaker, semua sikap-sikap begini boleh ditukar dan saya harap tidak usah lagi sekali rakan saya atau saya mari datang sini marah begini, tidak *repeat this kind of nonsense*. Terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.30 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.